

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 LATAR BELAKANG KAJIAN

Pattani merupakan sebuah wilayah di sebahagian Selatan Thailand¹. Penduduknya majoriti beragama Islam dan berketurunan Melayu. Mereka mempunyai kedudukan dan sejarah latar belakang tersendiri dari aspek agama, bangsa dan budaya berbeza dengan wilayah-wilayah lain. Mereka juga merupakan penduduk minoriti di Thailand yang mengamalkan ajaran Islam secara sukarela selagi tidak bertentangan dengan Undang-undang Negara Thailand.² Mereka diberi peluang untuk menghayati ajaran Islam dan melaksanakan sebahagian daripada undang-undang Islam, terutamanya berkaitan dengan perkara kekeluargaan dan harta pusaka. Bagi memastikan perbicaraan yang dilaksanakan di dalam Mahkamah Sivil Thailand mengikut undang-undang Islam, seorang hakim telah dilantik dari kalangan orang Islam yang pakar dalam hukum-hakam agama Islam ia dikenali sebagai Dato' Yuttitham.

Dalam negara Thailand, Majlis Agama Islam ditubuhkan melalui Akta Pentadbiran Badan Agama Islam atau dikenali sebagai “Pra Racha Banyat Ongkarn Bareeharn Sasena 2540” melalui seksyen 23 yang mana menyatakan bahawa: “*Manapun wilayah yang mempunyai penduduk beragama Islam dan memiliki Masjid lebih dari tiga buah Masjid maka dikehendaki supaya Ahli Jawatankuasa Agama dengan*

¹ A. Bangnara (1977), *Fatani Dahulu dan Sekarang*. Pattani : Penal Penyelidikan Angkatan al-Fatani, h.1.

² Mahamatayuding Samah (2002), “Pentadbiran Undang-undang Islam di tiga wilayah Selatan Thailand (Pattani, Yala dan Narathiwat)” (Disertasi, Jabatan Syariah, Akademi Islam, University Malaya), h.71.

Pusat (Negeri) melantik Ahli Jawatankuasa hal ehwal Agama Islam Wilayah (Ahli Majlis Agama Islam) yang tidak kurang dari sembilan orang dan tidak lebih dari tiga puluh orang”.

Sehubungan dengan itu, bidang kuasa Majlis Agama Islam adalah badan yang bertanggungjawab mentadbir dan mengurus hal ehwal agama Islam yang berkaitan dalam soal kekeluargaan dan pusaka.³ Hal ini termasuklah dalam mengeluarkan prosedur-prosedur yang berkaitan dengan kepentingan masyarakat Islam Pattani. Majlis Agama Islam Pattani sangat dipercayai dan disanjung tinggi oleh masyarakat Islam di Thailand. Ahli anggota Majlis Agama Islam pula, dipilih berdasarkan persetujuan dalam mesyuarat yang dilakukan di kalangan imam Masjid sebagai wakil daripada masyarakat Islam di wilayah itu sendiri.⁴ Oleh sebab itu, Masyarakat Islam Pattani sangat mematuhi segala aturcara dan arahan yang dikeluarkan oleh Majlis Agama Islam yang bertindak sebagai sebuah institusi agama yang ditubuhkan untuk orang Islam.

Secara tidak langsung penubuhan Majlis Agama Islam, jelas menunjukkan kepentingan dan peranan yang dimainkan oleh Majlis itu terhadap masyarakat Islam Pattani di Thailand. Masyarakat Islam dapat mengetahui hal-hal ehwal agama Islam dalam kehidupan dan melaksanakannya termasuklah bernazar. Ibadah nazar pada dasarnya bukanlah satu perkara yang wajib untuk dilaksanakan. Ibadah itu dilakukan oleh seseorang untuk mendekatkan dirinya kepada Allah. Walaupun begitu ibadah nazar itu haruslah dilakukan dalam perkara yang baik dan tidak bertentangan dengan syariat Islam. Amalan nazar yang sering diamalkan oleh masyarakat Islam Pattani ialah

³ Akta Prarajbanyat kan Borihan Ongkon Sasena Islam BD 2540 (Akta Pentadbiran Agama Islam 1997). Seksyen 23.

⁴ Akta Prarajbanyat kan Borihan Ongkon Sasena Islam BD 2540 (Akta Pentadbiran Agama Islam 1997). Seksyen 24.

bernazar harta. Namun amalan menazar harta yang diamalkan itu,mempunyai sedikit perbezaan daripada amalan nazar yang disyariatkan. Hal ini disebabkan mereka menganggapkan amalan bernazar itu sebagai satu wasiat. Keadaan ini juga menjadi tanggungjawab Majlis Agama Islam Pattani sebagai badan agama dalam menguruskan hal-hal yang berkaitan dengan amalan bernazar di kalangan masyarakat Islam Pattani di Selatan Thailand.

1.2 LATAR BELAKANG MASALAH KAJIAN

Di Pattani, menazar harta adalah salah satu amalan di kalangan masyarakat Islam. Mereka menganggap menazar harta itu sebagai wasiat dan juga sebagai cara untuk pindahan hak milik terhadap sesuatu harta kepada sesiapa yang dikehendaki selepas meninggal dunia. Jika dilihat dari aspek perancangan dan pengurusan harta masyarakat Islam di Pattani dapat dikatakan bahawa amalan menazar harta sebagai amalan utama yang dilakukan berbanding dengan amalan lain seperti wasiat dan hibah.⁵ Pada kebiasaannya, surat nazar ini akan diuruskan di Majlis Agama Islam Pattani (MAIP). Surat keterangan nazar akan di keluarkan oleh MAIP mengikut permohonan seseorang. Selain daripada itu, terdapat juga nazar yang dibuat di luar MAIP seperti melafazkan nazar dihadapan Tuan Guru di pondok-pondok atau Imam yang mana surat keterangan itu dikeluarkan oleh mereka tanpa kelulusan pihak MAIP yang mana mempunyai kuasa dalam mentadbir dan menguruskan hal yang berkaitan dengan amalan bernazar harta tersebut.

⁵ Sila rujuk ke jadual 4.1, halaman 76,77.

Dalam konteks ini, Majlis Agama Islam Patani juga berhadapan dengan masalah pentadbiran dan perundangan dalam menguruskan serta mentadbir urusan bernazar tersebut. Ini dijelaskan dalam bab-bab yang akan datang.

Persoalan berbangkit daripada kajian ini adalah seperti berikut:

1. Majlis Agama Islam Pattani adalah insitusi yang bertanggungjawab untuk menguruskan dan mengendalikan urusan pentadbiran nazar harta di wilayah Pattani. Justeru itu apakah pendekatan pelaksanaan nazar oleh MAIP. Adakah ia menepati dan bertepatan dengan apa yang dimaksudkan oleh Hukum Syarak, sebagai suatu ibadah untuk mendekatkan diri dengan Allah.
2. Bagaimanakah prosedur menazar harta di bawah MAIP dan sejauhmanakah kesahihan pengesahan nazar harta yang dikeluarkan oleh MAIP dapat memberi jaminan dan pengiktirafan agar ia boleh dituntut dan dipindah milik ke atas nama orang yang dinazarkan itu.
3. Adakah telah wujud undang-undang atau enakmen khusus yang berkaitan dengan nazar harta. Sekiranya tiada, apakah undang-undang yang terpakai dan dikuatkuasakan ke atas pelaksanaan bernazar harta yang ada sekarang ini.

Berasaskan kepada permasalahan yang dikemukakan di atas, maka satu kajian ilmiah perlu dilakukan dengan serius memandangkan bernazar harta adalah amalan yang mendapat tempat di kalangan masyarakat Islam di Pattani. Dalam konteks ini penulis melihat adalah sesuatu yang penting untuk diperkemaskin dan diperbaiki sama ada dari aspek pentadbiran mahupun perundangan khususnya di Pattani.

1.3 OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian ini dijalankan adalah untuk :-

1. Menjelaskan konsep nazar mengikut hukum syarak dan pemakaianya dibawah MAIP.
2. Melihat mekanisme pentadbiran di MAIP dalam menguruskan dan mentadbir hal ehwal berkaitan nazar harta serta sejauhmana peranan yang dimainkan oleh MAIP terhadap pentadbiran nazar harta orang Islam di Pattani.
3. Mengkaji undang-undang yang terpakai berkaitan dengan amalan menazar harta.
4. Mengenalpasti dan menganalisis masalah-masalah atau isu-isu berbangkit dari perspektif perundangan dan pentadbiran yang berkaitan dengan menazar harta.

1.4 KEPENTINGAN KAJIAN

Antara kepentingan kajian ini adalah :

1. Rujukan kepada Majlis Agama Islam Pattani dalam mengkaji dan menilai kelemahan peruntukan undang-undang yang digunakan ke atas nazar harta yang sedia ada termasuk prosedur atau amalan nazar harta serta beberapa permasalahan dari sudut perundangan lain dalam pelaksanaan nazar harta.

2. Kajian ini dapat memberi maklumat kepada masyarakat awam untuk mengetahui peranan dan kuasa-kuasa MAIP serta prosedur yang ditetapkan sebelum menazarkan sesuatu harta itu.
3. Hasil daripada kajian ini secara langsung dapat membantu khususnya ahli MAIP, *Dato' Yuttitham*, para profesional, para penyelidik, pelajar dan masyarakat awam dalam memahami situasi dan permasalahan serta cabaran yang dihadapi tentang amalan menazar harta di Pattani.
4. Mengemukakan cadangan dan garis panduan dalam menyelesaikan masalah berbangkit yang dihadapi bagi melaksanakan amalan nazar harta di kalangan masyarakat Islam di Pattani.

1.5 SKOP KAJIAN

Dalam kajian ini penulis memfokuskan kepada konsep nazar, amalan bernazar yang diamalkan oleh umat Islam di Pattani dan undang-undang serta prosedur-prosedur yang berkaitan dengan nazar harta yang digariskan oleh Majlis Agama Islam Pattani.

Dalam konteks ini, penulis akan melihat kepada dokumen-dokumen sebagai rujukan khususnya data-data daripada Majlis Agama Islam termasuk temubual responden-responden yang berkaitan.

1.6 ULASAN KAJIAN LEPAS

Secara umumnya, penulisan yang menyentuh secara langsung dengan penulisan yang dilakukan oleh penulis ini amat terhad. Di Pattani, masih belum ada penulisan tempatan yang menyentuh tentang konsep nazar secara khusus seperti mana yang diamalkan oleh masyarakat Pattani sekarang. Dapat diperhatikan bahawa penulisan-penulisan yang dibuat sebelum ini lebih banyak membincangkan tentang pentadbiran dan undang-undang yang berkaitan dengan kekeluargaan dan harta pusaka yang dilaksanakan di Pattani sahaja. Selain itu, penulisan lepas juga menyentuh tentang peranan dan bidang kuasa Majlis Agama Islam serta peranan *Dato'Yuttitham* di Mahkamah Rendah di empat wilayah Selatan Thailand. Seperti berikut ini, iaitu disertasi yang telah dihasilkan oleh Somboon Puttarark,⁶ penulisan yang ditulis oleh Arong Suttasana,⁷ kajian sarjana yang ditulis oleh Manpiah Mauti,⁸ Muhamma Sake Cheha,⁹ Muhamma Tayuding Samah¹⁰ dan penulisan yang dilakukan oleh Sulaiman Dorlah.¹¹

Secara keseluruhanya dalam penulisan-penulisan di atas, hanya membincangkan mengenai aspek pentadbiran undang-undang kekeluargaan dan harta pusaka Islam di empat wilayah Selatan Thailand sahaja dan ia tidak menyentuh tentang nazar harta sepermata yang dikaji oleh penulis. Ini kerana penulisan beliau tertumpu kepada aspek

⁶ Somboon Puttarark (1986), “Kan Cai Kodmai Islam Nai Ked Cangwad Pattani, Narathiwat, Yala, lea’ Satun” (Pemakaian Undang-undang Islam di Pattani, Narathiwat dan Satun) Disertasi , Fakulti Undang-undang Universiti Chulalongkorn).

⁷ Arong Suttasana (1987), “Shari’ah and Codification- Thailand Experience”, *Syariah Law Journal*, Vol.4 January 1987.

⁸ Manpiah Mauti (1998), “Peranan Dato’ Yutitham (Qadi) dalam melaksanakan hukum kekeluargaan dan warisan di Peradilan Agama Empat Propinci Thailand ” (Disertasi, University Muhammadiyah Surakata Indonesia).

⁹ Muhamma Sake Cheha (1998), “The Administration of Islamic Family Law and Inheritance in Southern Thailad (Pattani, Narathiwat Yala and Satun) ”.(Disertasi, Kuliah Undang-undang, University Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)).

¹⁰ Muhammatayuding Samah (2000), *op.cit*.

¹¹ Sulaiman Dorlah (2006), “ The position of Islamic Law in the four Southern border Provinces of Thailand ”, *Jurnal Syariah*, Jil. 14 Bil. 2, Julai–Disember 2006, h.1-21.

pemakaian undang-undang Islam di empat wilayah dan peranan Dato' Yutitham (Qadi) di Mahkamah Syariah serta masalah-masalah yang dihadapi oleh pihak berkuasa Agama Islam. Berhubungan dengan ini, kenyataan tentang ketiadaan undang-undang Islam juga turut diakui oleh pihak berkuasa Thailand dan undang-undang Islam hanya dapat dilaksanakan melalui Mahkamah Wilayah sahaja di mana Dato'Yutitham berperanan sebagai penasihat atau pembantu kepada hakim sivil dalam mendengar dan membicarakan kes-kes yang melibatkan orang Islam khususnya berkaitan undang-undang keluarga dan pusaka.

Seterusnya, kajian juga menyatakan bahawa masyarakat Islam di empat wilayah Selatan Thailand kurang berminat dalam menyelesaikan masalah mereka di Mahkamah Wilayah tetapi mereka lebih suka menyelesaikan masalah-masalah mereka di Majlis Agama Islam. Kajian lepas juga turut menjelaskan tentang hal yang berkaitan Institusi Hal Ehwal Agama Islam di tiga wilayah selatan Thailand seperti Komiti Islam Pusat, Komiti Islam Wilayah dan Komiti Islam Masjid. Selain daripada itu, penulisan yang menyentuh tentang peranan Dato' Yutitham di Mahkamah Sivil dan peranan Majlis Agama Islam dalam melaksanakan undang-undang keluarga dan pusaka orang Islam di empat wilayah Selatan Thailand serta isu perlantikan dan kelayakan seseorang Dato'Yutitham(Qadi). Justeru itu, penulis juga turut menyatakan senarai statistik kes-kes yang telah diselesaikan melalui institusi tersebut.

Secara keseluruhan ia hanya menyentuh pentadbiran undang-undang kekeluargaan dan pusaka secara umum sahaja. Berdasarkan kepada penulisan-penulisan lepas, dapat disimpulkan bahawa masih belum ada penulisan yang membincangkan secara khusus mengenai amalan menazar harta di Majlis Agama Islam Pattani sepetimana kajian penulis. Walaubagaimanapun kajian-kajian dan penulis yang

berkaitan dengan Undang-undang Kekeluargaan dan Pusaka orang Islam di Selatan Thailand sedikit sebanyak dapat membantu dan memberi panduan kepada penulis dalam menjalankan kajian ini terutama dalam mengumpulkan data-data yang berkenaan dengan peranan Majlis Agama Islam sebagai pentadbiran dan Dato' Yuttitham selaku hakim yang memainkan peranan dari aspek perundangan. Penulisan-penulisan yang telah dinyatakan di atas adalah merupakan panduan untuk penulis meneruskan kajian ini dengan lebih terperinci dan mendalam tentang amalan menazar harta yang ditadbirkan oleh Majlis Agama Islam Pattani.

1.7 METODOLOGI KAJIAN

Dalam menyiapkan kajian ini penulis lebih cenderung kepada kajian berbentuk lapangan dengan menggunakan dua metod antaranya adalah :

I. Metod Pengumpulan Data

Metod ini adalah kaedah yang digunakan semasa proses pengumpulan data. Ini adalah salah satu cara bagi menentukan objektif dan sasaran penyelidik tersebut. Dalam proses pengumpulan data penulis menggunakan beberapa kaedah antaranya ialah :

a) Metod Penyelidikan Kepustakaan

Dalam mengkaji dan mendapatkan maklumat yang berhubung perkara-perkara asas atau yang bersifat konseptual dan teori, penulis akan menggunakan kaedah kajian

perpustakaan terutamanya maklumat yang melipuliti definisi istilah, asas atau teori berkaitan nazar secara keseluruhannya.

b) Metod Wawancara

Keadah ini digunakan untuk mendapatkan maklumat yang tidak terdapat dalam fakta-fakta bertulis. Penulis telah menemubual dengan pegawai Majlis Agama Islam Pattani yang terdiri daripada Timbalan Yang Dipertua ustaz Umar bin Yusof, beliau adalah pendaftar nazar, ustaz Haji Ahmad bin Wan lembut dan Haji Ahmad bin Haji Awang selaku setiausaha yang memberi maklumat tentang Majlis Agama Islam Pattani. Selain daripada itu, turut ditemubual *Dato' Yuttitham* Mahkamah Rendah Pattani iaitu Dato' Aphirat Mad sa-ih sebagai hakim turut ditemubual yang bertanggungjawab dalam memutuskan hal yang berkaitan dengan kekeluargaan dan pusaka orang-orang Islam. Kesemua responen di atas adalah mereka yang terlibat secara langsung dalam pengurusan hal-hal yang berkaitan dengan menazar harta di Pattani. Justeru itu, pihak penulis ingin juga menemubual pihak pentadbiran tanah namun tidak mendapat kerjasama ini disebabkan faktor keselamatan.

c) Metode Dokumentasi

Metod ini penulis gunakan untuk mendapatkan data-data dengan merujuk kepada sumber yang berkaitan dengan tajuk kajian ini. Antara sumber yang dirujuk selain rujukan asas iaitu al-Quran dan al-Sunnah ialah buku akademik, kertas kerja, jurnal, statut-statut, fail surat keterangan nazar serta dokumentasi lain yang berkaitan.

II. Metod Analisa Data

Setelah data-data dan maklumat dikumpul, penulis seterusnya menggunakan beberapa metode untuk tujuan menganalisis dan penyusunan. Di antara metode yang digunakan adalah:

a) Metode Induktif

Metode ini adalah satu kaedah yang menganalisa data yang terhasil melalui teori-teori dan pemikiran yang ada iaitu membuat kesimpulan berdasarkan data-data yang bersifat umum untuk mencari kesimpulan yang bersifat khusus. Sebagai contoh ketiadaan undang-undang khusus diperuntukkan untuk nazar harta dan kelemahan dalam aspek pentadbiran dan pengurusan tentang nazar harta. Ini akan mengakibatkan ketidaksahihan surat keterangan nazar harta itu serta pemindah hak milik ke atas nama orang yang dinazarkannya itu sukar dilaksanakan.

b) Metode Deduktif

Metode Deduktif ini adalah satu cara analisis yang dibuat dalam bentuk yang sebaliknya iaitu penganalisaan berdasarkan data-data yang mencari bukti yang bersifat khusus untuk mencapai satu kesimpulan yang bersifat umum. Dengan itu, penyelidik akan mengumpul data mengenai sesuatu kes dan menggunakan teori tersebut untuk menjelaskan data yang diperolehi. Ianya digunakan di dalam bab lima apabila maklumat yang diperolehi melalui bab dua, tiga dan empat supaya bersesuaian dengan kajian penulis. Dengan menggunakan pendekatan metodologi penganalisaan data di atas,

kesimpulan yang tepat akan dapat dibuat dibawah saranan, cadangan mahupun komentar terhadap realiti perlaksanaan nazar harta di MAIP.

c) Metode Perbandingan

Metode komparatif ialah membandingkan antara data-data dan fakta yang dibuat. Dalam menganalisis data teknik perbandingan perlu dibuat bagi tujuan menjelaskan sesuatu keadaan atau membuktikan sesuatu hipotesis. Metode ini digunakan khususnya dalam bab yang kedua dan keempat dari aspek percanggahan dan perbezaan pendapat di antara para fuqaha dan pemakaian di MAIP. Metode ini juga akan digunakan untuk mencari titik persamaan dan berbezaan antara pendekatan hukum syarak dan perundangan nazar yang diamalkan oleh masyarakat Islam di Pattani. Selain daripada itu metode ini juga akan memudahkan penyelidikan untuk mengenalpasti langkah-langkah yang perlu diambil untuk menagani permasalahan yang dikaji. Secara tidak langsung kajian ini dapat mengetahui hakikat sebenar persoalan yang cuba dibandingkan dengan lebih terperinci.

BAB 2

NAZAR MENGIKUT HUKUM SYARAK

2.1 PENDAHULUAN

Nazar merupakan salah satu ibadat yang dapat mendekatkan diri umat Islam kepada Allah. Islam menggariskan beberapa panduan dan dasar tertentu yang harus diikuti oleh umat Islam dalam melakukan amalan bernazar sepetimana juga ibadat-ibadat lain. Ini bertujuan agar ibadat yang mereka laksanakan tidak menyeleweng dari syariat yang sebenarnya. Islam telah menetapkan nazar hanyalah kerana Allah semata-mata bukan kerana yang lain. Oleh itu nazar yang dilakukan bukan kerana Allah adalah terbatal dan tidak wajib ditunaikan bahkan wajib ke atasnya membayar kaffarah.

Perkara yang dinazarkan hendaklah amalan ibadat yang digalakkan oleh Islam. Nazar dengan maksiat tidak sah dan tidak wajib ditunaikan. Contohnya nazar memohon sesuatu hajat dikubur keramat, bernazar untuk minum arak, bernazar untuk membunuh dan sebagainya.

2.2 DEFINISI NAZAR

Definisi nazar boleh dilihat dari dua bentuk pengertian iaitu nazar dari sudut bahasa dan nazar menurut istilah syarak.

Nazar Menurut Bahasa

Nazar dari sudut bahasa ialah mewajibkan atas dirinya sesuatu atau janji untuk melakukan sebarang perkara sama ada baik ataupun buruk.¹² Manakala nazar mengikut Kamus Dewan¹³, merujuk kepada perkataan nazar bererti janji untuk berbuat sesuatu apabila hajat tercapai, berkaul, berniat seperti berjanji akan berpuasa tiga hari jika lulus di dalam peperiksaan. Selain daripada itu, perkataan “menazarkan” memberi maksud “menjanjikan untuk berbuat sesuatu (jika hajat tercapai).

Nazar Menurut Istilah Syarak

Secara umumnya, pengertian nazar sebagaimana istilah syarak dapat dilihat seperti berikut. Dalam kitab *Mughnī al-Muhtāj*, *al-Rū'yānī* dan *al-Mawardi* mentakrifkan nazar sebagai janji untuk melakukan sesuatu yang baik sahaja.¹⁴ Manakala sebahagian ulama lain menyatakannya sebagai mewajibkan ke atas dirinya sesuatu amalan *qurbah* (ibadah) yang pada asalnya tidak wajib.¹⁵ Menurut *al-Sayyid Sābiq* dalam kitab *Fiqh Al-Sunnah*, nazar ialah iltizam untuk mendekatkan diri kepada Allah pada perkara yang tidak semestinya wajib menurut syariat dengan menggunakan suatu ungkapan kata sebagai contoh “kerana Allah aku wajib bersedekah” atau “jika Allah sembuhkan penyakit aku akan berpuasa tiga hari ” dan sebagainya.¹⁶

Berdasar kepada pengertian nazar yang dinukilkkan secara ringkas di atas, nazar merupakan suatu bentuk janji terhadap sesuatu perkara ibadat yang pada asasnya tidak

¹² Syeikh Mansūr bin Yūnus bin Idrīs (2003), *Al-Kisyaf al-Qinā'an matn al-Iqnā'* , j. 9. Dār al-'Alam al-Kitāb, h.3172.

¹³ Noresah Baharom (2005), *Kamus Dewan*. c.4. Selangor : Dawama Sdn Bhd, h. 1073.

¹⁴ Al-Syaikh Muḥammad al- Khaṭīb A-Syarbini (1978), *Mughnī al-Muhtāj ilā Ma'rifat Ma'āni alfaẓ al-Minhāj*, j.4. Dār al-Fikr, h.354.

¹⁵ *Ibid.*

¹⁶Sayyid Sābiq (1994), *Fiqh Sunnah*, j.2. Kaherah : Dār- al- Fath al-I'lām al- 'Arabī, h.74.

wajib dengan menggunakan ungkapan yang mewajibkan atas dirinya dalam melakukan sesuatu perkara itu jika hajatnya tercapai. Selain itu, pengertian nazar menurut istilahnya secara mudah ialah mewajibkan diri sendiri melakukan sesuatu amalan dengan niat mendampingi diri kepada Allah dengan lafaz sumpah yang sah. Sebagai contohnya, seseorang berkata : “*Demi Allah, jika Allah menyembuhkan saya daripada penyakit ini, nescaya saya akan berpuasa sebanyak tiga hari dan sebagainya*”. Nazar ini wajib disempurnakan sebaik sahaja ia sembah daripada penyakit itu.

2.3 DALIL PENSYARIATAN NAZAR

Nazar merupakan suatu ibadat yang mendekatkan diri kepada Allah dengan niat keikhlasan seseorang itu. Nazar juga adalah satu amalan yang memainkan peranan baik bagi seseorang hamba itu untuk mendekatkan dirinya kepada Allah. Dalil-dalil pensyariatan nazar dalam syarak adalah seperti berikut:

2.3.1. Dalil daripada Al-Quran

Ulama berselisih pendapat tentang hukum nazar, walaubagaimanapun firman Allah jelas menyatakan tentang nazar seperti mana yang terdapat beberapa ayat dalam al-Quran tentang nazar, Allah berfirman seperti dibawah ini :

وَمَا أَنْفَقْتُمْ مِّنْ نَفْقَةٍ أَوْ نَذْرٍ تَمَّ مِنْ نَذْرٍ إِنَّ اللَّهَ يَعْلَمُ

Maksudnya “*Dan (ketahuilah), apa sahaja yang kamu belanjakan (dermakan) atau apa sahaja yang kamu nazarkan maka sesungguhnya Allah mengetahuiNya*”.

Menurut al-Qurṭubī dalam ayat ini dinyatakan bahawa nazar adalah perkara yang biasa dilakukan oleh orang-orang Arab. Selain itu, Allah telah menyebut tentang nazar yang mana ianya terdapat dua bahagian bagi manusia iaitu melakukan dengan sukarela dan mereka mewajibkan sesuatu pekerjaan atas diri mereka sendiri.¹⁷ Walaubagaimanapun Allah juga memuji-muji hambanya yang sedia menyepurnakan nazar, seperti firman Allah :

يُوفون بِآلَّنْدَرٍ وَيَخافُون يَوْمًا كَانَ شَرِهُ مُسْتَطِيرًا

Maksudnya “ (*Mereka dikurniakan kesenangan itu kerana mereka menyempurnakan nazarnya (apatah lagi yang diwajibkan Tuhan kepadanya), serta mereka takutkan hari (akhirat) yang azab seksanya merebak di sana sini*”.

Surah Insān(76) : 7

Ayat di atas menyatakan bahawa tidak salah bagi mereka berjanji dengan bernazar. Ma’mar bin Qatādah mengatakan bahawa tidak salah bagi mereka yang berjanji dengan menazarkan perkara-perkara yang baik seperti solat, zakat, puasa, haji, umrah dan lain-lain daripada perkara yang wajib. Mujāhid dan `Akramah pula mengatakan bahawa mereka perlu menunaikan hak Allah. Selain daripada itu, Farra dan al-Jurjānī pula menyebut bahawa mereka yang mukallaf mesti menunaikan nazar mereka di dunia atas dirinya dengan perkara-perkara yang wajib.¹⁸

¹⁷Abu ‘Abdillah Muhammad bin Ahmad al-Ansari al-Qurtubi (1993), *al-Jami’ Li Ahkam al-Quran*, j.19-20. Beirut : Dar al-Kutub al-`Ilmiyyah, h. 214-215.

¹⁸ *Ibid.*, h.73.

Seterusnya , Allah juga berfirman dalam surah Al-Haj iaitu

وليوفوْ انذورهم

Maksudnya “*hendaklah mereka menyempurnakan nazar*”.

Surah Al- Haj (22):29

Daripada ayat ini, jelas menunjukkan bahawa menunaikan atau menebus nazar adalah wajib tetapi tidak wajib menunaikan jika nazar berkaitan dengan perkara maksiat.¹⁹

2.3.2 Dalil daripada hadith

Dalil daripada sunnah Rasullullah s.a.w mengenai pensyariatan nazar di antaranya ialah Rasullah s.a.w bersabda:

من نذرأن يطيع الله فليطعه، ومن نذرأن يعصى الله فلا يعصه

Maksudnya “*Sesiapa bernazar melakukan ketaatan kepada Allah, maka hendaklah dia tunaikan dan sesiapa yang menazar untuk menderhakakan Allah, maka janganlah dia menderhakainya*”²⁰.

Hadith ini menyatakan bahawa nazar yang digalakkkan ialah bernazar untuk mentaati Allah dan melarang bernazar yang menderhaka kepada Allah. Dalam sebuah lagi hadith menyatakan perkara yang sama di mana Rasullah s.a.w bersabda:

¹⁹ *Ibid.*, h.34-35.

²⁰ Ibn Hajar al-‘Asqalānī (2000), *Fath al-Bāri Syarḥ Ṣahih al-Bukhārī* “Bab al-Nazr fi al-Ta’ah / Kitāb al-Aiman wa al-Nazr”, no.hadith 6696. j.11. Riyadh : Dār al-Salām, h.708-709.

لَا نَذْرٌ فِي مُعْصِيَةٍ

Maksud “ *Tidak sah nazar pada perkara yang menderhakakan Allah* ”²¹

Berdasarkan dalil-dalil sepihiknya yang telah disebutkan dalam Al-Quraan dan al-hadith jelas menunjukkan bahawa nazar adalah perkara yang telah diisyariatkan dan ia termasuk ibadah yang wajib dilaksanakan oleh orang yang bernazar. Nazar untuk menta’ati Allah adalah amalan kebajikan yang boleh menambahkan amalan perbuatan seseorang dengan mewajibkan atau janji atas dirinya membuat sesuatu perkara yang baik. Konsep dan roh sebenar nazar itu adalah sebagai wahana bagi seseorang insan untuk mendekatkan diri kepada Allah.

2.4 HUKUM NAZAR MENURUT PERUNDANGAN ISLAM

Amalan bernazar boleh dibahagikan kepada beberapa hukum tertentu mengikut keadaan-keadaan yang tertentu. Hukum nazar boleh berubah menjadi wajib, sunat, haram, makruh atau harus.

2.4.1 Hukum wajib atau *sunat*

Pada asalnya amalan bernazar sebagai tanda ketaatan kepada Allah, hukumnya adalah wajib dilaksanakan seperti puasa sunat, sembahyang sunat, sedekah, haji, umrah,

²¹ Abu Dawūd, Sulaimān bin al-Asy’ath al-Sajastani al-Azdi (t.t), *Sunan Abī Dawūd*, “Bab al-Nazr fi al-Ma’siah”, no.hadith 3290.j.3, Dar Ihya’ al-Sunnah al-Nabawiyah. h.232.

iktiķaf, memerdekan hamba dan sebagainya. Sekiranya tidak ditunaikan maka dikenakan kaffarah ke atasnya.²² Nazar seperti ini ialah nazar *al-Tabarrur* yang mana orang yang bernazar melakukannya dengan tujuan untuk beribadah dan mendekatkan diri dengan Allah semata-mata tanpa sebarang syarat. Maka nazar jenis ini wajib dilaksanakan.

Walaubagaimanapun terdapat perbezaan di antara nazar yang tidak jelas seperti mana yang telah dinyatakan dalam kitab *Bidāyah al-Mujtahid* bahawa ulama tidak bersepakat tentang hukum wajib menunaikan ke atas nazar mutlak yang tidak ditetapkan perkara nazarnya. Contohnya “*kerana Allah aku menazar*”, maka nazar sebegini sebahagian ulama menyatakan wajib membayar kaffarah.²³

Nazar yang berkaitan dengan sesuatu syarat pula, terdapat perbezaannya sebagaimana yang dinyatakan oleh Imam Shāfi‘ī iaitu apabila sesuatu nazar dikaitkan dengan sesuatu syarat, maka perlulah dibezakan antara perkara yang benar-benar dikehendaki oleh orang yang bernazar itu agar berlaku dengan sebaiknya seperti nazar *tabarrur* di mana orang yang bernazar itu mewajibkan sesuatu ibadah ke atas dirinya bagi memperolehi sesuatu nikmat atau jauh dari bencana. Bernazar dalam keadaan ini wajib dilaksanakan apabila syarat yang disebut itu tercapai.²⁴

Selain itu, terdapat nazar yang dikaitkan secara bersyarat seperti untuk berjalan kaki ke Baitullah. Contoh ini dinukilkan dalam Kitab *Mughnī al-Muhtāj* menyatakan bahawa orang yang bernazar untuk berjalan kaki ke *Baitullah*, maka dia wajib datang ke

²² Al-Kasānī, ‘Alauddīn Abu Bakr bin Mas’ūd (t.t), *Badā’i’ fī fītautīb al-Syarā’i’*. j. 4, c.5. Beirût : Dār al-Kitab al-‘Arabī, Lubnan, h.241-242.

²³ Muḥammad bin Aḥmad bin Muḥammad bin Aḥmad bin Rusyud al-Qurṭubī (1981), *Bidāyah al-Mujtahid wa Nihayāt al-Muqtaṣid*, j.1, c.5. Mesir : Syarikah Maktabah wa Maṭba’ah Muṣṭafā Al-Bābī, h.424-425.

²⁴ Al-Syaikh Muḥammad al- Khāṭib Al-Syarbinī (1978), *op.cit.*, j.4, h.355.

Baitullah sama ada untuk melakukan ibadat haji atau umrah dengan cara berjalan kaki. Maka dia perlu berbuat demikian bermula daripada tempat di mana dia melakukan ihram hajinya. Tetapi jika dia menyebut, “aku akan berjalan kaki ke Makkah, maka mengikut pendapat yang *asah (tepat)*, dia perlu berjalan kaki mulai dari kampung halamannya.²⁵

Terdapat juga khilaf ulama tentang nazar berjalan kaki ke *Baitullah* sekiranya seseorang itu sakit atau lemah pada perjalanan yang panjang. Dalam keadaan ini, ulama mempunyai dua pandangan iaitu pertama tidak wajib melaksanakan nazar ke atasnya dan kedua yang keduanya pula wajib melaksanakan nazar itu.²⁶

Dalam Fiqh Sunnah, ada jenis nazar yang boleh ditunaikan di tempat lain mengantikan nazar asal sebagaimana kisah yang diriwayatkan dari Jabir bin Abdullah *radhiyahuanhu*

أَن رجلاً قام يوم الفتح فقال: يَا رَسُولَ اللَّهِ إِنِّي نذرتْ
إِنْ فَتَحَ اللَّهُ عَلَيْكَ مَكَةً أَنْ أَصْلِي فِي بَيْتِ الْمَقْدِسِ رَكْعَتَيْنِ
قَالَ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: صَلَّى هَاهُنَا ثُمَّ أَعُادُ عَلَيْهِ
فَقَالَ: صَلَّى هَاهُنَا ثُمَّ أَعُادُ عَلَيْهِ فَقَالَ: شَأْنُكَ إِذَا.

Maksudnya “ Bahawa seorang pemuda berdiri pada Hari Pembukaan Kota Makkah lalu berkata, Wahai Rasulullah, sesungguhnya aku pernah bernazar sekiranya Allah membuka kota Makkah untuk engkau, aku berhajat hendak solat dua rakaat di Baitul Maqdis. Lalu Rasulullah s.a.w berkata (kepadanya), Solat lah di sini (*Masjidil Haram*), kemudian dia kembali kepada Rasullullah, sabda baginda lagi, solatlah di sini (*Masjidil Haram*), kemudian dia kembali kepada baginda maka Rasulullah s.a.w berkata, sebagaimana yang kamu kehendaki. ²⁷

²⁵Ibid., h.362-363.

²⁶Muhammad bin Ahmad bin Muhammad bin Ahmad bin Rasyid al-Qurtubī (1981), *op.cit.*, j.1, c.5, h.425.

²⁷Ahmad bin Hanbal (2001), *Musnad Imam Ahmad bin Hanbal*, no.hadith 14919. j.23. Kaherah : Muassasah al-Risalah, h.185.

Tokoh ahli tafsir kontemporari yang merupakan tenaga pengajar di Masjid Nabawi pada masa sekarang, Syeikh Abu Bakar Jabir al-Jazairi menyebut dalam tafsir ayat 7, surah al-Insaan, firman Allah Taala,

يُوْفُونَ بِالنَّذْرِ وَيَخَافُونَ يَوْمًا كَانَ شَرُّهُ مُسْتَطِيرًا

Maksudnya “ (*Mereka dikurniakan kesenangan itu kerana) mereka menyempurnakan nazarnya (apatah lagi yang diwajibkan Tuhan kepadanya), serta mereka takutkan hari (akhirat) yang azab seksanya merebak di sana sini.*”

Jelas beliau, bahawa hukumnya wajib menunaikan nazar yang diniatkan kerana Allah Taala kecuali bernazar maksiat/ derhaka kepada Allah, maka tidak wajib dilaksanakan. Contohnya, apabila seorang mengucapkan, aku hendak berpuasa sunat (nazar) kerana Allah Taala pada sekian hari, maka wajiblah dia berpuasa pada hari tersebut.²⁸ Begitu juga pujian kepada mereka yang menafkahkan harta kerana kewajipan setelah bernazar kepada Allah, sebagaimana firman Allah Taala dalam surah Baqarah, ayat 270

وَمَا أَنْفَقْتُمْ مِنْ نَفَقَةٍ أَوْ نَدَرَثُمْ مِنْ نَدْرٍ إِنَّ اللَّهَ يَعْلَمُهُ وَمَا لِلظَّالِمِينَ مِنْ أَنْصَارٍ

Maksudnya “ *Dan (ketahuilah), apa sahaja yang kamu belanjakan (dermakan) atau apa sahaja yang kamu nazarkan maka sesungguhnya Allah mengetahuiNya dan (ingatlah), orang-orang yang zalim itu tidak ada sesiapa pun yang dapat menolongnya.*”

Ayat ini, menyatakan bahawa mereka yang menginfakkan harta kerana bernazar kepadanya (Allah) sesungguhnya mereka adalah termasuk kalangan orang-orang yang

²⁸ Abu bakr al-jazai’ri, Aysar at-tafasir, h.138.jil. 1.

berbuat kebaikan (ihsan), sedangkan mereka yang berinfak atau bernazar untuk kemaksiatan, mereka adalah orang-orang zalim.²⁹

2.4.2 Hukum harus (*mubāh*) dan makruh

Amalan bernazar dengan perkara yang harus iaitu perkara yang tiada nas menggalakkannya, maka hukumnya adalah harus. Contohnya “kerana Allah, aku wajib naik kereta ini” atau “aku memakai pakaian ini” atau “nazar cerai isteri”.

Dalam kitab *al-Qāwānīn al-Fiqhiyyah* juga menyatakan bahawa nazar yang dikaitkan dengan sesuatu perkara seperti “jika Allah sembahukan penyakit saya ini, maka saya akan bersedekah” nazar seperti ini hukumnya adalah harus.³⁰

Bernazar dengan perkara yang makruh pula ialah nazar dengan perkara yang halal tetapi dilarang oleh Allah seperti “nazar cerai isteri”. Bernazar seperti ini hukumnya ialah makruh dan tidak digalakkan untuk menunaikannya dan wajib membayar *kaffārah*.³¹

Walaubagaimanapun nazar yang dibuat semata-mata kerana ingin mendorong dirinya melakukan sesuatu yang tidak ada tujuan untuk mendapat pahala *qurbah* tetapi melakukannya kerana perasaan marah atau untuk balas budi baik atau degil dan sebagainya. Contohnya “ jika aku menegur A maka wajib berpuasa” atau “harta ini akan jadi milik anak aku apabila aku sudah mati”. Nazar seperti ini hukumnya memberi

²⁹ *Ibid.*

³⁰ Ibn Juzay Muḥammad Ibn Aḥmad (t.t), *al- Qawānīn al-Fiqhiyyah* (t.t.p). (t.p.), h.147.

³¹ Ibn Qudāmah, ‘Abi Muḥammad ‘Abdullah bin Aḥmad (t.t), *Al-Mughnī*, j. 9. Maktab Riyād al-Hadīthah : Riyād, h.5.

pilihan sama ada dia hendak melakukan atau tidak. Sekiranya tidak melakukan maka wajib ke atasnya membayar *kaffarah* sumpah.³² Ini berdasarkan sebuah hadith iaitu :-

لَا نذر فِي مُعْصِيَةٍ وَكُفَّارٌ تَهْكِمُ عَلَيْنَا

Maksudnya “*Tidak ada nazar dalam perkara maksiat dan kaffarahnya adalah sebagaimana kaffarah sumpah*”³³

2.4.3 Hukum haram

Bernazar dengan perkara yang maksiat atau perkara yang dilarang oleh Allah adalah haram dilaksanakan. *Ijma'* ulama menyatakan bahawa nazar tersebut tidak perlu ditunaikan kerana tidak dikira sebagai nazar, bahkan hukum perbuatan nazar ini adalah haram.³⁴ Contoh nazarnya seperti : “*demi Allah aku bernazar minum arak*” atau “*membunuh*” atau “*zina*” atau “*puasa sewaktu sedang haid*” atau “*baca al-Quran masa junub*” atau “*membunuh anak*” dan sebagainya.

Imam Shafī‘ī pula menyatakan bahawa puasa pada hari tasyrik dianggap sebagai nazar maksiat dan tidak wajib melaksanakannya.³⁵ Sebagaimana Rasulullah s.a.w telah bersabda:

لَا نذر فِي مُعْصِيَةٍ

Maksud “*Tidak sah nazar pada perkara yang menderhakakan Allah*”³⁶

³² Al-Syaikh Muḥammad al- Khātib Al-Syarbiṇī (1978), *op.cit.*, j.4, h.355.

³³ Abu Dāwūd, Sulaimān bin al-Asy’ath al-Sajastānī al-Azdi (t.t), *op.cit.*, no.hadith 3292, h.233.

³⁴ Ibn Qudāmah, Abi Muḥammad ‘Abdullah bin Aḥmad (t.t), *op.cit.*, j. 9, h.3-5.

³⁵ Al-Kasānī, ‘Alauddīn Abu Bakr bin Mas’ūd (t.t), *op.cit.*, j. 228.

³⁶ Abū Dāwūd, Sulaimān bin al-Asy’ath al-Sajastānī al-Azdi (t.t), *op.cit.*, no.hadith 3290, h.232.

Dapat disimpulkan bahawa wajib ke atas seseorang penazar yang berjanji untuk menunaikan sesuatu ibadat seperti yang dinazarkan. Justeru itu, wajib ditunaikan tanpa bertangguh bila mampu berbuat demikian. Selain daripada itu, nazar bersyarat atau nazar mewajibkan diri sendiri melakukan sesuatu amal kebajikan yang dikaitkan dengan sesuatu kejayaan atau perkara yang harus seperti, ia berkata: jika anak aku berkahwin, aku akan melakukan perarakan gajah. Maka harus melakukan perarakan seperti yang dinazarkan atau harus juga mengantikannya dengan membayar kaffarah sumpah seperti yang disebutkan hukumnya. Walaubagaimanapun, nazar bersyarat hukumnya makruh menurut pendapat kebanyakan ulama, sekalipun nazar itu berupa ibadah seperti solat, puasa, sedekah dan lain-lain. Nazar seperti ini wajib dilaksanakan apabila syarat yang dijanjikan tercapai atau menganti dengan membayar *kaffārah* sumpah. Manakala nazar yang berkaitan dengan perkara yang haram atau yang dilarang oleh Allah maka tidak harus baginya menyempurnakan nazar itu, sebaliknya hendaklah membayar kaffarah sumpah iaitu memilih diantara tiga perkara, sama ada memberi makan 10 orang miskin atau memberi pakaian atau memerdekaan hamba. Jika ia gagal melaksanakan salah satu antara tiga pilihan itu, maka hendaklah dia berpuasa tiga hari dengan niat membayar kaffarah sumpah.

2.5 JENIS-JENIS NAZAR

Dalam Kitab *Rawdah al-Talibīn*, membahagikan nazar kepada dua bahagian iaitu :³⁷

2.5.1. Nazar *al-Tabarrur* iaitu nazar yang mewajibkan atas dirinya melakukan sesuatu *qurbah* tanpa bergantung kepada sesuatu perkara atau nazar yang bergantung

³⁷ Imām Abū Zakariyyā Yahya bin Syarf al- Nawawī (t.t), *Rauḍah al- Ṭalibīn*, j. 2. Beirut : Dār al-Maktab al- ‘Alamiyyah, h. 560-565.

dengan sesuatu perkara tetapi syarat itu memberikan kebaikan dan bertujuan untuk beribadat kepada Allah. Contohnya seseorang itu berkata: “*wajib ke atasku bersedekah*” atau dengan perkataan lain yang bergantung kepada sesuatu perkara seperti “*seseorang bernazar untuk menyembelih kambing jika penyakitnya sembuh* ”.

Walaubagaimanapun nazar *al-Tabarrur* itu, dibahagikan kepada dua perkara iaitu :

a. Nazar tidak bersyarat.

Nazar ini dibahagikan pula kepada dua bentuk iaitu :

- Nazar yang tidak ada kaitan dengan apa-apa syarat dan tidak yang bergantung kepada masa. Contohnya “*nazar untuk memberi harta aku kepada si polan*”.
- Nazar yang tidak ada apa-apa syarat tetapi bergantung kepada masa. Contohnya “Aku akan sedekah harta aku kepada si polan bulan depan” atau “harta ini akan jadi milik anak aku apabila aku sudah mati”.

Nazar seperti ini wajib ditunaikan apabila nazar itu telah berlaku. Sekiranya dikaitkan dengan masa tertentu maka wajib ditunaikan apabila masa yang ditetapkan itu tiba.

b. Nazar bersyarat

Nazar ini dilakukan oleh seseorang sebagai tanda bersyukur dan berterima kasih kepada Allah di atas nikmat yang dikurniakan atau atas sebab-sebab tertentu. Contohnya

apabila seseorang berkata “kerana Allah aku bernazar untuk berpuasa tiga hari” atau “sekiranya aku lulus dalam peperiksaan aku bernazar puasa tiga hari” atau “sekiranya Allah sembuhkan penyakit aku, aku akan mengadakan jamuan di Masjid”. Nazar seperti ini wajib ditunaikan sekiranya syarat yang dikehendaki oleh orang yang bernazar itu tercapai.

2.5.2 Nazar *al-Lijjāj*³⁸ atau Nazar *al-Ghadab* (marah)³⁹ ialah seseorang bernazar dengan dalam keadaan marah atau dengan kata lain nazar yang terikat dengan syarat dan tidak memberi kebaikan atau bukan kehendak penazar.. Imam Ibn Hajar Haitami, nadhr al-Lajjaj adalah bersyarat dengan amalan yang disukai atau disertai syarat yang mewajibkan ke atasnya melaksanakan apabila syarat tersebut dipenuhi.⁴⁰

Dalam *Kitab Majmuk*, Imam Nawawi menyatakan bahawa nazar jenis ini, dilakukan dengan mengenakan syarat ke atas dirinya untuk melaksanakan atau meninggalkan suatu perbuatan dalam niat mendekatkan diri kepada Allah. Pengistilahan Imam Nawawi turut merujuk nazar jenis ini sebagai Nazar *al-Ghalq* (penutup) atau penutup terhadap praktis tertentu.⁴¹ Sedang dalam kitab *Asnaa al-Matālib* menyebut, dinamakan nazar sebagai Nadhr *al-Ghadab* (marah) kerana biasanya nazar ini disebut dalam keadaan seseorang sedang marah.⁴²

Kesimpulan, nazar dikategorikan kepada dua perkara iaitu nazar *al-Tabarrur* dan nazar *al-Lajjāj*. Nazar *al-Tabarrur* terbahagi kepada dua iaitu pertama, nazar semata-mata hendak mendekati diri kepada Allah dan tidak didahului oleh apa-apa

³⁸ Abū Ma'līk Kamāl bin Sayyid Salīm (t.t), *Ṣahih Fiqh Sunnah*, j. 2 .Maktabah Taufīkiā, h. 270.

³⁹ Abi Zakariyya Muhyiddīn bin Syarf an-Nawawī (2001), *Al-Majmuk*, Syarah al-Muhazzab lil Shirāzi, j.7. Dār Ihya Turath al-Arabī, h.270.

⁴⁰ Ibn Hajar Haitamī (t.t), *Fatawa al-Kubra al-Fiqhiyah*, j.4. Dār al-Fikr, h. 268.

⁴¹ *Ibid.*, h.270

⁴² Zakariyā bin Muhammad Zakariyā al-Anṣārī, Zainuddīn bin Yahyā (t.t), *Asnaa al-Mataalib*, *Syarh Raudh at-Talib*, j. 7. h.235.

masalah. Contohnya, atas nama Allah wajib ke atasku puasa pada hari khamis. Nazar ini wajib dilaksanakan kerana ia tidak ada pergantungan syarat dengan perkara lain. Nazar sebegini sunat disegerakan pelaksanaan apa yang dinazarkan apabila tibanya peluang yang mengizinkan. Kedua, nazar yang mensyaratkan kewajipan sesuatu ibadah dengan tercapainya sesuatu kehendak. Contohnya , jika sembahnya daripada penyakit maka ia akan sedekahkan sebahagian daripada hartanya. Nazar ini, wajib dilaksanakan apabila kehendak yang dinazarkan itu tercapai iaitu apabila sembahnya daripada penyakit. Manakala nazar *al-Lajjaj* pula adalah nazar yang berlaku dalam keadaan pertengkaran atau terbitnya daripada hasil kemarahan. Contohnya, sekiranya aku bercakap dengan seseorang atas nama Allah wajib ke atas aku puasa sebulan. Nazar jenis ini, boleh memilih sama ada menunaikan nazar atau membayar *kaffārah*.

2.6 PENGUATKUASAAN NAZAR SELEPAS KEMATIAN

Pada asasnya hukum penguatkuasaan nazar itu bergantung kepada jenis nazar yang dilakukan. Penguatkuasa nazar wajib dilaksanakan apabila bermulanya nazar itu dan jika ianya berkaitan dengan syarat maka wajib dilaksanakan apabila syarat itu sempurna atau tercapai. Nazar yang mengaitkan dengan soal masa iaitu menentukan kematian sebagai tandanya pelaksanaan nazar itu berkuatkuasa, contohnya : menazar untuk sedekah atau memberi sebahagian hartanya apabila ia sudah tiada (iaitu meninggal dunia). Dalam hal ini jelas bahawa nazar itu akan berlaku sahaja apabila si penazar itu meninggal dunia. Walaubagaimanapun jumlah atau kadar harta nazar itu akan bergantung kepada keadaan dan masa nazar itu dilakukan. Sebagai contohnya : seseorang itu bernazar untuk memberikan keseluruhan hartanya dalam keadaan yang ia masih sihat dan tidak membawa kepada kematian, maka hukumnya sah dengan

pemberian kesemua hartanya. Sebaliknya, jika nazar itu berlaku dalam keadaan sakit tenat dan membawa kepada kematian maka hukumnya sah sekadar satu pertiga sahaja iaitu hukum wasiat.

Ulama berbeza pendapat tentang jumlah atau kadar harta yang dinazarkan untuk memberikan keseluruhan hartanya. Imam Malikī dan Shafi`ī menyatakan bahawa sesiapa yang menazarkan semua hartanya, maka harus baginya setakat memberi 1/3.⁴³ Imam Ḥanafī menyatakan bahawa sah nazar keseluruhan hartanya, tetapi benda yang dinazarkan itu mesti benda yang kena bayar zakat seperti duit dan sebagainya. Walaubagaimanapun khilaf ulama menyatakan jika ia tidak menentukan kadar nazarnya seperti katanya “aku menazar harta ku” maka boleh ia memberi sekadar 1/3 atau semua hartanya.⁴⁴ Dalam kitab Ghāyatul ‘Afrāh menyatakan bahawa nazar dalam keadaan sakit dan membawa kepada kematian maka sah hanya 1/3 sahaja seperti mana dengan hukum wasiat.⁴⁵

2.7 RUKUN DAN SYARAT-SYARAT NAZAR

Pengenalan

Dalam *kitab Raudah al- Tālibīn*⁴⁶ rukun nazar terbahagi kepada tiga iaitu:

1. Orang yang bernazar.
2. Perkara yang dinazarkan.
3. Ungkapan nazar.

⁴³ Ibn Qudāmah, Abi Muḥammad ‘Abdullah bin Aḥmad (t.t), *op.cit.*, j. 9, h.339.

⁴⁴ Ibn Juzay Muḥammad Ibn Aḥmad (t.t), *op.cit.*, h.147.

⁴⁵ Al-Ḥaqīr al- Patanī Haji Wan Ismail Aḥmad Pathoni (t.t), *Ghāyat al- ‘Afrāh*, c.3.Patani : Taman Pustaka Press, h.40.

⁴⁶ Imām Abū Zakariyā Yaḥyā bin Syarf al- Nawawī (t.t), *op.cit.*, h. 559.

HURAIAN RUKUN DAN SYARAT-SYARAT NAZAR

2.7.1 Rukun pertama :Orang yang bernazar

Orang yang bernazar ialah orang yang pelaku atau membuat nazar. Pelaku atau pembuat nazar mesti mempunyai syarat- syarat seperti berikut:

- Orang yang bernazar mestilah seorang yang mukallaf yang sudah *baligh*. Tidak sah nazar yang dilakukan oleh orang gila dan kanak-kanak.⁴⁷
- Beragama Islam. Orang yang bernazar mestilah orang yang beragama Islam. Tidak sah bernazar orang-orang kafir sekalipun dia bernazar ketika masih kafir kemudian dia memeluk agama Islam.⁴⁸
- Nazar mesti melakukan atas kerelaan dan kehendak orang yang bernazar itu bukan paksaan.
- Orang yang bernazar itu nazar dengan perkara yang mampu dilaksanakanya.

2.7.2 Rukun kedua :Perkara yang dinazarkan

Rukun yang kedua ialah perkara yang hendak dinazarkan. Perkara tersebut merupakan ibadah yang boleh mendekatkan diri kepada Allah. Contohnya sedekah, puasa, umrah dan sebagainya. Bagi setiap perkara yang dinazarkan, ada beberapa syarat hendaklah dipenuhi antaranya:

- a. Perkara yang dinazar itu mestilah perkara yang wujud dari segi hukum syarak. Tidak sah bernazar dengan perkara-perkara yang tidak terdapat

⁴⁷ *Ibid.*,h.549.

⁴⁸ Al-Kasānī, ‘Alauddin Abū Bakr bin Mas’ud (t.t), *op.cit.*, j. 4. c.5, h.226.

dalam syarak seperti bernazar untuk berpuasa di malam hari atau seorang perempuan bernazar untuk berpuasa dalam masa haid.

- b. Perkara yang dinazarkan merupakan perkara-perkara ibadat. Nazar dianggap sah jika perkara yang dinazarkan itu merupakan perkara ibadat yang bertujuan untuk *bertaqarrub* atau mendekatkan diri kepada Allah. Bernazar untuk maksiat tidak sah dan tidak wajib ditunaikan. Contohnya bernazar memohon sesuatu dikubur keramat, bernazar untuk minum arak, bernazar untuk membunuh dan sebagainya.⁴⁹
- c. Bukan ibadat fardū ‘ain. Seseorang yang bernazar pada ibadat fardū ‘ain seperti sembahyang lima waktu dan puasa Ramadhan, nazarnya tidak sah. Ini kerana perkara-perkara ini adalah ibadat yang telah menjadi satu kewajipan yang mesti dilaksanakan oleh umat Islam.⁵⁰
- d. Dimiliki oleh orang yang bernazar. Perkara atau harta yang di nazarkan hendaklah dimiliki oleh orang yang bernazar pada masa yang dinazarkan.⁵¹

Perkara yang dinazarkan terbahagi kepada 2 iaitu:

1. Nazar dengan perkara yang tidak jelas iaitu tidak dinyatakan bentuk dan jenisnya. Contohnya “Aku menanggung satu nazar” atau “Demi Allah aku bernazar”

⁴⁹ *Ibid.*, h.226-227.

⁵⁰ Imām Abū Zakariyā Yahyā bin Syarf al- Nawawī (t.t), *op.cit.*, j.2, h.566.

⁵¹ Ibn Qudāmah, Abī Muḥammad ‘Abdullah bin Aḥmad (t.t), *op.cit.*, j. 9, h.2.

2. Nazar dengan perkara yang jelas. Ia terbahagi kepada tiga iaitu:

Pertama : Nazar dengan perkara yang mentaati kepada Allah

Nazar seperti ini pula terbahagi kepada 3 iaitu⁵²:

1. Nazar dengan sesuatu perkara yang *fardū* atau wajib. Contohnya nazar solat lima waktu, puasa dibulan Ramadhan, tidak minum arak atau tidak zina. Nazar seperti ini hukumnya tidak sah kerana sudah diwajibkan oleh syarak.
2. Nazar dengan ibadah *maksūrah* iaitu ibadah yang disyariatkan untuk mendekati kepada Allah seperti puasa, sembahyang, sedekah, haji, umrah, *iktitaf* dan sebagainya. Nazar seperti ini wajib ditunaikan.

من نذرأن يطیع الله فلیطعه، و من نذرأن یعصى الله فلا یعصه

Maksudnya “ Sesiapa bernalazar melakukan ketaatan kepada Allah, maka hendaklah dia tunaikan dan sesiapa yang menazar untuk menderhakakan Allah, maka janganlah dia lakukan” ⁵³

3. Nazar atas perkara yang digalakkan oleh agama iaitu merupakan *qurbah* yang mana pada asalnya tidak wajib seperti menziarahi orang sakit, melawat orang yang baru kembali dari *musafir*, mengucapkan salam, menyahuti orang yang bersin dan sebagainya. Sesiapa yang bernalazar seperti ini hukumnya wajib ditunaikan. Perkara ini menjadi satu kepastian yang tidak ada perselisihan pendapat dalam hal ini.

⁵² Imam Abū Zakariyā Yahyā bin Syarf al- Nawawī (t.t), *op.cit.*, j.2, h.566-567.

⁵³ Ibn Hajar al-‘Asqalānī (2000), *op.cit.*

Kedua : Nazar dengan perkara yang harus (*mubāh*)

Nazar dengan perkara yang harus iaitu perkara yang tiada nas mengalakkannya.

Contoh, menyebut “*kerana Allah , aku wajib naik kereta ini*” atau “*aku memakai pakaian ini*”⁵⁴ atau “*demi Allah aku bernazar untuk balik ke rumah dengan berjalan kaki*” atau pun bernazar untuk meninggalkan perkara yang harus atau bernazar untuk makan, minum, berdiri atau duduk dan sebagainya.⁵⁵ Maka nazar seperti ini, ulama Jumhur bersepakat menyatakan bahawa ia tidak dikira sebagai nazar dan tidak wajib dilaksanakan. Ini sebagaimana yang dinyatakan dalam hadith riwayat dari al-Bukhārī daripada Ibn ‘Abbas r.a.:

يَبْيَانَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَخْطُبُ إِذَا هُوَ بِرَجُلٍ قَائِمٍ فَسَأَلَ عَنْهُ
فَقَالُوا أَبُو إِسْرَائِيلَ نَذَرَ أَنْ يَقُومَ وَلَا يَقْعُدَ وَلَا يَسْتَظِلَّ وَلَا يَتَكَلَّمَ وَلَا يَصُومَ.
فَقَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "مَرَّةٌ فَلَيَتَكَلَّمُ وَلَيَسْتَظِلُّ وَلَيَقْعُدُ وَلَيُتَمَّ صَوْمُهُ"

Maksudnya : “ sedang baginda Rasulullah s.a.w. berkhutbah, tiba-tiba baginda ternampak seorang lelaki berdiri, lalu baginda bertanya tentangnya, para sahabat lalu menjelaskan bahawa beliau adalah Abu Israil yang telah bernazar untuk berdiri, tidak mahu duduk, berteduh, bercakap dan berpuasa. Baginda Rasulullah s.a.w bersabda, hendaklah kamu menyuruhnya supaya bercakap, berteduh dan duduk serta dia hendaklah menyempurnakan puasanya. ”⁵⁶

Ketiga : Nazar dengan perkara yang maksiat

Nazar dengan perkara yang maksiat seperti katanya “*demi Allah aku bernazar minum arak*” atau “*membunuh*” atau “*zina*” atau “*puasa sewaktu sedang haid*” atau

⁵⁴ Sayyid Sabiq (1994), *op.cit.*, j.2, h.65., lihat juga Imām Abū Zakariyā Yahyā bin Syarf al- Nawawī (t.t), *op.cit.*, j.2, h. 568.

⁵⁵ Imām Abū Zakariyā Yahyā bin Syarf al- Nawawī (t.t), *op.cit.*, j.2, h. 567., lihat juga Al- Syirāzī Abū Ishāq (1343 H.), *Al-Muhazzab*, j.1. Mesir: Maṭba`ah al-Halabī, h.323.

⁵⁶Ibn Hajar al-‘Asqalani (2000),*op.cit.*, no.hadith 6704. h.586.

“baca al-Quran masa berjunub” atau “membunuh anak” dan sebagainya. Ijma’ ulama menyatakan nazar tersebut tidak perlu ditunaikan kerana ia tidak dikira sebagai nazar, bahkan hukum melakukannya adalah haram.⁵⁷

Imam Shafī`i pula menyatakan bahawa nazar berpuasa pada hari tasyrik dianggap sebagai nazar maksiat dan tidak wajib melaksanakannya.⁵⁸

2.7.3 Rukun ketiga : Ungkapan (lafaz)

Ungkapan ialah lafaz yang memberi makna mewajibkan atas dirinya akan sesuatu yang dinazarkan itu. Contohnya seseorang berkata “kerana Allah atas ku.....” atau “wajib atas diriku.....” atau “wajib atas ku nazar....” atau “aku nazar.....”, ataupun dengan tulisan atau dengan isyarat bagi orang yang bisu beserta niat. Dengan kata lain, tidak sah nazar dengan semata-mata niat.⁵⁹

Imam Malik menyatakan bahawa sah nazar walaupun tanpa lafaz yang *sarih* tapi dengan adanya niat.⁶⁰ Dalam kitab *al-Muhaddhab* menyatakan tidak sah nazar kecuali dengan perkataan seperti “kerana Allah aku berbuat sedemikian”.⁶¹ Dalam kitab *Mughnī al-Muhtaj* juga menyebut bahawa sekiranya lafaz itu dilafazkan, maka ia tidak memerlukan pada niat lagi.⁶²

Secara keseluruhannya, setiap nazar itu tidak dianggap sah jika tidak mencukupi syaratnya seperimana yang telah di jelaskan diatas. Nazar itu mesti terdiri daripada

⁵⁷ Imam Abū Zakariyā Yahyā bin Syarf al- Nawawī (t.t), *op.cit.*, j.2, h. 565.

⁵⁸ Al-Kasānī, ‘Alauddīn Abu Bakr bin Mas’ūd (t.t), *op.cit.*, j. 4, c.5 h.228.

⁵⁹ Al-Syaikh Muhammad al- Khaṭīb A-Syarbinī (1978),*op.cit.*, j.4, h.355.

⁶⁰ Muḥammad bin Aḥmad bin Muḥammad bin Aḥmad bin Rasyid al-Qurṭubī (1981), *op.cit.*, j.1, c.5, h.422.

⁶¹ Al- Syirāzī Abū Ishāq (1343 H.), *op.cit.*, j.1, h.323.

⁶² Al-Syaikh Muhammad al- Khaṭīb A-Syarbinī (1978), *op.cit.*, j.2, h.355.

penazar (orang yang hendak nazar), perkara yang dinazarkan dan lafaz nazar. Penazar mestilah seorang Islam yang mukallaf iaitu sudah *baligh* dan tidak dikira sah nazar jika dilakukan oleh orang kafir. Perkara yang dinazarkan pula mesti dengan perkara baik iaitu wujud dari hukum syarak dan bukan perkara yang di larang oleh Allah. Walaubagaimanapun tidak sah nazar dengan ibadah *fardu'* yang pada asasnya wajib dilaksanakan seperti solat lima waktu, puasa bulan ramadhan dan lain-lain. Seterusnya lafaz nazar, nazar mesti dengan lafaz yang jelas iaitu dengan menyebut ungkapan sumpah seperti “ *demi Allah... atau demi Tuhan yang maha pemurah...* ” dan sebagainya. Justeru itu, jika kurang daripada salah satu rukun nazar maka tidak dianggap sebagai nazar. Walaubagaimanapun, jika nazar mencukupi dan sah nazar maka wajib ke atasnya melangsaikan tanpa bertangguh apabila hajatnya dikabulkan oleh Allah. Ini, kerana nazar adalah hutangnya kepada Allah yang telah berjanji menunaikan sesuatu ibadat seperti mana yang dinazarkan.

2.8 TEMPOH BERKUATKUASA NAZAR

Wajib menunaikan perkara yang dinazarkan adalah berbeza mengikut keadaan dan cara yang dinazarkan itu sendiri sama ada secara mutlak iaitu tanpa sebarang syarat atau bergantung kepada sesuatu syarat atau terikat dengan waktu atau bersandar kepada waktu akan datang. Keadaan tersebut adalah seperti berikut:

- **Nazar mutlak**

Sekiranya nazar yang dibuat secara mutlak tanpa dikaitkan dengan sebarang syarat, tempat dan sesuatu waktu yang jelas, maka wajib dilaksanakan bermula dari

waktu ia diucapkan tanpa dikaitkan dengan masa. Ia boleh dilakukan pada bila-bila masa sahaja sepanjang hidupnya dan sunat untuk disegerakan.⁶³ Contohnya “kerana Allah aku wajib puasa sebulan”

- **Nazar bersyarat**

Sekiranya nazar dikaitkan dengan sesuatu syarat, seperti dengan menyebut, “jika Allah sembuhkan penyakit aku ini, maka aku akan berpuasa sebulan” atau “harta ini akan jadi milik anak aku apabila aku sudah mati”. Nazar bersyarat yang ditentukan adalah perkara penting dalam menentukan sama ada nazar itu sah atau tidak. Sekiranya syarat yang ditentukan itu tidak berlaku maka tidak sah tetapi jika syarat itu sempurna atau tercapai maka wajib menuaikan nazar tersebut.⁶⁴

- **Nazar dikaitkan dengan tempat**

Sekiranya nazar itu dikaitkan dengan sesuatu tempat seperti menyebut “aku wajib mengerjakan sembahyang dua rakaat di tempat tertentu kerana Allah Taala ” atau menyebut “aku akan sedekah kepada golongan kafir di negara X”, maka para ulama berselisih pendapat:

Imam Shafi’ī berpendapat bahawa apabila seseorang bernazar untuk bersedekah kepada penduduk di negeri X, maka dia wajib menuaikannya dan jika dia bernazar

⁶³ Muḥammad bin Aḥmad bin Muḥammad bin Aḥmad bin Rasyīd al-Qurṭubī (1981), *op.cit.*, j.1, c.5, h.425.

⁶⁴ Ibn Juzay Muḥammad Ibn Aḥmad (t.t), *op.cit.*, h.146.

untuk berpuasa di negeri X, maka harus dia berpuasa di mana-mana tempat kerana puasa adalah ibadat, di mana tidak wajib melakukan di tempat tersebut.⁶⁵

Dalam Kitab *Mughni* juga, dinyatakan apabila seseorang itu bernazar untuk bersedekah kepada penduduk di tempat yang tertentu maka wajib menunaikannya. Tetapi jika dia bernazar untuk berpuasa di tempat yang tertentu maka dia hanya wajib mengerjakan puasa kerana puasa adalah ibadat, yang mana dia tidak wajib mengerjakan di tempat itu tetapi dia boleh menunaikan di tempat lain.⁶⁶

Imam Hanafi menyatakan nazar seperti ini harus ditunaikan di tempat lain. Ini kerana tujuan nazar tersebut adalah untuk mendekatkan diri kepada Allah Taala. Tiada persoalan tempat yang timbul. Sekiranya bernazar untuk mengerjakan sembahyang dua rakaat di Masjid al-Harām, lalu dia melakukan di tempat yang lebih rendah taraf kemuliannya, maka ia sudah cukup. Ini kerana tujuannya adalah untuk *taqarrub* kepada Allah yang mana boleh dilakukan di mana-mana tempat.⁶⁷

Dalam Kitab *Mughni* juga menyatakan bahawa, sekiranya seseorang berniat untuk sembahyang atau melakukan *iktiāf* disesuatu tempat, maka tidak akan menjadi perbezaan tempat melainkan menamakan masjid tertentu seperti salah satu daripada tiga Masjid utama (Masjid al-Haram, Masjid Nabi dan Masjid al- Aqsa). Maka wajiblah menunaikan di tempat itu.⁶⁸ Pendapat ini sependapat dengan para ulama Shafī‘ī dan Malīkī.

⁶⁵ Al-Syaikh Muḥammad al- Ḫaṭīb A-Syarbinī (1978), *op.cit.*, j.4, h.368.

⁶⁶ *Ibid.*

⁶⁷ Ibn Juzay Muhammad Ibn Ahmad (t.t), *op.cit.*, h.148.

⁶⁸ Al-Syaikh Muḥammad al- Ḫaṭīb A-Syarbinī (1978), *op.cit.*, j.4, h.367-368.

- **Nazar yang dikaitkan dengan masa**

Sekiranya nazar dikaitkan dengan tempoh masa, ia wajib ditunaikan apabila tiba masa yang telah dinazarnya. Tidak boleh melakukan sebelum tiba masanya kerana masa yang ditentukan itu adalah salah satu syarat yang ditentukannya.⁶⁹ Contohnya “*aku bernazar kerana Allah untuk berpuasa pada bulan Rejab*” atau “*aku akan bersembahyang dua rakaat pada hari khamis yang akan datang*” atau “*aku mahu bersedekah sebanyak X ringgit pada hari jumaat yang akan datang*” atau “*harta ini akan jadi milik anak aku apabila aku sudah mati*”.

Tempoh penguatkuasa nazar ini akan bergantung kepada jenis nazar yang dilakukan. Sepertinya : Nazar mutlak di mana ia semata-semata hendak mendekatkan diri kepada Allah dan tiada apa-apa syarat, maka nazar ini wajib dilaksanakan setelah lafaz nazar itu dilakukan kerana ianya tiada pergantungan syarat dengan perkara lain. Walaubagaimanapun baginya bebas melaksanakan secara mutlak iaitu bila-bila masa saja. Selain daripada itu, nazar yang dikaitkan dengan syarat pula wajib dilaksanakan apabila kehendaknya tercapai. Sekiranya nazar itu terikat dengan masa maka wajib menunaikannya dalam masa tersebut. Disunatkan menyegerakan pelaksanaan apa yang dinazarkan pada awal waktu dan ketika hadirnya peluang yang mengizinkan. Ini dilakukan sebagai cara untuk segera melepaskan diri daripada kewajipan tersebut.

⁶⁹ Al-Kasānī, ‘Alauddīn Abū Bakr bin Mas’ūd (t.t), *op.cit.*, j. 4, c.5. h.245.

2.9 NAZAR SEDEKAH DENGAN HARTA

Nazar sedekah dengan harta adalah satu ibadat yang dituntut dalam Islam. Walaubagaimanapun, harta yang dinazarkan itu mestilah hak miliknya sebagaimana yang dinyatakan oleh Imam Shafī`ī. Nazar yang berkaitan dengan harta tidak sah sekiranya sesuatu perkara belum jadi miliknya.⁷⁰ Nazar jenis ini tidak disyaratkan oleh pihak yang menerimanya sepetimana yang dijelaskan dalam Kitab *Ghāyat al-Afrāh*⁷¹ iaitu tidak disyaratkan bagi orang yang menerima sesuatu yang dinazar itu mengetahuinya walaupun masa yang dinazarkan hanya sehari atau dua tiga hari sebelum meninggal dunia. Selain itu sah mentaklikkan nazarnya seperti “apa bila aku sakit maka harta aku sekaliannya akan aku nazar bagi.....”. Nazar dalam keadaan sakit yang membawa kepada mati terpakai setakat 1/3.

Walaubagaimanapun ulama berbeza pendapat tentang jumlah atau kadar harta yang bernazar untuk memberikan seluruh hartanya. Imam Maliki menyatakan bahawa sesiapa yang menazarkan semua hartanya, maka harus baginya setakat memberi 1/3.⁷² Imam Shafī`ī menyatakan bahawa bernazar hendaklah mengikut perjanjian yang ditetapkan dan jika dia marah atau berlakunya keingkaran dengan perjanjian tersebut maka dikenakan *kaffārah*. Imam Shafī`ī turut menyatakan bahawa apabila seseorang bernazar dengan duit atau sedikit daripada hartanya, maka wajib ditunaikan dengan syarat ia niat dengan ikhlas. Tetapi jika nazar itu adalah jenis nazar *lajjāj*, maka mesti membayar *kaffārah*. Manakala bernazar sedekah semua duitnya dan ia menyalahi janjinya maka wajib bayar *kaffārah*.⁷³

⁷⁰ Al- Syirāzī Abū Isḥaq (1343 H.), *op.cit.*, h.323.

⁷¹ Al-Ḥaqīr al- Patani Hajji Wan Ismail Ahmad Pathoni (t.t), *Ghāyat al-Afrāh*, c.3.Patani : Taman Pustaka Press, h.40.

⁷² Ibn Qudāmah, Abī Muhammād ‘Abdullah bin Ahmad (t.t), *op.cit.*, j. 9, h.339.

⁷³ Ibn Juzay Muḥammad Ibn Aḥmad (t.t), *op.cit.*, h.147.

Imam Ḥanafī menyatakan bahawa sah nazar keseluruhan hartanya, tetapi benda yang dinazarkan itu mesti benda yang kena bayar zakat seperti duit dan sebagainya. Walaubagaimanapun khilaf ulama menyatakan jika ia tidak menentukan kadar nazarnya seperti katanya “*aku menazar harta ku*” maka boleh ia memberi sekadar 1/3 atau semua hartanya.⁷⁴

Menazar dengan sedekah adalah bertindak sebagai satu kuasa motivasi bagi seseorang hamba itu memantapkan lagi azamnya untuk mendekatkan dirinya dengan Allah melalui amalan kebajikan yang dinazarkan. Mempertimbangkan hikmah dan roh nazar dengan sedekah ini adalah amat baik jika umat Islam yang ingin bernazar, dapat mengutamakan nazar kepada ibadah maliyah (kehartaan) di dalam nazar mereka. Ini, kerana manfaatnya bukan dalam bentuk pahala sahaja tetapi turut menjangkau kemaslahatan masyarakat dan dapat membantu umat Islam di sekelilingnya.

2.10 *KAFFĀRAH NAZAR*

Pada kebiasaannya, setiap nazar yang dilakukan itu dikaitkan dengan sumpah. Nazar dan sumpah kedua-keduanya merupakan satu ungkapan yang dilakukan oleh seseorang untuk menguatkan apa yang dilakukannya. Oleh itu *kaffārah* yang dikenakan ke atas orang yang bernazar sama sebagaimana *kaffārah* yang dikenakan ke atas orang yang bersumpah, seperitimana Sabda Rasullah s.a.w:

لَا نذر فِي مُعْصِيَةٍ وَكَفَارَةٌ يَعْلَمُ

⁷⁴Ibid.

Maksudnya “ *Tidak ada nazar dalam perkara maksiat dan kaffarahnya adalah sebagaimana kaffarah sumpah* ”⁷⁵

Hadith di atas, menunjukan bahawa *kaffarah* yang dikenakan ke atas orang bernazar itu sama seperti *kaffarah* sumpah iaitu melakukan salah satu dari tiga perkara berikut iaitu :

1. Memberi makan kepada sepuluh orang miskin.

Imam Ḥanafī menyatakan bahawa maksud memberi makanan itu adalah menjamu makanan, bukannya memberi milik. Firman Allah S.W.T. :

فَكُفُرٌ تَهْ إِطْعَامُ عَشْرَةِ مُسْكِينٍ

Maksudnya “ *Maka kaffarahnya adalah memberi makan 10 orang miskin.* ”

Surah al-Mā' idah 5:89

Dalam penggunaan bahasa biasa, memberi makan adalah bermaksud membenarkan mereka untuk makan dan bukannya memberikan mereka untuk memiliki makanan. Jumhur berpendapat, makanan mesti diberikan kepada golongan miskin sebagai milik seperti kewajipan-kewajipan harta yang lain kerana setiap kewajipan yang berbentuk harta perlulah diketahui kadarnya bagi membolehkan seseorang mukallaf menunaikannya dengan sempurna. Makanan yang dibenarkan untuk dimakan oleh seseorang miskin tidak diketahui nilai dan kadarnya.⁷⁶

⁷⁵ Abū Dawūd, Sulaimān bin al-Asy'ath al-Sajastānī al-Azdi (t.t), *op.cit.*, h.233.

⁷⁶ Al-Kasani, ‘Alauddin Abu Bakr bin Mas’ud (t.t), *op.cit.*, j. 4, c.5, h.249.

Ini bererti bahawa memberi milik tidak menjadi syarat bagi menyempurnakan maksud memberi makan. Apa yang perlu ialah memberi kebenaran atau membebaskan golongan miskin untuk makan. Maka mencukupi sekiranya dijemput orang-orang miskin untuk dijamu satu hari dengan makan tengahari dan makan malam. Apabila mereka hadir dan makan dalam dua hidangan yang disediakan itu, maka telah mencukupi. Menyentuh tentang kadar makanan yang mesti diberikan, Jumhur dari kalangan Imam Malīk, Shafī`ī dan Ḥanbali menyatakan bahawa setiap orang miskin perlu diberikan sebanyak satu cupak gandum.⁷⁷

2. Memberi pakaian kepada sepuluh orang miskin.

Cara memberi pakaian tidak harus kecuali dengan memberikan mereka miliknya. Imam Ḥanafī berpendapat bahawa memberi pakaian adalah bertujuan untuk menahan diri daripada kepanasan atau kesejukan. Keperluan ini tidak tercapai melainkan dengan cara memberi milik. Imam Ḥanafī juga menyatakan bahawa paling minima adalah pakaian yang dapat menutup seluruh tubuh dan dikira mencukupi apabila memadai untuk menutup aurat dipakai dalam sembahyang. Imam Mālik pula berpendapat, kadar pakaian yang minimum bagi seorang lelaki adalah yang menutup seluruh tubuhnya dan bagi wanita pula ialah yang harus digunakan untuk menunaikan sembahyang iaitu baju dan *khimār*. Imam Shafī`ī pula berpendapat bahawa ia mencukupi dengan memberi sekadar yang boleh dinamakan sebagai pakaian sama ada sarung, kain sebal, jubah, baju atau *milhafah*, kerana semuanya ini dinamakan sebagai pakaian.⁷⁸

⁷⁷ Al-Syaikh Muḥammad al- Khaṭīb A-Syarbinī (1978), *op.cit.*, j.4, h. 368.

⁷⁸ Muḥammad bin Aḥmad bin Muḥammad bin Aḥmad bin Rasyīd al-Qurṭubī (1981), *op.cit.*, j.1, c.5, h.405.

3. Memerdekaan hamba.

Memerdekaan seorang hamba dalam kaffārah sumpah ini, sudah tidak ada pada zaman sekarang. Oleh itu kewajipan memerdekaan hamba ini tidak timbul. Ianya akan wujud sebagai pilihan untuk mereka yang melanggar sumpah iaitu antara memberi makanan atau memberi pakaian.

Para fuqaha' berpendapat bahawa apabila seseorang yang melanggar sumpah itu tidak mampu memberikan makanan atau pakaian untuk fakir miskin serta tidak mampu untuk memerdekaan seorang hamba, maka dia wajib berpuasa selama tiga hari. Firman Allah S.W.T. :

فَمَنْ لَمْ يَجِدْ فِصَامًا ثَلَاثَةُ أَيَّامٍ

Maksudnya “ *Kemudian sesiapa yang tidak dapat menunaikan denda tersebut, maka hendaklah dia berpuasa tiga hari* ”

Surah al-Mā‘i dah5:89

Walaubagaimanapun, mereka telah berselisih pendapat sama ada puasa tersebut perlu dilakukan secara berturut-turut atau tidak. Mengikut pendapat ulama Maliki dan Shafi’ī ia tidak disyaratkan melakukan dengan berturut-turut.⁷⁹ Ulama Ḥanafī’ dan Ḥanbalī pula berpendapat, puasa tersebut perlu dilakukan secara berturut-turut berdasarkan kepada bacaan ‘Ubāyd dan ‘Abdullah bin Mas’ūd (فصيام ثلاثة أيام متتابعات).⁸⁰

⁷⁹ Ibid.

⁸⁰ Diceritakan oleh Ahmad dan diriwayatkan oleh al-Athram daripada Ubay bin Ka’ab dan Ibn Mas’ūd bahawa kedua-duanya membaca فصيام ثلاثة أيام متتابعات. Ibn Abi Shaibah meriwayatkan hadith Ibn Mas’ūd beliau berkata, “ ‘Abdullah membaca فصيام ثلاثة أيام متتابعات ’ ”. Abdul Razzāq meriwayatkan daripada ‘Aṭā’

Kaffārah akan diwajibkan apabila bernazar sedemikian iaitu nazar tentang perkara-perkara atau perbuatan maksiat seperti minum arak, membunuh atau lain-lain. Nazar sebegini tidak boleh ditunaikan dan wajib ke atasnya membayar *kaffārah*. Sabda Rasullah s.a.w:

لَا نَذْرٌ فِي مُعْصِيَةٍ وَكُفَّارَةٌ بِمِنْ

Maksudnya “ *Tidak ada nazar dalam perkara maksiat dan kaffarahnya adalah sebagaimana kaffarah sumpah* ”⁸¹

Selain daripada itu, wajib membayar *kaffārah* ke atas nazar dengan perkara-perkara yang tidak dapat dilakukan seperti bernazar tentang perkara yang berat dan sukar untuk dilaksanakan. Contohnya, seorang bernazar untuk berjalan kaki dari Malaysia ke Mekah untuk menunaikan haji. Begitu juga sekiranya orang yang bernazar tidak menyebut apakah bentuk nazarnya. Contohnya apabila seseorang berkata jika penyakit ku sembuh, maka aku akan melakukannya, maka apabila penyakitnya sembuh maka diwajibkan ke atasnya membayar *kaffārah*.

Pembayaran *kaffārah* adalah wajib secara mutlak. Ia tidak mempunyai batasan waktu dan masa yang tertentu untuk melaksanakannya. Oleh itu, ia harus melakukan sebaik sahaja berlaku perlanggaran terhadap sumpah. Jika tidak mampu melaksanakan mana-mana satu dari ketiga-tiga perkara di atas, maka diwajibkan berpuasa selama tiga hari.

فصيام ثلاثة أيام متتابعات أيا ممتلكاتك
yang menyatakan “ Bacaan yang sampai pada kami ialah bacaan Ibn Mas’ūd iaitu begitu juga kami membacanya.

⁸¹ Abū Dawūd, Sulaimān bin al-Asy’ath al-Sajastānī al-Azdi (t.t), *op.cit.*, h.233.

Oleh yang demikian, bagi mereka yang bernazar hendaklah menunaikan nazar dan bagi mereka yang terlepas pandang atau terlupa maka hendaklah ditebus nazar itu dengan melakukan salah satu dari kaffarah yang dinyatakan di dalam Al-Quran. Berpandukan kepada ayat-ayat di atas dapat disimpulkan bahawa kaffarah nazar itu adalah seperti berikut : memberi makan 10 orang miskin, iaitu dari makanan yang biasa kita berikan kepada keluarga kita atau memberi pakaian kepada 10 orang miskin atau memerdekaan seorang hamba atau bagi mereka yang tidak mampu melakukan ketigatiga perkara di atas maka berpuasalah selam tiga hari.

2.11 Kesimpulan

Islam adalah merupakan agama yang sempurna dan lengkap dalam semua perkara dalam kehidupan manusia. Islam juga mempunyai konsep yang tersendiri terhadap sesuatu perkara termasuklah dalam aspek nazar. Perkataan nazar bererti mewajibkan dirinya melakukan ibadah yang tidak diwajibkan oleh hukum syarak secara mutlak ataupun ibadah yang bergantung kepada perkara yang lain. Nazar merupakan suatu bentuk janji terhadap sesuatu perkara ibadat yang pada asasnya tidak wajib dengan menggunakan ungkapan yang mewajibkan atas dirinya dalam melakukan sesuatu perkara itu jika hajatnya tercapai. Pada dasarnya nazar sudah menjadi seperti tradisi dan kelaziman, namun roh dan konsep nazar sebenarnya adalah sebagai satu wahana bagi seseorang insan mendekatkan diri kepada Allah.

Oleh itu, walapun bernazar bukanlah sesuatu yang wajib namun, nazar disunatkan berdasarkan kepada penafsiran-penafsiran terhadap beberapa ayat al-Quran dan nas-nas al-Sunnah yang mana menggalakkan dan menyuruh umatnya untuk melakukan kebaikan dan kebijakan untuk mendekatkan dirinya dengan Allah. Ini adalah

berasaskan daripada firman Allah SWT yang bermaksud: Mereka dikurniakan kesenangan itu kerana mereka menyempurnakan nazarnya (apatah lagi yang diwajibkan Tuhan kepadanya), serta mereka takutkan hari (akhirat) yang azabnya seksanya merebak di sana sini. (al-Insan: 7). Begitu juga dengan sabda Rasulullah SAW daripada Aishah r.a. yang bermaksud: Sesiapa yang bernazar untuk taat kepada Allah maka taatlah akannya, dan sesiapa yang bernazar untuk berbuat maksiat kepadanya maka janganlah membuat maksiat kepadanya (Riwayat Al-Bukhari). Memandangkan hikmah dan roh nazar, adalah amat baik jika umat Islam yang ingin bernazar, dapat mengutamakan nazar mereka kepada ibadah maaliyah (kehartaan) di dalam nazar mereka. Contohnya, seseorang itu boleh bernazar untuk berpuasa dan nazar bersedekah. Jika nazar dihadkan kepada ibadah khususiah fardiyah (ibadah khusus yang bersifat individu), maka manfaat hanya dalam bentuk pahala kepada orang yang bernazar untuk berpuasa sahaja ; tetapi jika disertakan dengan ibadah maaliyah, manfaatnya bukan sekadar pahala, tetapi turut menjangkau kemaslahatan masyarakat Islam di sekelilingnya. Ini kerana satu amalan kebajikan dapat membantu orang lain, pahalanya tentulah lebih besar di sisi Allah SWT berbanding amalan yang hanya untuk mendapatkan pahala bagi diri kita sendiri. Ini bermakna lebih tinggi nilai dan keberkatannya di sisi Allah SWT. Nazar yang berbentuk serampang dua mata ini bukan sahaja dapat membentuk peribadi orang yang bernazar malah turut memberikan impak langsung kepada kemaslahatan sosio-ekonomi ummah. Alangkah baik sekiranya umat Islam dapat membantu insan lain yang lebih memerlukan sekiranya nazar yang dibuat dapat disalurkan kepada Baitulmal sebagai pemegang amanah harta umat Islam untuk diagihkan kepada golongan yang berhak.

BAB 3

LATAR BELAKANG MAJLIS AGAMA ISLAM PATTANI

3.1 PENDAHULUAN

Majlis Agama Islam Pattani (MAIP) adalah sebuah institusi agama yang ditubuhkan atas kesedaran dan rasa bertanggungjawap beberapa orang ulama untuk membela nasib orang-orang Islam di Pattani serta melaksanakan syariah Islam dalam menjaga kesucian agama dari dicerobohi oleh anasir-anasir karut dan menyesatkan. Majlis Agama Islam berperanan dalam mentadbir urusan-urusan hal ehwal orang Islam setempat dan menjadi tempat mengadu dalam menyelesaikan segala permasalahan yang timbul berhubung dengan syariat Islam, sosial, ekonomi, pendidikan dan lain-lain.

Majlis Agama Islam Pattani merupakan badan sosial agama yang ditubuhkan oleh umat Islam di satu wilayah yang mempunyai majoritinya penduduk Islam. Ianya bertujuan untuk mengawal dan mentadbir umat Islam di wilayah tersebut agar melaksanakan hukum Islam khususnya dalam soal kekeluargaan dan pusaka. Selain itu ia juga bertujuan dalam menyelesaikan masalah mereka melalui undang-undang Islam tanpa perlu merujuk kepada undang-undang kekeluargaan bukan Islam. Penubuhan Majlis Agama Islam Pattani adalah di bawah kawalan kementerian dalam negeri dan menteri pelajaran. MAIP telah diberi mandat untuk menguruskan hal-hal yang berkaitan dengan harta pusaka orang-orang Islam. MAIP juga diberi keizinan untuk mengeluarkan kenyataan yang berhubung dengan wakaf, wasiat, hibah dan termasuk nazar sebagai kenyataan di Mahkamah Rendah.

3.2 PENUBUHAN INSTITUSI HAL EHWAL MASLIS AGAMA ISLAM PATTANI

Sejarah penubuhan Majlis Agama Islam Pattani dan Majlis Agama Islam di wilayah Selatan Thailand semuanya mempunyai kaitan dengan sejarah kedudukan umat Islam setelah kejatuhan Pattani ke tangan pemerintahan Siam pada tahun 1885 Masihi yang telah berpecah menjadi tujuh buah negeri kecil iaitu Pattani, Saiburi, Raman, Jambu (Yaaring) Ranget, Yala dan Nongcik.⁸²

Ketujuh-tujuh wilayah tersebut diperintah oleh Raja-raja Melayu Islam yang dilantik oleh pihak pemerintah Siam dari kalangan orang Islam yang berkelayakan dari sudut pengadilan. Umat Islam yang berada di bawah jajahan itu mesti tunduk dan patuh kepada Undang-undang yang berada di bawah Mahkamah Sivil Thailand yang ada di daerah berkenaan. Keadaan hidup umat Islam Pattani pada ketika itu dalam suasana yang amat membimbangkan dan kucar kacir di mana mereka kehilangan tempat perlindungan dan pengaduan terutama sekali dalam perkara keagamaan dan sosial. Ini menimbulkan beberapa masalah kepada umat Islam. Di antaranya ialah mengenai pelaksanaan hukum Islam yang berkaitan dengan soal kekeluargaan dan pusaka.

Keadaan ini telah mendorong orang Melayu yang beragama Islam dan ulama Selatan Thai bermesyuarat untuk menuntut kebebasan dari pihak pemerintah supaya segala permasalahan umat Islam yang berhubung dengan agama Islam dapat diselesaikan mengikut Undang-undang Islam. Pihak kerajaan Thai yang dipimpin oleh Raja Culalong Korn Rama ke V yang memerintah pada masa itu, telah

⁸² Narong Siri Pa'chana' (1974), Khuam Penma Khong Kodmai Islam Lea Dato'Yuttitham.(Latar Belakang Undang-undang Islam dan Dato'Yuttitham) Nakhon Sri Tammarat : Sri Aksorn. h.4.

mempertimbangkan permohonan tersebut dengan mengambil beberapa langkah bagi menyelesaikan permasalahan umat Islam di bawah jajahan tujuh negeri tersebut.

Seterusnya, baginda telah membenarkan supaya umat Islam yang berada di bawah tujuh negara tersebut memakai Undang-undang Islam bagi permasalahan perkahwinan dan pusaka. Ianya memberi peluang kepada Raja-raja yang memerintah ketujuh-tujuh negeri tersebut untuk memilih orang-orang yang alim mengenai Undang-undang Islam dan seterusnya melantik menjadi Qadi bagi umat Islam dalam menyelesaikan masalah berkaitan perkahwinan dan pusaka.⁸³

Pelaksanaan langkah-langkah tersebut merupakan *siasah* (politik) pemerintahan Thailand bagi mendapatkan sokongan umat Islam agar mereka menerima status pemerintahan Thailand dengan cara memberi otonomi hukum Islam yang berkaitan dengan soal kekeluargaan dan warisan serta memberi peluang kepada masyarakat menyelenggarakan pengadilan agama (Mahkamah Syariah) dengan melantik Qadi di setiap Mahkamah pengadilan di kawasan negeri-negeri tersebut.⁸⁴

Keadaan ini berjalan dengan baik sehingga berlaku pertukaran pemerintahan Thailand di negeri itu pada tahun 1916 dengan membahagikan semula semua tujuh negeri tersebut menjadi empat kawasan dan diubah namanya dari negeri menjadi Changwad (Wilayah). Pada tahun 1932 M, telah berlaku satu pemberontakan untuk merampas kuasa di Bangkok yang dipimpin oleh ahli politik atas nama Khana radh (kelompak rakyat) yang bertujuan mengubah pemerintahan monarki *absolut* kepada kedaulatan rakyat (Demokrasi).⁸⁵

⁸³ Arong Suthasasna (1987), “Shariah and Codification- Thailand Experience”, *Syariah Law Journal*, V.4, January 1987, h.133-135.

⁸⁴ Ahmad Fathy Al-fatani (2001), *op.cit.*, h.83.

⁸⁵ *Ibid.*, h.58-59.

Rentetan sistem pemerintahan demokrasi di Thailand pada waktu itu, umat Islam di Selatan Thailand juga tidak dapat menuntut hak-hak keagamaan mereka dengan sepenuhnya malah situasi menjadi lebih buruk ketika negara di pimpin oleh seorang nasionalis Siam yang bernama Pibul Songkram. Beliau telah menghapuskan hukum Islam yang berkaitan dengan keluarga dan warisan yang pernah dijalankan di Mahkamah Syariah semasa pemerintahan Raj Chulalungkorn Rama ke V.⁸⁶ Selain dari itu, beliau mengugurkan jawatan *Dato' Yuttitham* dan memaksa semua orang Islam mengekut Undang-undang Sivil. Apabila berakhirnya pemerintahan kerajaan Phibul Songkram, maka berlaku ketegangan politik di Selatan Thailand. Masyarakat Islam mengambil sikap menentang politik kerajaan Thai dengan menuntut kebebasan mutlak. Pridi Panomyong selaku Pusamrech Rachakan Taen Praong (Penganti Kuasa Raja) mengambil peranan meredakan suasana ketegangan itu. Peranan yang dimainkan oleh beliau mendapat nasihat daripada Chem Promyaong (Haji Shamsudin). Pada 8 Mei 1945, kerajaan Khuang Apaiwong meluluskan Undang-undang Pentadbiran Hal Ehwal Islam yang dipanggil *Praracha Banyat Sasanupatham Fai Islam*.⁸⁷

Undang-undang Pentadbiran Hal Ehwal Islam adalah Undang-undang pertama dalam sejarah politik pemerintahan berperlembagaan. Pada hakikatnya kewujudan undang-undang ini adalah ekoran daripada langkah dalam mengembalikan pengamalan undang-undang Islam yang telah dihapuskan oleh pemerintah terdahulu. Ini sekaligus memberi hak kebebasan dalam menganut agama seperti mana yang telah dinyatakan dalam Undang-undang perlembagaan Thai. Undang-undang ini juga dengan secara rasminya mewujudkan jawatan Chularajmontri yang statusnya sebagai ketua agama Islam di Thailand. Selain itu, terdapat juga badan-badan agama Islam di peringkat kebangsaan dan tempatan yang turut dibentuk secara rasmi. Di antara badan-badan

⁸⁶Ibid., h.79.

⁸⁷Ibid., h.86.

rasmi tersebut ialah *Kamakarn Islam Haeng Pratet Thai* (Komiti Islam Pusat), *Kamakarn Islam Pracham Changwad* (Komiti Islam Wilayah) yang lebih dikenali sebagai Majlis Agama Islam Wilayah dan Kamakarn Islam Masjid (Komiti Islam Masjid).⁸⁸ Dalam akta *Praracha Banyat Sasanupatham Fai Islam* seksyen 7 telah menyatakan bahawa :

“Mana-mana wilayah yang mempunyai rakyat kebanyakannya menganut agama Islam, maka kerajaan memberi kuasa kepada kementerian dalam negeri untuk menubuhkan komite wilayah, yang bertanggungjawab sebagai penasihat kepada gobenor wilayah tersebut tentang hal-hal yang berkaitan dengan ajaran Islam, komite wilayah terdiri daripada yang Dipertua Majlis dan pengawai-pengawai yang tidak melibih 5 orang, yang dilantik dan letak jawatan oleh kementerian dala negeri. Jika wilayah yang tidak ada Majlis Agama Islam maka Komite Pusat adalah orang yang bertanggungjawap ke atas umat Islam di wilayah tersebut.”

Pada Julai 1945, buat pertama kalinya para imam di empat Wilayah berhimpun di wilayah masing-masing untuk memilih 15 orang bagi menyertai Ahli Komiti Islam Wilayah (Majlis Agama Islam Wilayah). Di Pattani telah dilantik Haji Sulong bin Abdul Khadir iaitu seorang ulama kenamaan sebagai yang Dipertua Majlis Agama Islam.⁸⁹

Menurut artikel “*Pengenalan Ringkas Majlis Agama Islam Pattani*”, Majlis Agama Islam Pattani atau dikenali sebagai “Pejabat Agama Islam Pattani” ditubuhkan pada tahun 1940. Pada waktu itu, para ulama Pattani merasakan tanggunjawab atas perkara yang timbul dan berlaku di wilayah Pattani. Ini ditambah dengan ketiadaan institusi yang bertanggunjawap berkenaan dengan hal ahwal agama Islam. Selepas ditubuhkan, Majlis Agama Islam Pattani berfungsi sebagai pejabat Qadi dalam

⁸⁸ Ahmad Omar Chapakia (2001), “ Undang-undang Pentadbiran Islam di Thailand” (Kertas Kerja Seminar Kerajaan Negeri Pahang bersama Institut Kefahaman Islam Malaysia, di Dewan Besar Kolej Islam Pahang”, 15-16 Oktober 2001), h.13.

⁸⁹ Majlis Agama Islam Pattani (t.t), *Pengenalan Majlis Agama Islam Wilayah Pattani Selatan Thailand*. Majlis Agama Islam Pattani, lihat juga Ahmad Fathy Al-fatani (2001),*op.cit.*

menyelesaikan masalah umat Islam di Pattani.⁹⁰ Walaubagaimanapun, penubuhan Majlis Agama Islam pada masa itu tidak diakui oleh mana-mana Undang-undang Thailand. Ianya ditubuhkan atas kesedaran dan tanggungjawab umat Islam di Pattani sahaja.

Seterusnya pada tahun 1945, telah ditubuhkan sebuah badan keagamaan di Pattani yang mana terletak di tengah-tengah bandar Pattani iaitu Cabang Tiga. Ia adalah hasil usaha oleh beberapa orang ulama yang terkemuka dan mereka telah memilih Tuan Guru Haji Muhammad Sulong bin Haji Abdulkadir selaku yang Dipertua (pengarah). Pada awalnya, Majlis Agama Islam dikenali sebagai “Pejabat Agama Islam”. Kemudian pada tahun 1948, ia ditukar kepada nama yang baru iaitu “Majlis Agama Islam” sehingga sekarang.⁹¹ Kini, pejabat Majlis Agama Islam Pattani terletak di 39, jalan Kelapho, Dairah Muang, Wilayah Pattani dan mempunyai 6 orang Yang Dipertua.⁹²

Berdasarkan pada pemilihan tersebut, pihak kerajaan mengeluarkan perlantikan rasminya pada 30 Julai 1945. Ketua dan ahli jawatankuasa yang dilantik adalah terdiri daripada para pemimpin yang menonjol dan berperanan dalam Wilayah. Mereka merupakan golongan ulama yang disanjung tinggi oleh masyarakat Islam setempat. Ketua Majlis Agama Islam Wilayah adalah dianggap sebagai ketua masyarakat Islam dalam Wilayah.

⁹⁰ Majlis Agama Islam Pattani (t.t), *Short History of Islamic Committee of Pattani Province*. Majlis Agama Islam Pattani, h.1-4.

⁹¹ Majlis Agama Islam Pattani (t.t), *The History of the Provincial Islamic Committee of Pattani*. h.2.

⁹² Senarai nama yang dipertua Majlis Agama Islam Pattani terdiri daripada : Haji Mohd Sulong Bin Haji Abdulqadir (tahun 1945–1948), Haji Abdul Aziz Bin Haji Abdulwahab (tahun 1948 -1974), Haji Mohd Amin Bin Haji Mohd Sulong (tahun 1975–1982), Haji Yusuof Bin Wan Musa (tahun 1982–1984), Haji Abdul Wahab Bin Haji Abdul Aziz (tahun 1985-1999) dan Haji Abdul Rahman Bin Haji Daud (tahun 1999- sekarang).

Pada tahun 1947, kerajaan telah mengisytiharkan *Undang-undang Masjid* atau *Akta Perundangan Masjid*. Dalam Akta ini mengandungi 13 seksyen di mana Undang-undang ini lebih menyentuh mengenai kepada hal-hal yang berkenaan dengan Masjid dan secara tidak langsung menyentuh tentang Institusi Majlis dalam hal-hal pentadbiran Masjid. Seterusnya pada tahun 1997 pula, telah diwujudkan Akta *Pentadbiran Badan Agama Islam* atau dikenali sebagai “*Pra Racha Banyat Ongkarn Bareeharn Sasena 2540*”. Undang-undang ini digubal setelah pelbagai usaha dilakukan untuk mewujudkan penyesuaian yang selaras dengan perkembangan masa dan zaman. Apabila wujudnya akta ini maka undang-undang yang sedia ada telah dimansuhkan seperti *Praracha Banyat Sasanupatham Fai Islam dan Akta Perundangan Masjid*.

Dalam undang-undang tersebut, pihak pemerintah telah memperkemaskan kedudukan Majlis Agama Islam serta memperluaskan lagi bidangkuasa yang diberikan kepada ahli jawatankuasa (Komite Islam Kebangsaan, Komite Islam wilayah dan Ahli Jawatankuasa Masjid).⁹³ Akta ini mengandungi 46 seksyen dan terdapat enam bahagian. Dalam bahagian yang ke 4 menyatakan tentang kewudan ahli jawatankuasa Majlis Agama Islam seperti mana dalam seksyen 23 menyatakan bahawa:

“ Mana-mana wilayah yang mempunyai penduduk beragama Islam dan memiliki Masjid lebih dari tiga buah masjid maka dikehendaki supaya Ahli Jawatankuasa Agama dengan Pusat (Negeri) melantik Ahli Jawatankuasa hal ehwal Agama Islam Wilayah yang tidak kurang dari sembilan orang dan tidak lebih dari tiga puluh orang”.

Manakala seksyen 24 menyatakan tentang syarat-syarat perlantikan bagi jawatan ahli Majlis Agama Islam dan seksyen 26 pula berkenaan dengan tugas dan tanggungjawab ahli jawatan kuasa Majlis Agama Islam. Pada awalnya Undang-undang yang memperuntukan tentang penubuhan Institusi hal ehwal agama Islam adalah

⁹³ Mahamatayuding Samah (2000), *op.cit.*, h.35

“*Undang-undang Sasnupatham fai Islam (1945)*”. Pada tahun 1997, undang-undang ini telah dimansuhkan dan digantikan dengan *Prarajbanyat kan Borihan Ongkan Islam 2540* sehingga sekarang.

3.3 KUASA MAIP DALAM HAL EHWAL AGAMA

Berdasarkan Undang-undang Sasnupatham Fai Islam (1945), maka kedudukan Majlis Agama Islam sebagai sebuah badan keagamaan yang berada di bawah naungan kementerian dalam negeri dan kementerian pelajaran yang bertanggung jawab secara langsung terhadap hal ehwal agama Islam.⁹⁴ Setelah Majlis Agama Islam wilayah mendapat mandat sepenuhnya daripada umat Islam di wilayah, pihak pemerintah memperkuatkannya lagi kedudukan Majlis Agama Islam (komite Islam Provinsi) dengan membuat pembaharuan semula terhadap undang-undang yang berhubung dengan masyarakat Islam supaya sesuai dengan kedudukan semasa dan menggantikan yang lama dengan mengeluarkan undang-undang baru iaitu *Prarajbanyat kan Borihan Ongkan Islam 2540*.

Dalam undang-undang tersebut, pihak pemerintah telah memperkemaskan lagi kedudukan Majlis Agama Islam serta memperluaskan bidang kuasa yang diberi kepada Ahli Jawatankuasa (Komite Islam Kebangsaan, Komite Islam wilayah dan Ahli Jawatankuasa Masjid) seperti mana dalam fasil 23/2540 bahawa⁹⁵:

“ Mana-mana wilayah yang mempunyai penduduk beragama Islam dan memiliki Masjid lebih dari tiga buah masjid maka dikehendaki supaya Ahli Jawatankuasa Agama dengan Pusat (Negeri) melantik Ahli

⁹⁴Ibid.

⁹⁵ Seksyen 5, Akta Prarajbanyat kan Borihan Ongkon Sasena Islam BD 2540. (Akta Pentadbiran Agama Islam 1997)

Jawatankuasa hal ehwal Agama Islam Wilayah yang tidak kurang dari sembilan orang dan tidak lebih dari tiga puluh orang”.

Bagi pelantikan Ahli Jawatankuasa Islam Wilayah, pihak kementerian dalam negeri mensyaratkan supaya imam-imam bagi Wilayah itu memilih calon Ahli Jawatankuasa hal ehwal agama Islam Wilayah serta memberi hak kepada calon yang dipilih untuk memilih Yang Dipertua, Naib Yang Dipertua, Setiausaha dan Ahli jawatankuasa yang diberi tempoh selama enam tahun.⁹⁶ Dalam seksyen 26 menyatakan bahawa tugas dan bidang kuasa yang diberi kepada Ahli Jawatankuasa Agama Islam Wilayah adalah seperti berikut:

1. Selaku penyelia dan mengemukakan pandangan dalam perkara berhubung dengan hal ehwal agama Islam kepada Gabenor Wilayah.
2. Mengawal dan mengawasi pelaksanaan kerja yang dijalankan oleh Komiti Masjid di Wilayahnya.
3. Melantik pemangku imam, khatib dan bilal apabila jawatan-jawatan itu kosong.
4. Menyelia pemilihan ahli Komiti Masjid supaya berjalan dengan lancar.
5. Memutuskan aduan dan rayuan yang dibuat oleh makmum masjid di atas ketidakadilan Komiti Masjid.
6. Melantik dan melucut kuasa ahli Komiti Masjid.
7. Memeriksa dan meneliti Komiti Masjid yang dilucut jawatannya mengikut artikel 40(4).
8. Mengarahkan supaya membekukan tugas Komiti Masjid yang sedang diselidik.

⁹⁶ Kementerian Pelajaran (1997), *Prarajbanyat kan Borihan Ongkon Sasena Islam BD 2540 (1997)*. Bangkok : Kromsasna, h. 6.

9. Membuat pertimbangan mengnai penubuhan Masjid, pemindahannya dan pembatalannya.
10. Mengeluarkan prosedur dan dokumen bagi pengesahan perkahwinan dan perceraian mengikut Undang-undang Islam.
11. Melaksanakan perdamaian hal kekeluargaan dan pusaka jika dibawa kes-kes ke majlis mengikut Undang-undang Islam
12. Mengisyiharkan dan mengeluarkan kenyataan bagi perkara yang berhubung dengan urusan umum bagi umat Islam di Wilayah.
13. Menguruskan supaya mengadakan daftar harta, dokumen dan akaun masuk dan keluar bagi pejabat Komiti Islam Wilayah supaya betul semasa dan memberi laporan mengenai pelaksanaan kerja, kedudukan kewangan dan harta kepada Komiti Pusat pada bulan Mac di setiap tahun.

Secara keseluruhannya, tugas dan tanggungjawab Masjid Agama Islam adalah mengurus dan mentadbirkan hal-hal ehwal agama Islam yang berkaitan dengan kekeluargaan dan pusaka selagi mana ianya tidak bercanggah dengan undang-undang perlembagaan negara. Berhubungan dengan ini, Majlis Agama Islam juga berkuasa dalam mengeluarkan surat keterangan yang berkaitan dengan pembahagian harta pusaka seperti wasiat, hibah, nazar serta surat keterangan-keterangan lain.

3.4 DASAR DAN TANGGUNG JAWAB MAIP⁹⁷

Dalam Akta Pentadbiran Agama Islam, seksyen 2 telah memperuntukan tentang tugas dan tanggungjawab ahli Jawatankuasa Islam Wilayah untuk mendamaikan atau mengeluarkan keputusan bagi rayuan yang dikemukakan oleh mana-mana pihak

⁹⁷ Majlis Agama Islam wilayah Pattani (t.t), *Undang-undang Dasar dan undang-undang pelaksanaan. Majlis Agama Islam Pattani*.

yang dibawah naungan Majlis Agama Islam Pattani. Sebagai contohnya, ahli Masjid yang dapat layanan tidak adil dari pihak ahli jawatan kuasa Masjid. Selain dari itu, Majlis Agama Islam Pattani adalah salah satu badan yang mendamaikan pertelingkahan dalam soal kekeluargaan dan pusaka orang Islam di seluruh wilayah Pattani. Kekuasaan Majlis Agama Islam Pattani adalah memutus dan memantap hukum-hakam serta tidak boleh dipengaruhi oleh mana-mana pihak. Selanjutnya, ia juga berperanan sebagai penasihat kepada Gabenor Wilayah dalam soal yang berkaitan dengan Agama Islam tanpa mempengaruhi pendapat dari mana-mana pihak.

3.5 SIFAT DAN USAHA MAIP⁹⁸

Majlis Agama Islam wilayah Pattani adalah bersifat masyarakat, dakwah, mesyuarat dan berdikari dalam membuat sesuatu keputusan. Usaha Majlis Agama Islam diadakan atas dasar persetujuan anggota Majlis yang tidak bertentangan dengan hukum Islam dan undang-undang pentadbiran Agama Islam. Dalam buku undang-undang dasar dan undang-undang pelaksanaan yang diterbitkan oleh Majlis Agama Islam Pattani telah memperuntukkan tentang kegiatan dan usaha Majlis Agama Islam wilayah Pattani dalam menjalankan aktiviti-aktiviti yang memberi faedah kepada masyarakat Islam seperti berusaha menanam akidah Islam dan berusaha membantu kegiatan agama di kalangan masyarakat dalam membina kesejahteraan untuk memantapkan ibadat kepada Allah dan hidup secara Islam.

Selain itu, Majlis Agama Islam juga berperanan sebagai penghubung kerajaan dan lembaga-lembaga Islam yang lain termasuk juga persatuan-persatuan yang ada di bawah naungan masyarakat Islam di Pattani. Majlis Agama Islam Pattani sentiasa

⁹⁸ *Ibid.*

berusaha dalam mengalakkan penubuhan persatuan-persatuan Islam dalam memberi ilmu pengetahuan kepada masyarakat Islam setempat seiring dengan dunia globalisasi.

3.6 STRUKTUR DAN ORGANISASI MAIP

Undang-undang Thailand telah memberikan kebebasan kepada umat Islam dalam mengurus dan mentadbir hal yang berkaitan dengan hal ehwal Agama Islam. Ianya telah diperuntukkan dalam satu akta yang khusus iaitu *Prarajbanyak kan Borihan Ongkon Sasena Islam BD 2540 (1997)*. Akta ini merupakan Undang-undang baru yang digubal setelah usaha dilakukan untuk wujudkan penyesuaian yang selaras dengan perkembangan semasa. Akta ini mengandungi 6 bahagian diikuti 46 seksyen dan salah satu bahagian dalam akta ini telah menyentuh tentang kewujudan ahli jawatankuasa Wilayah. Mana-mana wilayah yang mempunyai tiga buah masjid tetapi belum ditubuhkan jawatankuasa wilayah, maka ahli jawatankuasa Islam Pusat berhak mengisyihar pembentukan jawatankuasa di wilayah tersebut. Ahli jawatankuasa tersebut mestilah tidak kurang dari sembilan orang dan tidak melebihi 30 orang.⁹⁹ Majlis Agama Islam Pattani mempunyai anggota Ahli Jawatankuasa sebanyak 30 orang terbahagi kepada 2 badan iaitu :-¹⁰⁰

1. Badan pengurusan

Badan pengurusan Majlis Agama Islam terdiri daripada seorang yang Di Pertua sebagai pemimpin tertinggi Majlis Agama Islam dan dibantu oleh empat orang timbalan iaitu Timbalan bahagian Syariah, Timbalan bahagian Pemerintah, Timbalan bahagian Pelajaran dan Timbalan bahagian Kewangan. Bahagian pengurusan ini

⁹⁹ Seksyen 23, Akta Prarajbanyak kan Borihan Ongkon Sasena Islam BD 2540. (Akta Pentadbiran Agama Islam 1997)

¹⁰⁰ Majlis Agama Islam Pattani (t.t), *op.cit.*

berperanan sebagai mentadbir urusan dalam dan luar Majlis serta berhubung dengan pihak tertinggi di Thailand. Selain daripada itu, terdapat seorang setiausaha dan dibantu oleh seorang timbalan yang mana mereka mengurus dan mengatur hal-hal yang berkaitan dengan mesyuarat bulanan Majlis. Bahagian ini juga terdiri daripada seorang bendahari dan di bantu oleh seorang timbalan, di mana mereka mengurus tentang kewangan Majlis.

2. Badan pelaksanaan

Badan Pelaksanaan Majlis Agama Islam adalah seperti berikut:-

1.Badan Syariah

Badan Syariah berada di bawah tanggungjawab timbalan yang Dipertua Majlis Agama Islam bahagian Syariah, yang mana terdiri daripada seorang ketua , timbalan dan beberapa orang anggota. Badan Syariah adalah berfungsi sebagai sebuah badan yang mengatur dan menyelesaikan masalah-masalah berikut :-

1. Menyelesaikan masalah keluarga, nikah dan cerai.
2. Menerima dan membuat aduan berkenaan dengan hal ehwal suami-isteri, cerai talik, fasakh dan membuat pertimbangan berkenaan dengan persoalan perkahwinan.
3. Menyelesaikan berkenaan dengan harta pusaka, harta sepencarian, nazar, hibah dan wasiat.
4. Mendamaikan antara ma'mum disesebuah Qariah dengan Qariah yang lain.
5. Membuat surat perjanjian yang berkaitan dengan Hukum Syarak.
6. Menentu dan mengisytiharkan hari puasa dan hari raya.

7. Dan perkara-perkara yang berkaitan dengan Hukum Syarak yang lain-lain.

Badan ini menguruskan hal ehwal yang berkenaan dengan dakwah seperti mengeluarkan kuthbah jumaat, majalah bulanan untuk disiarkan kepada setiap masjid dan mengadakan siaran syarahan agama melalui udara. Selain daripada itu, termasuk juga bahagian haji yang berurusan dalam hal-hal yang berkaitan dengan urusan haji dan umrah.

2.Badan pemerintah

Badan Pemerintah berada di bawah tanggungjawab timbalan Yang Di Pertua Majlis Agama Islam yang mana terdiri daripada seorang ketua , timbalan dan beberapa orang anggota. Badan pemerintah terdiri daripada 2 bahagian iaitu urusan pentadbiran dan pemerintah serta urusan khidmat dan masyarakat. Badan pentadbiran ini termasuk juga bahagian pentadbiran masjid yang bertanggungjawab melantik imam, khatib dan bilal setiap qariah yang berada di wilayah Pattani dan lain-lain urusan yang berkaitan dengan Masjid seperti mendaftar Masjid yang ada di seluruh Pattani. Selain daripada itu, Majlis juga bertanggungjawap dalam urusan yang berkenaan dengan kestabilan negara dan kesejahteraan masyarakat seperti berkerjasama dalam membantu dan memulihkan penagih dadah serta mengadakan khusus kepada para imam, bilal dan khatib dengan hal-hal yang berkaitan dengan kesejahteraan umum dan keluarga.

3. Badan pelajaran

Badan Pelajaran berada di bawah tanggungjawab timbalan Yang Di Pertua Majlis Agama Islam bahagian pelajaran yang terdiri daripada seorang ketua, timbalan dan beberapa orang anggota. Badan pelajaran terdiri daripada 2 bahagian iaitu urusan


pendidikan dan pelajaran di mana bertanggungjawab dalam hal-hal berkaitan dengan pendidikan seperti menubuhkan sekolah tadika atau raudhah di setiap masjid di bawah pendaftaran Majlis termasuk pondok-pondok. Selain itu, perkhidmatan yang diberikan adalah melalui layanan yang baik dan membuat hubungan kepada pelajar-pelajar Islam yang akan melanjutkan pelajaran di luar negara dan memberi akuan serta jaminan kepada guru yang akan mengajar pelajaran agama Islam di dalam wilayah Pattani. Dalam masa yang sama bertanggungjawab dalam mengawal mata pelajaran agama Islam yang diajarkan di sekolah rendah kerajaan di setiap Kampung. Terdapat juga bahagian urusan hubungan dan penerangan yang berperanan sebagai penerbit makalah berkaitan dengan Majlis dan hal-hal yang berkaitan dengan agama Islam.

4. Badan kewangan

Badan kewangan berada di bawah tanggungjawab Timbalan Yang Di Pertua Majlis Agama Islam yang terdiri daripada seorang ketua, timbalan dan beberapa orang anggota. Badan kewangan terdiri daripada 3 bahagian iaitu urusan ekonomi yang mengatur hal kewangan Majlis serta bertanggungjawab dalam urusan harta benda Majlis dan Baitulmal di wilayah Pattani dan mencari hasil pendapatan kepada Majlis sebagai contoh menubuhkan syarikat-syarikat yang berkaitan dalam memberikan pulangan kepada Majlis. Seterusnya, urusan yang berkenaan dengan zakat, wakaf dan khairat bertanggungjawab dalam mengatur dan memberi kefahaman kepada masyarakat tentang zakat seperti zakat fitrah, zakat harta dan lain-lain serta mengumpulkan harta zakat tersebut dan dibahagikan kepada mereka yang berhak menerimanya. Selain itu bahagian ini juga terdiri daripada bahagian halal yang berperanan khusus dalam menyiasat dan mengeluarkan logo halal.

Rajah Organisasi Majlis Agama Islam Pattani adalah seperti berikut:-


Rajah 3. 1 : Organisasi Majlis Agama Islam Pattani



*Sumber daripada Carta Organisasi Majlis Agama Islam Pattani

Ahli jawatankuasa Majlis Agama Islam Pattani kesemuanya adalah terdiri daripada calon yang dipilih oleh imam-imam dari seluruh Wilayah Pattani. Pemilihan ahli jawatankuasa adalah ditentukan oleh Kementerian Dalam Negeri mengikut peraturan yang ditetapkan dalam Undang-undang Kementerian.¹⁰¹ Ahli jawatankuasa Majlis Agama Islam Pattani berperanan mentadbir serta membaiki dasar-dasar yang akan dilaksanakan oleh Majlis Agama Islam Pattani dalam tempoh enam tahun.¹⁰² Pentadbiran dan pengurusan hal-hal yang berkenaan dengan amalan nazar di Majlis Agama Islam Pattani berada di bawah badan Syariah, bahagian urusan nikah kahwin dan pusaka. Carta organisasi adalah seperti berikut:

Rajah 3.2 : Bahgian Syariah (Bahagian yang menguruskan nazar)



*Sumber daripada Carta Organisasi Majlis Agama Islam Pattani

¹⁰¹ Seksyen 23, Akta Prarajbanyak kan Borihan Ongkon Sasena Islam BD 2540. (Akta Pentadbiran Agama Islam 1997)

¹⁰² *Ibid.*, Seksyen 25.

Jawatan-jawatan yang terdapat dalam carta pentadbiran dan pengurusan ini sebahagiannya adalah terdiri daripada ahli jawatankuasa Majlis Agama Islam Pattani yang dipilih pada setiap enam tahun; seperti Yang Dipertua Badan Syariah, Timbalan Yang Dipertua Badan Syariah dan beberapa anggota yang lain. Dalam pentadbiran undang-undang Islam di Pattani, Majlis Agama Islam Pattani adalah institusi yang memainkan peranan yang amat penting dalam menguruskan dan mentadbir hal ehwal agama Islam. Majlis Agama Islam diberi kuasa sepenuhnya dalam mentadbir dan menguruskan hal-hal yang berkaitan hal ehwal Islam khususnya berkaitan dengan kekeluargaan dan pusaka. Dalam hal ini, prosedur atau hal-hal yang berkenaan dengan amalan nazar ini akan ditentukan oleh ahli jawatan kuasa Majlis Agama Islam Pattani, badan syariah bahagian pusaka dalam menggariskan panduan berkenaan dengan nazar.

Urusan yang berkaitan dengan pentadbiran dan pengurusan nazar harta pada dasarnya sama dengan bahagian urusan pusaka harta. Kini, urusan yang berkaitan dengan amalan nazar harta berada di bawah penguatkuasa Timbalan Yang Dipertua bahagian pemerintah. Pengurusan ini sudah lama diuruskan oleh beliau dan apabila beliau dipindah ke jawatan lain, maka urusan yang berkenaan dengan nazar masih kekal di bawah bidang tugasnya atas dasar ia lebih mahir dan a'rif dalam bidang tersebut.¹⁰³ Peranan dan kuasa-kuasa pegawai yang berkaitan dengan nazar harta antaranya ialah seperti menyelia dan menguruskan segala urusan yang berhubung dengan hal ehwal nazar. Pegawai nazar akan melaksanakan segala urusan yang berkenaan nazar dengan mengeluarkan surat keterangan nazar harta serta mengemukakannya kepada Yang Dipertua Majlis dan Ahli-ahli Majlis.

¹⁰³ Temubual Ustaz Umar Bin Yusof, Timbalan Yang Dipertua dan pengawai urusan surat nazar. 21 Oktober 2007, jam 10 pagi di Majlis Agama Islam wilayah Pattani.

3.7 KESIMPULAN

Perlembagaan Thailand telahpun memperuntukkan hal ehwal yang berkaitan dengan perkara keagamaan iaitu memberi hak kebebasan dalam menganut dan mengamalkan agama masing-masing selagi tidak bercanggah dengan Perlembagaan Negara. Dalam Undang-undang Perlembagaan Thai menyatakan bahawa “*Setiap warga Negara bebas menganut dan mengamalkan kebudayaan agamanya serta mengikut kepercayaan masing-masing. Dalam mengamalkan kebebasan tersebut, setiap warga negara tetap dijaga dari sebarang ancaman, perilaku kerajaan yang menyentuh hak, kemuslihan mengikut agama yang dipercayai oleh mereka*”¹⁰⁴ Ekoran daripada itu, maka wujudlah Akta Pentadbiran Badan Agama Islam B.E 2540 (1997), iaitu Undang-undang yang memberi kuasa kepada Majlis Agama Islam sebagai badan yang bertanggungjawap dalam hal yang berkaitan dengan umat Islam. Di samping itu, terdapat Undang-undang yang berkaitan dengan kekeluargaan dan harta pusaka, iaitu undang-undang yang melibatkan harta pusaka orang-orang Islam dan termasuklah harta-harta nazar.

Seajar dengan kedudukan Majlis Agama Islam sebagai badan yang bertanggungjawab sepenuhnya dalam sektor umat Islam di wilayah Pattani, adalah amat penting bagi pihak Majlis terutamanya dalam menyediakan dan memberikan kemudahan dalam menguruskan aspek kehartaan orang Islam khususnya harta-harta yang berkaitan dengan harta nazar memandangkan bernazar harta merupakan amalan setempat masyarakat Islam. Urusan yang berkaitan dengan pentadbiran dan pengurusan nazar harta pada dasarnya sama dengan bahagian urusan pusaka harta, walaupun secara praktiknya urusan ini masih kekal di bawah Timbalan Yang Dipertua bahagian

¹⁰⁴ Seksyen 38 (1), Akta Perlembagaan Negara Thai, B.E 2540 (1997).

pemerintah, ini kerana sudah lama diuruskan oleh beliau dan apabila beliau dipindah ke jawatan lain, maka urusan yang berkenaan dengan nazar masih kekal di bawah bidang tugasnya. Selain daripada itu, dalam hal-hal yang berkenaan dengan perundangan dan masalah nazar yang tidak dapat diselesaikan di Majlis Agama Islam Pattani maka perlu dirujuk kepada Dato'Yutthitam di Mahkamah Rendah Pattani.

BAB 4

AMALAN MENAZAR HARTA DI MAJLIS AGAMA ISLAM PATTANI

4.1 SEJARAH PERKEMBANGAN AMALAN MENAZAR HARTA DI MAIP

Pentadbiran dan perundangan mengenai harta orang-orang Islam di Pattani adalah di bawah fasal keenam iaitu bahagian pusaka, Undang-undang kekeluargaan dan harta pusaka orang-orang Islam. Masyarakat Islam Pattani gemar mengamalkan nazar harta sebagai satu penyelesaian dalam menguruskan harta benda mereka sebelum meninggal dunia. Amalan nazar yang diamalkan oleh masyarakat Pattani adalah suatu perkara yang agak berbeza berbanding dengan masyarakat di negara lain seperti Malaysia dan lain-lain. Amalan ini telah diamalkan dalam masyarakat Islam Pattani bermula 30 tahun yang lalu sebagaimana yang telah direkodkan dalam catatan Majlis Agama Islam Pattani. Berpandukan kepada rekod tersebut dinyatakan bahawa sejak tahun 1982 amalan itu telah ada di dalam masyarakat Islam Pattani. Hal ini kerana sebelum tahun 1982 masih tiada peraturan atau undang- undang yang memberikan bidang kuasa kepada mana-mana badan yang bertanggungjawab dalam urusan berkaitan nazar harta. Ketika itu segala urusan yang berkaitan dengan nazar harta hanyalah dilakukan dengan memaklumkan perkara itu kepada tok guru-tok guru atau pihak-pihak tertentu dan orang perseorangan seperti Iman Masjid, ahli jawatankuasa masjid dan surau, ketua kampung atau ketua mukim. Pengistiharan tentang nazar itu hanya dilakukan secara lisan tanpa mempunyai sebarang dokumen bertulis yang dapat membuktikan kesahihan berlakunya nazar harta oleh seseorang.

Pada sekitar tahun 1983, amalan ini telah mengalami perubahan yang baik dari segi pengalamannya. Hal ini kerana apabila seseorang itu hendak melakukan nazar

harta, dia dikehendaki menghadirkan diri ke Majlis Agama Islam Pattani bagi membuat surat pengistiharan nazar berpandukan kepada prosedur yang telah ditetapkan. Hal demikian untuk mengelakkan daripada berlakunya sebarang permasalahan yang berbangkit pada masa akan datang. Seperti soal-soal ketidakjelasan nazar dan perkara-perkara yang dinazarkan.

Oleh kerana itu, Majlis Agama Islam telah diberikan tanggungjawab sebagai badan khusus dalam hal-hal yang berkaitan dengan nazar. Surat pengesahan nazar yang dikeluarkan oleh MAIP adalah sah dan boleh dijadikan bukti dalam menuntut harta pusaka di Mahkamah Sivil. Surat itu juga diterima pakai oleh jabatan-jabatan lain dalam menguruskan hal-hal yang berkenaan dengannya. Walaupun cara pengamalan dan pentadbiran nazar harta itu dilakukan dengan baik tetapi masih terdapat beberapa masalah yang berkaitan dengan undang-undang sivil. Dalam konteks ini, MAIP sentiasa memberi perhatian dan mengubah apa yang perlu mengikut keadaan dan masa.¹⁰⁵ Amalan bernazar sudah menjadi amalan masyarakat setempat. Mereka menganggap bahawa nazar itu sama seperti wasiat. Mereka mengamalkannya atas sebab-sebab yang tertentu seperti berikut ini:-¹⁰⁶

1. Pewaris tidak mempunyai anak lelaki dan mempunyai anak perempuan sahaja.
2. Nazar untuk membahagikan hartanya sama rata di antara anak lelaki dan anak perempuan,
3. Nazar untuk memberikan harta kepada orang yang bukan ahli waris, seperti anak angkat atau sesiapa yang dikehendakinya.

¹⁰⁵ *Ibid.*

¹⁰⁶ Temubual Ustaz Umar Bin Yusof, Timbalan Yang Dipertua dan pengawal urusan surat nazar. 21 Oktober 2007, jam 10 pagi di Majlis Agama Islam wilayah Pattani.

4. Nazar untuk kebajikan ialah nazar hartanya untuk pembinaan Masjid, sekolah atau pondok, tanah perkuburan dan lain-lain.
5. Nazar bertujuan untuk menjaga keselamatan orang yang di bawah jagaannya seperti nazar hartanya kepada kanak-kanak kecil yang belum baligh, kerana bimbang tidak ada orang yang akan menjaganya kelak atau nazar hartanya kepada isteri-isteri yang selain daripada isteri pertama atau nazar hartanya untuk cucu-cucunya yang tidak mempunyai bapa ataupun bapanya yang tidak bertanggungjawab.

Berdasarkan beberapa sebab di atas, masyarakat Islam Pattani mengamalkan amalan nazar hartanya demi memberi keadilan dan kebaikan kepada orang yang dikehendaki mengikut kemahuannya. Ianya berlaku dengan beberapa sebab yang tertentu seperti mana yang telah dinyatakan di atas. Orang Islam di Pattani sering mengamalkan amalan nazar harta sebagai satu alternatif dalam menguruskan harta-harta mereka. Mereka percaya dan yakin bahawa nazar dengan harta seperti itu mampu memberikan kebaikan kepadanya.

Berdasarkan kepada penelitian, telah berlaku perubahan-perubahan ke atas pentadbiran dan pengurusan nazar harta di Pattani. Bermula dengan zaman sebelum adanya badan khusus yang bertanggungjawab ke atas harta nazar sehingga kini. Di samping itu juga, dapat diperhatikan bahawa banyak perubahan dan pembaikian dari aspek pentadbiran, pengurusan dan perundangan mengenai harta nazar. Pada dasarnya tiada peruntukan atau Undang-undang khas yang membincangkan tentang nazar harta. Walaubagaimanapun peruntukan Undang-undang yang berkaitan dengan wasiat adalah sandaran yang boleh diambil kira sebagai rujukan kepada nazar harta.

4.2 DEFINISI DAN URUSAN NAZAR DI MAIP

Pada dasarnya di Pattani, tiada peraturan atau tafsiran khusus mengenai nazar dalam bentuk bertulis yang jelas. Setakat ini hanya kefahaman mengenai nazar yang dapat dipecahkan kepada dua pendapat iaitu tafsiran yang di tafsirkan mengikut Majlis Agama Islam dan Dato'Yuttitham. Walaubagaimanapun, hasilan temubual dengan seorang pengawai yang bertugas dalam hal yang berkenaan nazar di MAIP. Beliau memberi tafsiaran bahawa nazar ialah janji seseorang untuk melakukan sesuatu perkara apabila hajatnya tercapai. Hukumnya adalah wajib ke atas seseorang itu untuk melaksanakan amalan nazar ini sekiranya hajat yang dimaksudkan itu dimakbulkan. Amalan nazar harta yang diamalkan oleh masyarakat Islam di Pattani adalah nazar yang berkaitan dengan harta benda yang mana terbahagi kepada dua perkara iaitu :-

1. Nazar untuk kebajikan.
2. Nazar pindah milik kepada ahli waris atau sesiapa yang dikehendakinya.

Nazar untuk kebajikan adalah satu amalan yang diamalkan oleh masyarakat Islam di Pattani. Antaranya ialah bernazar harta untuk pembinaan masjid, sekolah pondok, tanah perkuburan serta dengan nazar yang diberikan kepada ahli keluarga yang di bawah jagaannya dan lain-lain. Pada kebiasaannya masyarakat Islam Pattani mengamalkan nazar, dengan mengta'lik nazar seperti katanya “*apabila aku sakit maka harta aku sekiannya akan ku beri kepada.....dahulu daripada sakit mati ku dengan tiga hari*”. Pengamalan mengta'likan nazar dengan memindah milik harta kepada ahli waris atau sesiapa yang dikehendakinya adalah satu amalan yang sering diamalkan oleh umat Islam di Pattani dengan beberapa sebab yang telah disebutkan di atas. Mereka menyakini bahawa amalan bernazar sebegini adalah sama seperti wasiat tetapi

mempunyai sedikit perbezaannya di mana wasiat diharuskan kepada orang yang bukan ahli waris dan ditetapkan kadar maksimum bagi sesuatu wasiat itu tidak melebih dari 1/3 daripada harta peninggalan si mati jika ahli waris tidak bersetuju dengan bahagian wasiat itu.¹⁰⁷

Nazar dengan harta itu boleh diberikan kepada sesiapa sahaja yang dikehendakinya dan tidak ditetapkan kadar harta yang dinazarkan itu melainkan dia bernazar dalam keadaan sakit (*marad al-mawt*), maka hukumnya sama dengan kadar wasiat iaitu 1/3. Jika seseorang menazarkan hartanya sebelum dia sakit maka sah dengan keseluruhan hartanya.¹⁰⁸ Contohnya “*aku nazar semua hartaku bagi dahulu [dijauhkan] dari sakit matiku [marad al-mawt] dengan dua hari*”.¹⁰⁹ Adapun nazar dalam keadaan sakit dan membawa kepada mati itu sah setakat satu pertiga sama seperti wasiat melainkan dengan persetujuan ahli-waris. Orang yang menazar dengan mengta’likan hartanya itu mempunyai hak untuk menggunakan harta nazar tersebut selagi dia masih hidup. Walaubagaimanapun, nazar ini boleh dibatalkan bila-bila masa yang dikehendakinya sebelum dia mati.¹¹⁰ Nazar dengan mengta’likkan harta itu mesti dibuat oleh seseorang semasa hidupnya dan sihat tetapi ianya akan dikuatkuasakan semasa sakit atau selepas kematianya. Nazar boleh dibuat melalui percakapan atau bertulis. Apa yang diperlukan dalam nazar ini ialah perkataan yang dapat difahami dan mempunyai makna nazar seperti katanya “*aku nazar bahagian-bahagian.....*” walaupun dengan tidak berkata “*bagi Allah atas ku*” sekali pun, dan tidak disyaratkan ke atas penerima nazar untuk mengetahui atau menerima nazar kepadanya kecuali dengan penolakannya.¹¹¹

¹⁰⁷ *Ibid.*

¹⁰⁸ *Ibid.*

¹⁰⁹ Al-Hakir al- Pani Haji Wan Ismail Ahmad Pathoni (t.t),*op.cit.*, h.40.

¹¹⁰ Encik Umar Bin Yusof. *op.cit*

¹¹¹ Al-Hakir al- Pani Haji Wan Ismail Ahmad Pathoni (t.t), *op.cit.*, h.40.

Dalam hal ini tafsiran “*aku nazar semua hartaku bagi dahulu [dijauhkan] dari sakit matiku [marad al-mawt] dengan dua hari*”, menunjukkan bahawa nazar harta itu dibuat semasa hayatnya ketika sihat. Fasa “*dahulu daripada sakit*” menjelaskan perkara ini, yakni ia dibuat sebelum si penazar sakit. Walaubagaimanapun pelaksanaannya adalah tertakluk apabila penazar mengalami sakit yang boleh membawa kepada kematian [*marad al-mawt*]. Manakala perkataan “*dahulu daripada sakit*” juga mengaitkan dengan jumlah harta nazar; jika nazar sebelum (dahulu) daripada sakit yang boleh membawa kepada kematian maka si penerima akan dapat sepenuhnya (jika nazar semua harta) daripada harta nazar tersebut. Ianya dianggap dapat mengelakkan daripada pembahagian hukum wasiat dalam agihan harta yang dinazarkan dimana si penazar mengguna helah supaya nazar tersebut terpakai sepenuhnya. Ternyata nazar di atas tidak bertepatan dengan hukum syarak memandangkan ia dikaitkan dengan kematian yang sepatutnya menerima hukum wasiat.

4.3 DEFINISI DAN URUSAN NAZAR PADA PERINGKAT KUASA DATO' YUTTITHAM¹¹²

Tafsiran nazar yang difahamkan oleh Dato'Yuttitham ialah janji untuk kebaikan dan keburukan, tetapi dalam makna mengikut undang-undang Islam tersebut dua pengertian iaitu :-

1. Janji untuk melakukan kebaikan.
2. Mewajibkan atas dirinya dengan sesuatu perkara untuk mendekati Allah.

¹¹² Dato' Yuttitham adalah seorang penasihat kepada hakim sivil dalam memutuskan kes-kes yang berkaitan dengan soal-soal kekeluarga dan pusaka.

Nazar atau janji mengikut maksud yang kedua membawa kaitan kepada harta-harta simati (iaitu simati bernazarkan atau berjanji untuk memberi atau sedekah hartanya kepada sesiapa sahaja atau untuk kebajikan, sekiranya berlaku kematiaannya). Nazar seperti ini tidak termasuk dalam wasiat, tetapi sering diamalkan sebagai menggantikan wasiat. Nazar dengan mengta'likkan harta adalah sebagai satu perkara biasa yang diamalkan oleh masyarakat Islam di Selatan Thailand sejak dahulu sehingga sekarang. Amalan bernazar dalam bahasa Thai “*Phinaikham Phishet*” iaitu “wasiat khas” atau “wasiat istimewa” dengan alasan untuk dapat dilaksanakan dengan baik di Mahkamah Sivil dan luar Mahkamah supaya selaras dengan Undang-undang wasiat yang sedia ada. Ini sepertimana yang peruntukan Undang-undang Keluarga dan Pusaka orang Islam B.E 2489 (1946).

Pada keseluruhannya nazar tersebut terbahagi kepada 2 bahagian iaitu :-

1. **Nazar *al-Lajjaj*** ialah nazar dalam keadaan marah, ianya dilakukan dengan mengenakan syarat ke atas dirinya untuk melaksanakan atau meninggalkan suatu perbuatan. Syarat ini bukan perkara yang memberi kebaikan semata-mata, tetapi ianya lebih kepada memberi keperluan atau kepuasan terhadap orang yang bernazar.
2. **Nazar *al-Tabarrur*** ialah nazar untuk melakukan kebaikan dengan tidak ada syarat atau mempunyai syarat tetapi syarat yang memberi kebaikan kepada orang yang bernazar atau nazar yang dikehendaki atau kepuasan terhadap orang yang nazar sendiri. Contohnya nazar kerana menerima perkara yang baik atau selamat daripada perkara yang tidak baik dan orang yang nazar itu ada niat untuk semata-mata melakukan kebaikan.

Menurut *Dato' Yuttitham* Mahkamah Rendah wilayah Pattani, nazar mempunyai kelebihan seperti berikut:-

1. Nazar adalah satu cara untuk mewajibkan ke atas dirinya melakukan kebajikan.
2. Nazar adalah satu cara yang dapat menarik perhatian orang lain semoga memberikan apa yang dikehendaki dengan menunjukkan tingkah laku dari luar dan dalam.
3. Nazar adalah satu cara untuk mewajibkan atas dirinya melakukan atau tidak melakukan.
4. Nazar adalah satu cara untuk menjamin sesuatu benda ataupun memberi kepercayaan kepada orang lain terhadap sesuatu perkara.¹¹³

Mengikut apa yang difahami daripada definisi yang dijelaskan oleh *Dato' Yuttitham*, maka dapat disimpulkan bahawa beliau memberi makna nazar itu mengikut pengalaman pemakaian nazar yang berlandaskan undang-undang yang mengambil kira tentang nazar di Pattani. Beliau menyatakan bahawa pengamalan nazar yang diamalkan oleh masyarakat Pattani itu lebih kepada nazar untuk membala budi atau untuk menjaga kebaikan orang-orang yang bawah jagaannya supaya tidak berlaku pergaduhan kerana harta apabila mereka surah tiada. Dengan kata lain nazar sebegini bertujuan untuk mengelakkan harta penazar itu daripada ahli waris selepas kematianya atas sebab-sebab yang tertentu.

Daripada kedua-dua definisi yang telah dinyatakan dapat disimpulkan bahawa nazar harta yang dilakukan di Majlis Agama Islam Pattani itu berpandukan kepada kitab

¹¹³*Ibid.*

Ghayatul Afrah. Manakala definisi mengikut *Dato' Yuttitham* pula berlandaskan kepada pengamalan dan undang-undang yang mengambil kira tentang nazar. Dapat disimpulkan disini bahawa amalan nazar yang sering diamalkan oleh masyarakat Pattani adalah mengta'likkan nazar dengan mengaitkan harta dan mensyaratkan dengan sakit dan matinya. Seperti katanya “*apabila aku sakit, maka harta aku sekalian aku akan bagi kepada.....*” dahulu dari sakit matiku dengan tiga hari. Sebagai contohnya “*A menazarkan hartanya kepada anak angkat*” atau A menazarkan keseluruhan hartanya kepada anak perempuan (anak tunggal). Dengan ini, beliau menazar hartanya dengan alasan untuk memberi hartanya kepada anak angkat kerana jika tidak, harta tersebut akan jatuh kepada ahli waris yang berhak menerimanya. Sama juga dengan menazarkan keseluruhan hartanya kepada anak perempuannya kerana mereka tidak mahu harta tersubut jatuh kepada orang lain selain daripada anaknya bila beliau sudah meninggal.¹¹⁴ Pengamalan ini sering dilakukan oleh masyarakat Islam di Pattani dengan menggunakan ungkapan mengta'likkan nazar dengan mengaitkan harta dan mensyaratkan dengan sakit dan mati. Pada asasnya nazar adalah satu kebijakan, walaubagaimanapun ia juga terkandung unsur-unsur yang memberi kebaikan kepada kepentingan dan memastikan orang yang bawah jagaannya itu dapat manfaat yang terbaik dan tidak berlaku pergaduhan tentang harta setelah ketiadaannya.

4.4 PERUNTUKAN WASIAT

Di Thailand, undang-undang Islam yang digunakan oleh orang-orang Islam ialah hal-hal yang berkaitan dengan keluarga dan pusaka sahaja. Undang-undang tersebut ialah Undang-undang Keluarga dan Pusaka orang Islam B.E 2489 (1946).

¹¹⁴ Aphirat Madsa-ih, *Dato' Yuttitham* Mahkamah Rendah wilayah Pattani, Temubual pada 28 Januari 2008, jam 10 pagi di Mahkamah Rendah Wilayah Pattani.

Menurut penjelasan *Dato' Yuttitham*, peruntukan berkenaan dengan wasiat merupakan peruntukan yang diambil kira dalam menyelesaikan masalah nazar kerana pada asasnya tidak ada peruntukan tentang nazar namun amalan nazar itu sering diamalkan oleh umat Islam pada keseluruhannya maka terpaksalah mencari jalan untuk menyesuaikannya supaya dapat digunakan dan dikuatkuaskan mengikut undang-undang, lalu mengambilkira undang-undang wasiat sedia ada.

Dalam Undang-undang Keluarga dan Pusaka orang Islam B.E 2489 (1946), ianya mengandungi dua bab, pertama membincangkan tentang hal kekeluargaan dan bab yang kedua membincangkan tentang pusaka. Dalam hal pusaka terdapat enam bahagian iaitu :¹¹⁵

1. Menjelaskan tentang konsep pusaka secara umum.
2. Menjelaskan tentang pembahagian pusaka terhadap waris.
3. Menjelaskan tentang pembahagian pusaka terhadap ahli waris.
4. Menjelaskan tentang penghasilan ‘asabah.
5. Menjelaskan tentang *zhawil al-arham*.
6. Menjelaskan tentang wasiat.

Dalam hal pusaka, bahagian yang keenam memperuntukkan tentang perkara wasiat yang mengandungi 5 seksyen iaitu seksyen 226 hingga 230. Dalam seksyen 226 menyatakan tentang syarat bagi orang yang hendak membuat wasiat beserta dengan niat yang jelas seperti yang dinyatakan:

¹¹⁵ Undang-undang Keluarga dan Pusaka orang Islam B.E 2489 (1946).

“Seseorang yang mencapai umur 15 tahun, sempurna akal, dapat membaca dan fikir secara normal dan tidak hilang akal. Dapat membuat wasiat terhadap hartanya atau hak atas mafaat sesuatu hartanya dengan niat yang jelas sebagai perintah terakhir”.

Membuat wasiat adalah meski mengikut apa yang dinyatakan dalam akta ini dan akta peraturan undang-undang acara mal. Menurut seksyen 227 pula menyatakan tentang perkara-perkara yang dilarang membuat wasiat dengan menyatakan bahawa:

“Dilarang membuat wasiat terhadap apa yang dilarang oleh Islam seperti wasiat anjing, babi dan minuman keras.”

Dalam seksyen 228 pula menyatakan tentang wasiat yang tidak sah atau wasiat itu dibatalkan sekiranya dibuat dengan tujuan yang dinyatakan dalam seksyen ini sebagaimana yang diperuntukkan iaitu:

“Sesuatu wasiat seperti berikut adalah menjadi batal:

1. *Membuangkan salah satu ahli pewaris supaya tidak ada hak menerima pusaka.*
2. *Mewasiatkan hartanya kepada ahli waris yang dapat terima pusaka supaya dapat bahagian yang lebih.*
3. *Mewasiatkan supaya tidak membahagikan semua atau sebahagian hartanya atau membahagikan manfaat harta tersebut sahaja dengan menyatakan tempoh masa ataupun tidak.*
4. *Memberikan harta dengan syarat bahawa harta itu digunakan tujuan yang dilarang oleh Islam seperti memberi tanah sebagai tempat main judi.*
5. *Memberikan al-Quran kepada orang yang bukan Islam.*

Jika wasiat itu banyak perkara, pembatalan itu hanya kepada perkara-perkara diatas maka yang lain sempurna.”

Manakala dalam seksyen 229, menyatakan tentang syarat-syarat sesuatu yang dinazarkan dan harta yang wasiat itu tidak melebihi daripada satu pertiga sahaja.

“Wasiat itu meski dibuat atas alasan untuk memberi hartanya kepada bukan ahli waris yang dapat menerima pusakanya dan wasiat untuk pengurusan jenazahnya atau jenazah orang lain yang dinyatakan dalam seksyen 189 (1) hingga (6) dan wasiat tersebut tidak melebihi 1/3 dari semua hartanya, jika melebihi maka sah hanya 1/3 dari semua hartanya sahaja.

Jika wasiat yang berkaitan dengan pegurusan jenazah dengan syarat yang menyalahi hukum Islam maka syarat tersebut dibatalkan.”

Seterusnya dalam seksyen 230 memperuntukkan tentang penerimaan harta yang diwasiatkan serta dengan tempoh penerimaan sepertimana menyatakan :

“ Sesuatu wasiat itu berkuatkuasa apabila diterima oleh penerima wasiat atau wakilnya menerimanya secara lisan terhadap wasiat tersebut dihadapan megurus harta si mati dalam tempoh 1 tahun bermula dari pewasiat itu mati atau apabila penerima wasiat mengetahui kematianya tetapi tidak melibih 10 tahun.

Jika penerima pusaka itu tidak sampai umur atau orang yang tidak sempurna akal atau orang yang hilang akal atau penerima wasiat itu sudah meninggal maka boleh bapanya atau atuknya jika bapanya sudah tiada atau wakilnya menerima wasiat tersebut dengan lisan.”

Pada asasnya, tidak ada sebarang peruntukan yang membincangkan mengenai nazar harta secara langsung, walaubagaimanapun nazar harta itu sudah menjadi satu kebiasaan yang diamalkan di kalangan masyarakat Islam di Pattani. Dalam menyelesaikan masalah berbangkit berkenaan dengan nazar harta, maka ianya akan dirujuk kepada Undang-undang Keluarga dan Pusaka orang Islam B.E 2489 (1946) yang berkenaan dengan wasiat. Jika lihat dengan teliti, peruntukan wasiat ini amat berbeza dengan nazar. Namun, ianya terpaksa diguna pakai supaya amalan nazar harta itu dapat dikuatkuasa dan dilaksanakan dengan baik.

Dalam peruntukan wasiat yang dinyatakan di atas, dapat disimpulkan bahawa peruntukan itu amat berbeza dengan nazar. Contohnya dalam undang-undang yang berkenaan dengan wasiat yang menyatakan bahawa *“Wasiat itu mesti dibuat atas alasan untuk memberi hartanya kepada bukan ahli waris yang dapat menerima pusakanya.....”*, ini jelas menunjukkan bahawa wasiat itu mestilah bukan dari kalangan ahli waris. Ini amat berbeza dengan mengamalan nazar yang mana nazar boleh diberikan kepada sesiapa sahaja termasuk ahli waris yang ada hak atas harta pusaka simati. Selain daripada itu, dalam peruntukan ini juga menyatakan bahawa *“....wasiat*

tersebut tidak melebihi 1/3 dari semua hartanya, jika melebihi maka sah hanya 1/3 dari semua hartanya sahaja”.

Dalam mewasiatkan harta, hendaklah tidak melebihi daripada satu pertiga. Sekiranya melebihi daripada jumlah tersebut maka ianya hanya sah setakat satu pertiga sahaja. Namun jika diteliti terhadap pengamalan nazar yang dilakukan oleh masyarakat Islam di Pattani, nazar dengan harta tidak menghadkan jumlah harta yang hendak dinazarkan. Bahkan seseorang itu boleh menazarkan kesemua harta yang dimiliki sekiranya dia ingin berbuat demikian. Perkara ini jelas berbeza dengan prinsip wasiat dalam Islam dan ia adalah dua perkara yang berlainan.

Menurut penjelasan daripada Dato’Yuttitham, beliau menyatakan bahawa perbezaan di antara wasiat dan nazar, itulah yang membuatkan tidak dapat diambil kira nazar sebagai wasiat tetapi diubahkan dengan perkataan yang lain iaitu “wasiat khas” atau “wasiat istimewa” atau bahasa Thai dipanggil “*Phinaikhham Phiset*”. Ini bermakna nazar itu dapat diguna pakai. Walaupun tidak ada dalam peruntukan undang-undang.¹¹⁶ Berdasarkan peruntukan wasiat yang dinyatakan di atas, ianya membincangkan perkara yang berkenaan dengan wasiat di mana tidak mengambil kira hal-hal yang kaitan dengan harta nazar langsung. Ini bererti, peruntukan yang ada sekarang langsung mengambil kira persoalan nazar. Tetapi ianya menggunakan undang-udang wasiat hanya sebagai landasan supaya nazar itu dapat dilaksanakan dan dikuatkuasakan. Berdasarkan penelitian yang dibuat, maka dari sudut perundangan Islam ianya tidak menepati dengan syariat Islam.

¹¹⁶ Temubual Aphirat Madsa-ih.*op.cit.*

Oleh itu kesimpulan yang boleh dinyatakan, bahawa setakat ini masih belum ada peruntukan atau perundangan yang berkenaan dengan nazar harta secara khusus. Walaupun begitu, nazar ini telah menjadi amalan masyarakat setempat yang perlu diambil kira perkembanganya. Oleh yang demikian sebagai badan yang bertanggungjawab dalam hal berkenaan harta orang-orang Islam Patani, pihak Majlis Agama Islam perlulah mencari jalan penyelesaian dan memperbaiki kelemahan yang ada supaya amalan nazar ini dapat dilaksanakan dengan baik.

4.5 PENGELUARAN SURAT KETERANGAN NAZAR DI MAIP

Majlis Agama Islam merupakan badan yang dipertanggungjawabkan menguruskan hal ehwal agama Islam khususnya berkaitan dengan hal ehwal keluarga dan pusaka. Amalan menazar harta adalah salah satu urusan dibawah tanggungjawab Majlis Agama Islam Pattani. Secara khususnya dapat dikatakan bahawa umat Islam melakukan urusan nazar dengan Majlis Agama Islam. Seperti dalam hal yang berkaitan surat keterangan nazar dan harta pusaka. Hal ini kerana segala surat atau keterangan yang dikeluarkan oleh Majlis Agama Islam diterima dan diakui oleh badan-badan lain dalam urusan yang berkaitan dengannya. Selain itu surat keterangan nazar juga boleh dikeluarkan oleh tok guru atau Imam Qariah kampung. Walaupun begitu, surat tersebut haruslah menepati dan sah menurut hukum syarak.

Mengikut rekod, pengeluaran surat keterangan nazar di Majlis Agama Islam telah bermula sejak tahun 1975. Namun ianya tidak dicatat dan didokumentasikan. Hal ini kerana ia dilakukan secara lisan. Dalam tempoh dua belas tahun dari 1983-1995

terdapat pengeluaran surat nazar dan lain-lain bentuk kehartaan. Sebagaimana yang ditunjukkan dalam jadual di bawah:

Jadual 4. 1: Keluaran surat nazar dan juga lain-lain dari 1983 hingga 1995

Jenis surat keterangan yang dilaksanakan				
Tahun	Nazar	Hibah	Wakaf	Wasiat
1983	36	-	-	1
1984	47	3	-	-
1985	30	-	-	-
1986	27	2	-	-
1987	33	2	-	-
1988	40	2	-	-
1989	63	2	-	-
1990	53	2	-	-
1991	51	1	-	-
1992	55	-	-	-
1993	62	3	1	-
1994	73	5	-	-
1995	55	6	-	-

Sumber : Dari fail surat keterangan nazar di MAIP

Berpandukan jadual di atas, pengeluaran surat keterangan nazar di MAIP menunjukkan jumlah yang tinggi berbanding dengan surat-surat keterangan lain seperti hibah, wakaf dan wasiat. Kadar pengeluaran surat keterangan nazar yang paling tinggi ialah pada tahun 1994 sebanyak 73 keping. Manakala kadar pengeluaran surat keterangan nazar yang paling sedikit ialah pada tahun 1986 sebanyak 27 keping. Namun

bagi tahun-tahun lain, jumlahnya sekitar 30 hingga 63 keping surat keterangan sahaja yang dikeluarkan.

Perkembangan penggunaan dan pengeluaran surat nazar pada tahun berikutnya semakin meluas. Hal ini dapat dilihat dalam jadual di bawah:

Jadual 4. 2 : Keluaran surat nazar dan juga lain-lain dari tahun 1996 hingga 2007

Tahun	Nazar	Hibah	Wakaf	Wasiat
1996	66	6	1	-
1997	59	6	1	3
1998	43	1	-	-
1999	78	4	-	-
2000*	-	-	-	-
2001*	-	-	-	-
2002	60	1	2	-
2003	73	11	-	-
2004	60	-	-	-
2005	52	-	-	-
2006	54	-	-	-
2007	54	-	-	-

Sumber : Dari fail surat keterangan nazar di MAIP

*Data tidak dapat disemak

Dalam jadual di atas menunjukkan bahawa pengeluaran surat keterangan nazar di MAIP semakin luas penggunaannya berbanding dengan surat keterangan lain seperti hibah, wakaf dan wasiat. Hal ini dapat dilihat pada tahun 1999 sebanyak 78 surat

keterangan nazar telah dikeluarkan. Manakala pada tahun 1998 pula menunjukkan sebanyak 43 keping surat keterangan nazar dikeluarkan oleh MAIP. Bagi tahun berikutnya jumlahnya di antara 52 hingga 73 keping surat keterangan nazar yang telah dikeluarkan. Sekiranya dibandingan di antara jadual 4.1 dengan jadual 4.2, jelas menunjukkan jumlah surat keterangan nazar yang dikeluarkan oleh MAIP semakin meningkat. Oleh itu berdasarkan kadar senarai kes dan butiran yang diberikan oleh MAIP, jelas membuktikan bahawa masyarakat Islam Pattani sering melakukan amalan menazarkan harta.

Manakala surat keterangan hibah dan wasiat yang dikeluarkan oleh Majlis Agama Islam Pattani pula pada keseluruhannya menunjukkan sama. Namun perbezaannya masih lagi ada. Contoh dalam isi kandungan surat hibah telah menyatakan dengan jelas bahawa surat keterangan tersebut dinyatakan sebagai hibah atau pemberian kepada siapa sahaja yang dikehendaki oleh pemberi. Namun surat keterangan wasiat amat berbeza daripada kedua-duanya. Berpandukan jadual 4.2 jelas menunjukkan jumlah bilang surat keterangan wasiat yang dikeluarkan oleh MAIP amat kecil sekali jika dibandingkan dengan yang lain.

Di Mahkamah Rendah Pattani pula, kes-kes tuntutan berkenaan dengan nazar harta boleh dikatakan tertinggi berbanding dengan kes-kes tuntutan harta yang lain. Data menunjukkan 70% hingga 80% kebanyakannya kes yang berkaitan dengan isu menazarkan harta.¹¹⁷ Amalan menazar harta merupakan satu perkara biasa dalam masyarakat Islam Pattani. Amalan ini mempunyai persamaan dan perbezaan dengan wasiat, wakaf dan hibah. Dari sudut persamaannya antara nazar harta dengan hibah, ialah seseorang itu bebas untuk memberikan harta kepada sesiapa sahaja tanpa

¹¹⁷ *Ibid.*

mempunyai syarat tertentu. Dari aspek perbezaannya pula pemberian nazar harta berkuatkuasa selepas kematian tetapi hibah tidak terikat dengan kematian dan ia berkuat kuasa bila-bila masa selepas pemberi berniat untuk melakukannya. Begitu juga dengan wasiat, terdapat juga persamaan dan perbezaaan dengan nazar harta. Dari aspek persamaannya ialah kedua-duanya berkuatkuasa selepas kematian. Manakala perbezaannya pula dari aspek pembahagiannya. Hal ini kerana wasiat hanya yang terikat dengan jumlah $1/3$ bahagian sahaja yang boleh dibahagikan kepada bukan ahli waris. Tetapi dalam nazar harta pemberi boleh memberikan keseluruhan hartanya kepada siapa sahaja yang dikehendaki termasuklah ahli waris.¹¹⁸

Berdasarkan jadual di atas dapat disimpulkan bahawa amalan menazar harta adalah pilihan utama bagi masyarakat Islam di Pattani. Mereka gemar melakukan amalan nazar dengan memberikan harta mereka kepada sesiapa yang dikehendaki berbanding dengan hibah. Selain daripada itu, mereka juga kurang berminat untuk mengamalkan wasiat dalam pengurusan harta tetapi mereka sering memilih nazar sebagai pilihan dalam pengagihan harta yang mereka miliki.

4.6 SYARAT-SYARAT DAN PERATURAN

Dalam mengendalikan urusan nazar harta, MAIP menetapkan beberapa prosedur tertentu bagi memudahkan seseorang individu yang berhajat untuk melakukan nazar. Permohonan bagi sesuatu nazar harta boleh dibuat secara langsung kepada MAIP di bawah penguatkuasa Timbalan Yang Dipertua bahagian pemerintah. Bagi permohonan nazar harta melalui MAIP seseorang itu hendaklah terlebih dahulu menghubungi MAIP

¹¹⁸ *Ibid.*

sambil mengemukakan surat permohonan rasmi yang menyatakan secara jelas niat dan tujuan sesuatu nazar harta itu, surat tersebut hendaklah dikemukakan kepada MAIP.

Pemohon juga boleh melakukannya di MAIP dengan memberitahu niat dan tujuan nazar itu melalui pihak pengurusan harta nazar beserta dengan maklumat peribadi dan harta yang dimiliki. Selepas itu, pihak MAIP akan mengeluarkan satu dokumen yang mengandungi butiran seperti mana yang dihajatkan oleh penazar. Borang ini hendaklah disertakan bersama dengan segala dokumen yang diperlukan untuk kemudahan dalam urusan nazar harta. Antara butiran yang diperlukan adalah seperti berikut¹¹⁹:-

1. Orang yang hendak bernazar mesti menyediakan salinan kad pengenalan. Salinan ini adalah satu keperluan sebagai rujukan penazar harta dan bagi memudahkan urusan MAIP.
2. Perkara yang hendak dinazarkan, mesti dalam milikan, iaitu salinan geran tanah atau harta yang hendak dinazarkan. Salinan ini bagi mengesahkan tanah yang hendak dinazarkan adalah milik penazar yang sah seperti yang termaktub pada geran tanah.
3. Saksi iaitu imam khariahnya atau orang yang boleh dipercayai.
4. Orang yang menazar itu mesti sihat tubuh badan dan akal fikiran. (sekianya orang yang hendak menazar itu terlalu tua, mesti ada surat jaminan daripada doktor perubatan). Salinan ini untuk membuktikan bahawa penazar menazarkan hartanya dalam keadaan yang sihat.
5. Maklumat butiran diri orang yang dinazarkan harta nazar itu hendaklah diketahui sebagaimana yang tercatat di dalam kad pengenalan. Sebaiknya

¹¹⁹ Temubual Ustaz Umar Bin Yusof, *op.cit.*

mempunyai satu salinan kad pengenalan untuk memudahkan tuntutan dikemudian hari.

Syarat dan peraturan berkenaan dengan nazar yang dilaksanakan di Majlis Agama Islam Pattani merupakan tatacara pelaksanaan yang diberi kuasa dan tugas oleh kerajaan Thai bagi mengawasi pelaksanaan amalan nazar menurut agama Islam serta mengeluarkan dokumen keterangan nazar menurut prosedur yang digariskan berdasarkan undang-undang organisasi Islam iaitu Praraj Banyat Kan Barihan Ongkan Islam. Majlis Agama Islam Pattani boleh mengeluarkan surat keterangan nazar kepada umat Islam yang melaksanakan nazar mengikut Hukum Syarak. Dengan kuasa yang diberikan tersebut, pihak Majlis telah menyediakan prosedur-prosedur mengenai pelaksanaan nazar bagi masyarakat Islam di wilayah Pattani untuk bernazar harta.

Segala prosedur yang dilaksanakan di Majlis Agama Islam Pattani ini merupakan tatacara yang digariskan oleh ahli jawatan kuasa Majlis Agama Islam dan bukannya undang-undang Islam yang digariskan oleh Mahkamah Sivil. Prosedur-prosedur tersebut masih belum menjadi peraturan khas yang bertulis dan tersusun secara terperinci seperti undang-undang keluarga Islam lain yang boleh dijadikan sebagai peraturan dan rujukan kepada pihak yang ingin mengetahuinya. Peraturan dan hukum yang dilaksanakan hari ini adalah berdasarkan panduan yang digariskan oleh badan syariah Majlis Agama Islam Pattani yang bertugas sekarang. Kedudukan prosedur yang digariskan oleh pihak Majlis Agama Islam tersebut adalah sekadar prosedur semata-mata kerana ia tidak mempunyai hak untuk menguatkuasakan ke atas umat Islam, malah tidak ada kuasa untuk mengambil tindakan sekiranya umat Islam di Pattani tidak mematuhi prosedur itu.

Berdasarkan perbincangan di atas dapat disimpulkan bahawa penazar hendaklah mematuhi syarat-syarat yang telah digariskan oleh Majlis Agama Islam. Walaubagaimanapun terdapat juga kelonggaran tentang syarat yang berkenaan dengan hak milik sesuatu harta yang dinazarkan itu. Terdapat nazar yang tidak mempunyai dokumen hak milik harta sedangkan hak milik harta itu adalah satu perkara yang penting dalam permohonan nazar kerana nazar itu boleh dianggap sebagai tidak sah. Dalam hal ini, pihak MAIP akan menimbang dan memutuskan sama ada bersetuju atau tidak. Sekiranya butiran mengenai sesuatu nazar harta itu tidak lengkap, maka ianya akan merujuk kepada butiran bukti yang ada atau merujuk kepada saksi-saksi yang boleh menyakinkan pihak MAIP dalam mengeluarkan surat nazar tersebut.

Sebelum nazar dilaksanakan, pihak pendaftar nazar akan memberi penerangan tentang nazar dan perbezaan di antara nazar, hibah dan wasiat. Selepas itu, pihak pendaftar nazar akan mendapatkan pengesahan dan kepastian sama ada seseorang itu benar-benar hendak menazar atau tidak.

Secara amalannya, syarat- syarat dan peraturan yang digariskan oleh Majlis Agama Islam Pattani itu tidak semestinya mengikut dengan apa yang ditentukan oleh Majlis. Ianya bergantung kepada situasi dan budi bicara pendaftar nazar harta tersebut. Sepertimana yang telah dijelaskan sebelum ini, terdapat permohonan nazar yang tidak memenuhi kriteria yang digariskan oleh Majlis Agama Islam Pattani. Penulis dapati bahawa peraturan dan syarat-syarat yang digariskan oleh Majlis Agama Islam Pattani sebenarnya adalah tidak konsisten. Ia sebenarnya turut bergantung pada budi bicara ahli pendaftar tersebut. Sekiranya seseorang penazar dapat menyakinkan pihak Majlis ketika permohonannya maka urusan nazarnya akan diluluskan. Dalam hal ini, pihak Majlis

dilihat lebih menekankan nazar mengikut hukum syarak jika berbanding dengan pelaksanaan nazar yang dikuatkuasakan secara undang-undang.

4.7 PELAKSANAAN NAZAR

Setelah syarat-syarat nazar dipenuhi, kemudian pendaftar nazar akan meneruskan langkah seperti berikut:¹²⁰

- Menyediakan borang nazar atau surat keterangan nazar yang mengandungi nama orang yang hendak nazar, butiran tentang perkara yang dinazarkan, nama orang dinazarkan dan nama dua orang saksi yang mendengar lafaz nazar.
- Setelah selesai barulah pendaftar nazar membaca surat nazar itu dua kali berturut-turut. Kemudian pendaftar akan tanya kepastian sama ada setuju atau tidak.
- Apabila orang yang hendak nazar itu setuju dengan apa yang di baca oleh pendaftar nazar, maka orang yang hendak menazar mula membaca lafaz sumpah nazar yang disediakan oleh pendaftar nazar. Contohnya:

*“Kerana Allah atas saya (nama penazar).....
bahawa saya nazarkan harta-harta kepunyaan saya yang tersebut dalam
surat keterangan nazar ini mengikut keterangan dalam nombor (butiran
harta yang hendak nazar dan orang yang dinazarkan)
.....yang tersebut nama diatas dengan dibahagikan
mengikut bahagian yang telah ditetapkan masing-masing itu dahulu dari*

¹²⁰ Ibid.

sakit yang membawa kepada mati saya dengan lima hari jika saya mati dengan sakit, jika saya mati dengan kejut.

Sebagaimana penulis telah baca segala isi kandungan surat keterangan nazar itu dari awal hingga akhir saya dengar satu persatu dengan terang dua kali berturut-turut, saya telah dengar dan faham segala isi kandungan surut keterangan nazar ini dan saya mengaku bahawa isi kandungan surat keterangan nazar itu betul dan benar dengan kehendak saya tiap-tiap perkara dan boleh saya berlafaz nazar dan menurunkan tanda tangan saya dihadapan dua orang saksi untuk menjadi ketandaan dengan sebenarnya.”¹²¹

(Lihat Lampiran)

- Setelah selesai membaca lafaz nazar, dikehendaki orang yang nazar dan saksi yang mendengar lafaz nazar itu menandatangani surat keterangan nazar, surat keterangan ini akan diberikan kepada pihak orang yang menazar dan pendaftar nazar tersebut.
- Seterusnya surat keterangan akan dikemukakan kepada Yang Dipertua Majlis Agama Islam Pattani serta ditandatangani oleh beliau sebagai tanda akuan dari pihak Majlis Agama Islam.
- Apabila semua sudah selesai maka surat keterangan nazar harta itu akan diberikan kepada penazar dan satu salinan disimpan di Majlis Agama Islam Pattani.

Pada kebiasaannya, pelaksanaan dan urusan nazar ini akan dilakukan di Majlis Agama Islam Pattani. Pendaftar nazar akan membaca surat keterangan nazar di hadapan penazar itu sebanyak dua kali berturut-turut yang bertujuan untuk memastikan sama ada apa yang dicatatkan dalam surat nazar itu menepati atau tidak dengan kehendak penazar. Jika surat keterangan nazar itu menepati dengan kehendak dan dipersetujui

¹²¹ Surat keterangan nazar.

oleh penazar, maka pendaftar akan memproses permohonan tersebut. Sekiranya penazar tidak setuju maka pendaftar akan mengubahnya mengikut kehendak penazar tersebut. Acara sumpah nazar ini diadakan di hadapan pendaftar nazar dengan dihadiri oleh dua orang saksi terdiri daripada ahli Majlis. Selain itu, bersumpah adalah sebahagian daripada nazar. Jika tidak ada sumpah maka tidak sempurna nazar tersebut.

4.8 ISI KANDUNGAN DALAM SURAT KETERANGAN NAZAR

Surat keterangan nazar harta merupakan salah satu dokumen penting bagi mengesahkan sama ada nazar yang dibuat itu sah atau tidak. Sekiranya ada di kalangan ahli waris atau mana-mana pihak yang mencabar kesahihan nazar tersebut sama ada melalui Mahkamah atau Majlis Agama Islam. Maka surat keterangan tersebut akan dijadikan bukti. Antara butiran-butiran penting yang terkandung dalam surat keterangan nazar ialah penazar, perkara nazar dan lafaz nazar serta dengan saksi. Surat keterangan tersebut berdasarkan Hukum Syarak dan tidak boleh dipertikaikan oleh mana-mana pihak menerusi lafaz nazar yang telah dibuat. Ianya menepati definisi dan konsep nazar di dalam Islam seperti yang dibincangkan di dalam bab yang ke dua sebelum ini.

Selain itu, bagi menguatkan lagi kesahihan nazar tersebut, surat keterangan nazar hendaklah mempunyai alamat MAIP, logo MAIP dan dinyatakan tempat surat nazar itu diadakan berserta dengan tarikh atau masa yang dinazarkan. Kemudian dilengkapi dengan maklumat seperti nama orang yang hendak bernazar, umur, alamat, kesihatan rohani dan jasmani dan akuan bahawa nazar itu dilakukan dengan kehendaknya sendiri bukan paksaan daripada mana-mana pihak.

Dalam surat keterangan nazar tersebut dinyatakan dengan jelas mengenai butiran perkara yang dinazarkan dengan penyenaraian harta yang hendak dinazarkan serta kepada siapa harta tersebut akan diberikan. Apa yang paling penting ialah harta tersebut adalah hak milik penazar sepenuhnya. Selain itu, lafaz nazar dan pengakuan penazar beserta tandatangan dihadapan dua orang saksi amat diperlukan.¹²² Akuan dari ahli jawatan kuasa Majlis agama Islam Pattani sebagai saksi bahawa penazar itu sudah setuju dan rela hati dengan apa yang dinazarkanya dengan akuan daripada Yang Dipertua MAIP serta tanda tangan beliau juga merupakan satu kemestian.¹²³

4.9 STATUS SURAT KETERANGAN NAZAR DI MAHKAMAH RENDAH WILAYAH PATTANI

Surat keterangan nazar yang dikeluarkan oleh Majlis Agama Islam Pattani dianggap sah mengikut hukum syarak dan menepati apa yang dikehendaki dalam syariat Islam. Walaubagaimanapun surat nazar harta itu tidak boleh dikuatkuasakan di Pejabat Tanah Wilayah dalam urusan memindah milik harta secara langsung. Ini kerana ketiadaan undang-undang khusus yang dikanunkan tentang nazar kecuali wasiat sahaja. Melihat kepada permasalahan ini, langkah yang perlu diambil ialah melalui proses Mahkamah Rendah di mana *Dato' Yuttitham* akan memainkan peranan dalam menyelesaikan masalah ini.

Mengikut *Dato' Yuttitham*, surat keterangan nazar yang dikeluarkan oleh Majlis Agama Islam Pattani adalah hanya sebagai bukti sahaja bahawa nazar yang dibuat itu adalah sah mengikut hukum syarak atau tidak. Terdapat keadaan di mana ianya tidak

¹²² Saksi yang mendengar lafaz nazar itu adalah terdiri daripada ahli jawatan MAIP yang berurusan hal-hal yang berkaitan dengan nazar harta.

¹²³ Butiran dan keterangan yang disimakkan dalam serat keterangan nazar.

boleh dianggapkan sebagai bukti dalam menuntut harta tersebut. Perkara ini berlaku disebabkan undang-undang keluarga dan pusaka orang Islam di Pattani tidak diperuntukan mengenai nazar. Dalam menyelesaikan masalah ini, *Dato' Yuttitham* menyatakan bahawa beliau menggunakan budibicaranya untuk memindah atau mengubahsuai kepada “wasiat istimewa” dalam bahasa Thailand dikenali sebagai “*Phinaikham Phiset*”.¹²⁴

Kemudiannya, surat keterangan nazar itu akan dikemukakan di Mahkamah Sivil dan *Dato' Yuttitham* akan memutuskan sama ada surat nazar itu sah ataupun tidak. Umumnya, kebanyakkan surat nazar yang dikeluarkan oleh Majlis Agama Islam itu diakui dan disahkan oleh Dato' Yutitham. Sekiranya surat keterangan nazar yang dikeluarkan selain daripada Majlis Agama Islam, maka Dato' Dato' Yutitham akan meneliti terlebih dahulu surat nazar tersebut bagi memastikan kesahihannya. Jika nazar yang dibuat itu menepati dengan hukum Syarak maka ianya dianggap sah. Begitulah sebaliknya jika surat keterangan yang dikeluarkan itu tidak bertepatan dengan Hukum Syarak setelah dilakukan penelitian oleh Dato' Yutitham, maka surat nazar itu akan terbatal. Sekiranya surat keterangan nazar tersebut menepati Hukum Syarak, maka langkah seterusnya adalah menuntut dan memindah milik harta tersebut mengikut prosedur yang telah digariskan oleh mahkamah.

Pada dasarnya surat keterangan yang dikeluarkan oleh Majlis Agama Islam adalah sah dari Hukum Syarak dan surat nazar tersebut dapat dikuatkuasakan apabila penazar itu sudah meninggal dunia dan seterusnya boleh dijadikan sebagai surat pengesahan dalam menuntut harta tersebut di Mahkamah Sivil dan juga jabatan-jabatan lain yang berkaitan dengannya. Apabila berlakunya pemindahan milik harta nazar

¹²⁴ Temubual Aphirat Madsa-ih.*op.cit.*

tersebut, maka ia akan dibawa di Mahkamah Rendah Wilayah untuk menyelesaiannya.¹²⁵

4.10 PROSEDUR TUNTUTAN NAZAR HARTA DI MAHKAMAH RENDAH WILAYAH PATTANI

Amalan nazar adalah satu amalan yang sudah lama diamalkan oleh umat Islam di Pattani. Cara pengamalan nazar segi Hukum Syarak mungkin tidak banyak berhadapan dengan masalah. Namun perkara yang menimbulkan masalah timbul dari aspek perundangan dan pentadbiran. Secara jelasnya, ini berlaku adalah kerana tidak wujud satu peruntukan khas tentang nazar. Sebaliknya apa yang dipraktikkan sekarang ini adalah masih merujuk dan menggunakan undang-undang wasiat yang sedia ada. Dalam konteks menazar harta, ianya termasuk di bawah bidang kuasa Mahkamah Rendah Pattani sama seperti bidang kuasa hal-hal yang berkaitan dengan bentuk kehartaan yang lain. Apa yang berbeza adalah dari aspek penentuan sama ada nazar harta yang dilakukan oleh masyarakat Islam itu sah atau tidak. Dalam situasi ini, *Dato' Yuttitham* merupakan orang berautoriti yang akan memutuskan sama ada nazar yang dibuat itu sah ataupun tidak. *Dato' Yuttitham* berperanan dalam memutuskan perkara yang berkaitan dengan Hukum Syarak sahaja. Manakala dari aspek pentadbiran dan perkara civil yang lain akan dibicarakan dan diputuskan oleh hakim Mahkamah Rendah Pattani.

Tuntutan mengenai nazar atau kes-kes yang berkaitan sentiasa dirujuk kepada Mahkamah Rendah Pattani. Kebiasaan kes adalah melibatkan pengesahan sama ada surat nazar yang dilakukan oleh si mati itu sah atau tidak dari segi Hukum Syarak.

¹²⁵ *Ibid.*

Tuntutan tersebut dibuat supaya mahkamah mengeluarkan surat perlantikan sebagai pengurus atau wasi kepada harta pusaka nazar tersebut. Melalui surat keterangan nazar tersebut, ia dapat dijadikan bukti dalam urusan pindahan hak milik harta yang dinazarkan.

Dalam urusan pidahan hak milik, ia tidak dapat dilaksanakan secara langsung. Mereka yang terbabit hendaklah terlebih dahulu membuat permohonan kepada Mahkamah sebagai pentadbir pusaka simati. Kemudian, barulah proses pindah hak milik dapat dilakukan. Ini kerana apabila seseorang itu telah dilantik sebagai pentadbir pusaka maka beliau mempunyai kapasiti untuk memindahkan harta itu ke atas nama sesiapapun.¹²⁶

Dalam membuat tuntutan satu-satu kes, dokumen tersebut hendaklah lengkap:-

1. Sijil kematian simati.
2. Kad pengenalan penuntut.
3. Geran pemilikan harta pusaka simati.
4. Jika hal itu berkaitan dengan nazar maka perlu ada surat keterangan nazar dari Majlis Agama Islam atau lain-lain.

Prosedur membuat tuntutan di Mahkamah Rendah adalah berbeza di antara satu sama lain. Dalam kes ketiadaan defenden, maka prosesnya adalah lebih mudah dan senang. Langkah-langkah tersebut adalah seperti berikut:-

1. Melantik seorang peguam untuk menjadi wakil dengan mengemukakan surat rayuan iaitu surat supaya dilantik sebagai pengurus harta pusaka.

¹²⁶ *Ibid.*

2. Apabila surat rayuan tersebut sudah dikemukakan oleh Mahkamah, maka *Dato 'Yuttitham* akan menyiasat saksi-saksi yang berkenaan.
3. Apabila diluluskan, maka kos pendaftaran dikenakan.
4. Selepas itu, Mahkamah akan mengeluarkan waran kepada siapa yang hendak membantah dalam tempoh tujuh hari. Bermula pada hari waran perintah dikeluarkan sehingga tempoh yang ditetapkan.
5. Sekiranya masih gagal, ianya akan disiarkan di dalam akhbar tempatan dan notis akan dikeluarkan dalam tempoh masa 40 hari.
6. Jika tiada sebarang bantahan maka Mahkamah akan meneruskan perbicaraan.¹²⁷

Bagi kes-kes yang mempunyai defendan, maka proses tuntutan hendaklah mengikuti prosedur umum yang digariskan oleh undang-undang. Prosedur tersebut adalah seperti berikut:-

1. Melantik seorang peguam menjadi wakil kepada pihak plaintif iaitu surat akuan nazar sama ada sah atau tidak ataupun surat rayuan supaya dilantiknya sebagai pengurus harta pusaka dan juga defenden serta dengan mengemukakan surat bantahan yang dikemukakan oleh plaintif.
2. Apabila surat rayuan itu sudah dikemukakan kepada Mahkamah, maka *Dato 'Yuttitham* akan menyiasat saksi-saksi kedua-dua belah pihak.
3. Apabila selesai semakan tersebut, maka *Dato 'Yuttitham* akan memutuskan mengikut fakta yang beliau perolehi dengan betul dan tepat.
4. Apabila selesai, maka *Dato 'Yutitham* akan mengeluarkan perintah atau keputusan.¹²⁸

¹²⁷ *Ibid.*

Apabila selesai pembicaraan, barulah urusan pindah milik harta itu dapat dilaksanakan dengan mengemukakan surat perintah yang dikeluarkan oleh Mahkamah setelah diputuskan oleh *Dato' Yutitham* atas bidang kuasanya. Sekiranya berkaitan dengan nazar, maka surat perintah itu mestilah menyebut perlantikan pengurus harta pusaka dan diserahkan kepada pejabat tanah dalam urusan pemindahan harta tersebut. Surat perlantikan pengurus harta pusaka adalah penting untuk seseorang itu dapat proses pindah milik kerana ini adalah satu-satunya cara yang dapat memiliki harta tersebut.

Surat perlantikan pengurus harta si mati sememangnya penting kerana setelah seseorang yang dilantik menjadi pengurus harta si mati, maka beliau mempunyai hak untuk membuat apa sahaja dengan harta tersebut sama ada beliau mahu memberikan kepada pewaris yang lain atau tidak. Ini sama seperti kes-kes yang berkaitan dengan harta nazar. Sekiranya surat keterangan nazar didaftarkan atas nama beliau berserta dengan surat perlantikan pengurus harta tersebut, maka dengan senang dan mudah untuk beliau menguruskan urusan pindahan hak milik harta nazar tersebut.

Kebiasaannya, proses dalam membicarakan satu-satu kes mengambil masa dalam tempoh tiga bulan. Namun terdapat kes-kes yang memakan masa melebihi daripada tempoh tiga bulan. Ini semuanya bergantung kepada fakta dan saksi-saksi yang dikemukakan.¹²⁸ Melihat kepada realiti amalan nazar yang dilaksanakan oleh masyarakat Islam Pattani, harta nazar itu biasanya terdiri daripada harta tidak alih seperti rumah atau tanah. Sebarang harta pusaka yang akan dipindah hak miliknya kepada orang lain wajib didaftarkan kepada pihak kerajaan termasuklah pejabat tanah untuk pengesahan milikan.

¹²⁸ Mahamatayuding Samah (2000), *op.cit.*, h.85.

¹²⁹ Aphirat Madsa-ih, *op.cit.*

Dalam seksyen 1658 Undang-undang Peang (Undang-undang Keluargaan dan Pusaka) menyatakan bahawa pemindahan hak milik itu mesti mengikut kehendak undang-undang Sivil. Sebaliknya, jika pendaftaran tersebut tidak mengikut undang-undang, maka proses pendaftaran itu akan ditolak kecuali adanya surat akaun mahkamah yang mengizinkan dan mengesahkan pendaftaran tersebut. Bagi harta nazar, proses pemindahan hak milik adalah sama dengan pindahan bentuk kehartaan yang lain kerana harta nazar juga adalah dianggap sebagai salah satu harta pusaka si mati. Maka, proses pemindahan hak milik harta nazar hendaklah berdasarkan peraturan yang digariskan oleh Undang-undang Peang (Undang-undang Keluarga dan Pusaka).

4.11 MASALAH BERBANGKIT BERKAITAN DENGAN NAZAR

Terdapat beberapa masalah berbangkit yang berkaitan dengan nazar seperti berikut :

4.11.1 Masalah ketidakselarasan nazar dengan hukum syarak

Umumnya, amalan nazar adalah perkara yang baik dan amat digalakkan. Nazar merupakan satu perjanjian untuk melakukan perkara ibadat yang baik bagi mendekatkan diri dengan Allah. Sebagai contohnya, seseorang berkata : Demi Allah, jika Allah menyembuhkan saya daripada penyakit ini, nescaya saya akan berpuasa sebanyak tiga hari dan sebagainya. Namun begitu malan nazar yang di lakukan oleh masyarakat Islam Pattani mempunyai sedikit perbezaan. Mereka mengamalkan nazar dengan harta dan mengisyaratkannya dengan kematian. Hal ini menunjukkan seolah-olah menggunakan nazar sebagai instrumen perancangan dan pembahagian harta kepada sesiapa sahaja yang mereka kehendaki. Sebagai contoh menta'lik nazar iaitu seperti katanya “*apabila*

aku sakit maka harta aku sekiannya akan ku beri kepada.....dahulu daripada sakit mati ku dengan tiga hari”. Pelaksanaan nazar adalah tertakluk apabila penazar mengalami sakit yang boleh membawa kepada kematian [*marad al-mawt*]. Justeru itu perkataan “*dahulu daripada sakit*” juga mengaitkan dengan jumlah harta nazar; jika nazar sebelum (dahulu) daripada sakit yang boleh membawa kepada kematian maka si penerima akan dapat sepenuhnya (jika nazar semua harta) daripada harta nazar tersebut. Ianya dapat mengelakkan daripada pembahagian hukum wasiat dalam agihan harta yang dinazarkan dimana si penazar mengguna helah supaya nazar tersebut terpakai sepenuhnya. Ternyata nazar di atas tidak bertepatan dengan hukum syarak memandangkan ia dikaitkan dengan kematian yang sepatutnya menerima hukum wasiat. Tafsiran dan amalan nazar seharusnya dibincangkan secara mendalam dan terperinci agar masyarakat Islam Pattani dapat memahami konsep nazar yang bertepatan dengan hukum Syarak. Ini supaya amalan nazar yang diamalkan oleh masyarakat Islam di Pattani selaras dengan apa yang dikehendaki oleh hukum syarak.

4.11.2 Kesahihan surat nazar yang di keluarkan oleh mana-mana pihak

Secara keseluruhannya, surat nazar boleh dibuat dimana saja dengan syarat ianya dapat perakuan dari Majlis Agama Islam Pattani. Namun, masalah yang sering timbul apabila surat nazar itu tiada pengesahan dan perakuan dari Majlis Agama Islam Pattani. Masalah ini masih berlaku kerana ada sesetengah masyarakat Islam Pattani lebih gemar mengadu atau mencari penyelesaian dengan merujuk kepada Imam-Imam kampung, tuan guru atau orang-orang alim. Justeru itu, mereka lebih selesa dan senang dalam membuat sesuatu urusan yang berkaitan dengan hukum hakam agama seperti wasiat, hibah dan juga nazar harta dengan individu tertentu berbanding dengan Majlis Agama Islam. Ini adalah punca masalah yang berlaku dalam hal yang membabitkan

pengurusan harta terutamanya nazar harta. Apabila masalah berlaku maka akan timbul tanda tanya sama ada surat nazar yang dilakukan itu sah atau tidak dan adakah ianya boleh dilaksanakan atau tidak? Ini kerana ia tidak dikeluarkan oleh pihak yang bertanggungjawab sepenuhnya iaitu Majlis Agama Islam Pattani. MAIP adalah sebuah badan yang bertanggungjawab sepenuh dalam hal yang berkenaan dengan pengeluaran nazar. Seterusnya, adakah nazar itu menepati garis panduan yang ditetapkan oleh Majlis Agama Islam?

Justeruny, dalam menyelesaikan masalah ini *Dato' Yuttitham* memainkan peranan penting dalam menentukan dan memutuskan kesahihan sesuatu surat nazar. Masalah yang berlaku biasanya melibatkan pengeluaran surat keterangan nazar yang dikeluarkan oleh pihak-pihak lain selain Majlis Agama Islam. Dalam konteks ini, *Dato' Yutitham* akan menggunakan budi bicaranya dalam membuat penelitian dan keputusan untuk menentukan sah ataupun tidak surat keterangan tersebut. Beliau akan merujuk kepada kitab-kitab yang berkaitan nazar bagi memastikan keputusan yang dibuat adalah menepati dan mengikut syarat-syarat sah nazar. Sekiranya nazar yang dibuat itu menepati dengan Hukum Syarak maka dianggap sah, jika tidak maka surat nazar tersebut akan dibatalkan. Manakala nazar yang dikeluarkan oleh Majlis Agama Islam itu tiada masalah dan sah diambil kira dalam menuntut nazar yang melibatkan harta tersebut. Walaubagaimanapun nazar yang dilakukan oleh individu lain selain Majlis Agama Islam boleh dianggap sah jika dapat perakuan dan pengesahan dari Majlis Agama Islam.

4.11.3 Masalah surat nazar yang tidak diterima oleh ahli-ahli waris.

Pada kebiasaannya, nazar harta dilakukan oleh penazar sebelum kematianya tanpa pengetahuan ahli waris yang lain. Apabila berlakunya kematian penazar maka masalah ini akan timbul jika ahli waris tidak berpuas hati dan tidak dapat menerima surat nazar harta yang dilakukan oleh penazar.¹³⁰ Masalah ini sering dipertikaikan di kalangan ahli waris apabila mereka tidak dapat menerima nazar tersebut. Ianya berlaku kerana kebanyakan di kalangan ahli waris tidak faham apakah nazar harta itu? mereka juga kurang pasti sama ada nazar harta yang dilakukan oleh penazar itu sah atau tidak?. Pada hakikatnya dengan adanya nazar harta maka ahli waris akan mendapat bahagian yang berkekurangan.

Oleh itu, dalam menyelesaikan masalah ini Majlis Agama Islam akan memanggil semua ahli waris yang menerima pusaka dan menjelaskan kedudukan tentang nazar dengan terperinci agar dapat mereka fahami secara mendalam. Seterusnya, Majlis Agama Islam akan mengesahkan bahawa nazar yang dibuat oleh si mati tersebut adalah sah dari segi Hukum Syarak. Sekiranya terdapat ahli waris yang tidak berpuas hati dengan keputusan Majlis Agama Islam maka tuntutan boleh dibuat ke Mahkamah Sivil. Mahkamah Sivil akan memberi kuasa kepada *Dato' Yutitham* untuk membuat keputusan dalam hal ini. Biasanya, *Dato' Yutitham* akan membuat keputusan yang sama sekiranya surat nazar itu betul-betul sah dan mendapat akuan daripada Majlis Agama Islam.

¹³⁰Encik Umar Bin Yusof, *op.cit.*

4.11.4 Masalah nazar harta atas hak milik orang lain.

Selain daripada itu, wujud masalah berkenaan dengan menazar atas harta milik orang lain. Masalah ini timbul kerana apabila berlaku kematian maka ahli waris mesti melantik seseorang untuk menjadi pengurus harta dan peninggalan si mati. Apabila sudah dilantik pengurus harta, segala harta si mati perlu dipindah milik atau ditukar kepada nama pengurus harta tersebut. Seterusnya barulah harta-harta itu dapat diagih-agihkan kepada ahli waris yang lain. Dalam keadaan ini ramai dikalangan pengurus harta tidak membuat pengagihan harta itu dan dia mengambil semua harta sebagai miliknya. Justeru itu, mereka menazarkan harta itu kepada sesiapa sahaja yang mereka kehendaki dengan menggunakan harta milik orang lain atau waris si mati. Ini jelas menafikan hak waris-waris si mati yang berhak kepada harta peninggalan pewarisnya.

Apabila masalah ini berlaku, Majlis Agama Islam akan membahagikan semula harta tersebut kepada ahli waris mengikut hak dalam pusaka dimana perlakuan salah di atas tadi tidak dibenarkan untuk dilaksanakan. Jika seandainya terdapat bahagian harta nazar itu bagi pengurus tersebut maka harta dinazarkan akan diagihkan kepadanya sepetimana yang dinazarkan. Jika sebaliknya, beliau tidak akan mendapat apa-apa. Sekiranya ahli waris tidak berpuas hati dengan keputusan Majlis Agama Islam, maka dia boleh membuat tuntutan semula di Mahkamah Sivil. Mahkamah Sivil akan memberi kuasa kepada *Dato' Yutitham* untuk membuat keputusan tersebut.¹³¹

¹³¹ *Ibid.*

4.11.5 Masalah Ketiadaan Peruntukan Khusus Mengenai Nazar.

Sebagaimana yang telah dinyatakan diatas, dalam membicarakan kes-kes yang berkaitan dengan kesahihan nazar *Dato' Yuttitham* adalah orang yang mengambil tempat dalam menyelesaikan masalah ni. Beliau akan merujuk kepada hukum dan amalan nazar sebagaimana yang dinyatakan dalam kitab-kitab fiqh.¹³² Dalam hal-hal yang berkaitan dengan pemindahan hak milik harta nazar sering menimbul masalah kerana ketiadaan peruntukan khusus dalam undang-undang Islam yang digunakan di Mahkamah Rendah Pattani. Sepertimana *Dato' Yuttitham* menyatakan bahawa 70-80% kes-kes yang dikemukakan oleh Mahkamah Rendah Pattani adalah kes yang berkaitan dengan harta nazar. Dalam menyelesaikan masalah ini peruntukan undang-undang wasiat adalah sebagai sandaran kepada pemakaian nazar harta dengan menggunakan perkataan “wasiat istimewa” atau dalam bahasa Thailand dikenali sebagai “*Phinaikham Phiset*”. Perkara ini berlaku atas budibicara *Dato' Yuttitham* supaya nazar itu dapat digunakan dan diluluskan oleh Mahkamah Rendah.

4.12 KESIMPULAN

Dalam Undang-undang Praraj Banyat Kan Barihan Ongkan Islam telah memperuntukkan kuasa kepada Majlis Agama Islam sebagai pihak yang mengurus dan mentadbir harta nazar. Namun begitu, perbincangan dalam bab ini didapati bahawa masih belum ada undang-undang khas yang memperuntukkan tentang nazar secara langsung tetapi undang-undang wasiat terpakai sebagai landasan. Hampir kesemuanya masih belum wujud perbicangan khusus berkaitan dengan nazar.

¹³²Aphirat Madsa-ih.*op.cit.*

Konsep nazar pada asasnya merupakan suatu bentuk janji terhadap sesuatu perkara ibadah yang pada asasnya tidak wajib dengan menggunakan ungkapan yang mewajibkan atas dirinya dalam melakukan sesuatu perkara itu jika hajatnya tercapai. Namun begitu, masyarakat Islam Pattani mengamalkan nazar harta sebagai satu penyelesaian dalam menguruskan harta benda mereka sebelum meninggal dunia. Ianya agak berbeza jika berbanding dengan negara lain seperti Malaysia. Amalan nazar yang sering diamalkan oleh masyarakat Pattani adalah mengta'likkan nazar dengan mengaitkan harta dan mesyaratkan dengan sakit dan matinya. Sebagai contoh katanya “*apabila aku sakit maka harta aku sekaliannya aku nazar bagi dahulu daripada sakit mati dengan dua hari*”. Perkara ini dilakukan dalam keadaan sihat dan ianya berlaku atas kehendak penazar itu sendiri dengan tidak ada paksaan. Oleh itu, sekiranya ia dibuat dalam keadaan sakit tenat yang boleh membawa maut (*marad al-maut*) nazar itu terpakai hanya satu pertiga sahaja iaitu hukum wasiat, kecuali jika ahli waris setuju.

Berdasarkan kepada senarai pengeluaran nazar harta yang dikeluarkan oleh Majlis Agama Islam Pattani jelas menunjukkan bahawa nazar adalah amalan utama yang gemar dilakukan oleh masyarakat Pattani jika dibandingkan dengan wasiat dan hibah. Walaubagaimanapun, nazar sentiasa mengalami masalah yang menghalang dan menganggu proses pengendaliannya terutama dari sudut pentadbiran dan perundangan. Oleh itu, perubahan dan pembaharuan dalam usaha meningkatkan prestasi mutu pentadbiran dan pengurusan amat diperlukan tanpa mengabaikan konsep nazar harta untuk kebijakan masyarakat Islam. MAIP perlu memikul tanggungjawab yang amat besar dalam memastikan harta nazar sentiasa berada dalam keadaan baik dan memastikan hasrat penazar terlaksana. Seiring dengan pembangunan sekarang ini, MAIP hendaklah mengambil kesempatan yang ada untuk membangunkan harta nazar

ini semaksimum mungkin agar ia memberi pulangan yang baik untuk ummah selagi mana ianya tidak bercanggah dengan hukum syarak. MAIP hendaklah memastikan pengurusan nazar harta dilaksanakan dengan cekap dan berkesan serta dibangunkan berlandaskan pentadbiran hukum syarak.

Secara keseluruhannya, nazar yang diamalkan oleh masyarakat Islam Pattani itu bukan sekadar untuk beribadah kepada Allah sahaja tetapi ianya memberi kebajikan dan kebaikan kepada orang sekelilingnya. Justeru itu, ia juga sebagai satu pengurusan harta supaya tidak berlaku pergaduhan dalam kalangan ahli-ahli waris yang lain setelah ketiadaan orang yang bernazar. Kebajikan yang dimaksudkan adalah kebajikan yang lebih memberi kebaikan kepada ahli waris dan keluarga yang terdekat. Secara praktikalnya, nazar sedekah seperti yang sering diamalkan oleh masyarakat Islam di Pattani ini ada hikmah yang tersirat. Ini kerana ia bertindak sebagai satu motivasi bagi seseorang hamba Allah itu memantapkan lagi azamnya untuk mendekatkan dirinya dengan Allah melalui amalan kebajikan yang dinazarkan tetapi dengan syarat niat yang betul-betul ikhlas.

BAB 5: PENUTUP

5.1 RUMUSAN

Majlis Agama Islam Pattani merupakan sebuah badan sosial agama yang ditubuhkan di satu wilayah yang terdapat majoriti Umat Islam. Penubuhannya bertujuan untuk mengawal umat Islam di wilayah tersebut agar mengikut perundangan Islam, terutama dalam hal kekeluargaan dan pusaka. Selain itu, penubuhannya juga untuk menyelesaikan pelbagai masalah yang wujud di Majlis Agama Islam dan Mahkamah Sivil tanpa perlu menyelesaikan mengikut undang-undang kekeluargaan bukan Islam.

Penubuhan Majlis Agama Islam Pattani adalah di bawah kawalan Kementerian Dalam Negeri dan Menteri Pelajaran Thailand. Majlis telah diberikan mandat untuk menguruskan hal-hal yang berkaitan dengan urusan harta pusaka dan kekeluargaan orang-orang Islam. MAIP juga diberikan kuasa untuk mengeluarkan surat kenyataan berhubung dengan wakaf, wasiat, hibah dan termasuk nazar sebagai keterangan di Mahkamah Rendah Wilayah. Melihat kepada kedudukan perundangan Islam yang dilaksanakan di Pattani ia adalah dibawah kawalan Mahkamah Rendah Wilayah, yang mana ia merupakan sebuah badan kehakiman yang berada di bawah Mahkamah Sivil Thailand. Di Mahkamah Rendah Wilayah Pattani terdiri daripada dua orang hakim iaitu hakim sivil dan *Dato' Yuttitham*. *Dato' Yuttitham* adalah penasihat kepada hakim sivil dalam membicara dan memutuskan kes-kes yang melibatkan hukum syarak. Umat Islam di Pattani diberi peluang untuk menyelesaikan kes-kes yang berkaitan dengan pusaka dan kekeluargaan di Mahkamah Rendah Wilayah. Di bawah Mahkamah Rendah Wilayah terdapat dua orang *Dato' Yuttitham* yang dilantik oleh kerajaan Thailand dalam mengendalikan dan memutuskan perkara-perkara yang membabitkan hukum syarak.

Umumnya, didapati bahawa umat Islam di wilayah Pattani lebih suka menyelesaikan kes-kes yang berkaitan dengan pusaka dan kekeluargaan melalui imam-imam di qariah mereka tanpa rujukan kepada Majlis atau Mahkamah. Sekiranya masalah tersebut tidak dapat diselesaikan di hadapan imam-imam, maka mereka akan merujuk kepada Majlis Agama Islam Wilayah. Walaubagaimanapun, terdapat juga sebahagian daripada mereka membawa kes-kes yang tidak dapat diselesaikan terus ke Mahkamah Rendah Wilayah.

Dalam kajian ini, amalan menazar harta di Pattani merupakan pilihan utama bagi menyelesaikan pengurusan harta orang-orang Islam. Mereka memilih nazar harta sebagai instrumen perancangan dan pembahagian harta yang mereka miliki. Masyarakat Islam di Pattani menganggap nazar harta sebagai “wasiat istimewa” atau dikenali sebagai “*Phinai Kham Phiset*” dalam bahasa Thai. Amalan menazar harta yang diamalkan oleh masyarakat Islam di Pattani adalah konsep nazar dengan menta’likan hartanya kepada sesiapa sahaja yang dikehendaki sebelum sakit matinya dengan dikaitkan harta dan disyaratkan dengan kematian. Sehubungan dengan nazar ini terkandung unsur hibah dan wasiat, kerana ia adalah pemberian yang boleh membawa kepada maksud hibah dan yang dikaitkan dengan wasiat itu kerana ia dikuatkuasa selepas kematian dan tiada had batasannya. Sesuatu hibah atau pemberian itu mesti berlaku sertamerta bukan selepas kematian. Dari sudut wasiat pula kadar pemberian maksimum bagi sesuatu wasiat itu tidak melebih dari 1/3 daripada harta peninggalan si mati jika ahli waris tidak bersetuju dengan bahagian (portion) dengan wasiat itu tetapi nazar harta sah dengan keseluruhan hartanya. Namun begitu, nazar yang dilakukan dalam keadaan sakit tenat yang membawakan kepada kematian maka sah dengan 1/3 sahaja iaitu hukum wasiat. Nazar sebegini bertujuan untuk memberikan harta kepada sesiapa yang dia kehendaki tetapi pemberian itu akan berkuatkuasa selepas kematian. Sepertimana yang telah dijelaskan

bahawa menazar harta di kalangan masyarakat Islam di Pattani ini bukan sekadar beribadah sahaja tetapi bertujuan membalas budi atau nazar dengan sebab-sebab tertentu. Penazar akan menazarkan hartanya sebelum kematian, supaya harta tersebut dapat dielakkan daripada pembahagian mengikut pusaka dan dapat memberikan kepada orang yang dikehendaki. Selain daripada itu nazar juga telah digunakan untuk memindahkan semua harta kepada sesiapa sahaja yang dia kehendaki sebelum kematianya. Sepertimana yang dinazarkan harta kepada anak perempuannya sebelum meninggal, kerana jika tidak hukum fara'd akan diterapkan anak perempuan hanya boleh menerima 1 / 2 daripada harta kematianya dan bahagian yang lain akan pergi kepada ahli waris yang lain. Selain daripada itu, ada juga yang melakukan dengan tujuannya untuk mendapatkan pembahagian yang sama rata diantara anak lelaki dan perempuan. Seterusnya nazar kepada bukan ahli seperti anak angkat atau orang yang berjasa kepadanya atau kepada isteri-isteri yang selain daripada isteri pertama atau nazar hartanya untuk cucu-cucunya yang tidak mempunyai bapa ataupun bapanya yang tidak bertanggungjawab. Secara keseluruhannya nazar yang dilakukan itu bertujuan untuk memberi kebaikan, keadilan dan keselamatan orang-orang dibawah jagaannya setelah kematianya. Di samping itu juga untuk memberi kebajikan kepada ahli waris dan mereka yang di bawah jagaannya. Ini dilakukan dengan maksud untuk membantu umat Islam terutama di Pattani supaya mereka boleh memindahkan kekayaan mereka berdasarkan syariah sebagaimana yang telah diterima pakai oleh Majlis Agama Islam Pattani. Secara keseluruhanya, nazar harta yang di amalkan oleh umat Islam di Pattani itu merupakan suatu perkara yang baik dan perlu diteruskan. Namun begitu, konsep pengamalannya tidak menepati dengan hukum syarak memandangkan ia dikaitkan dengan kematian yang sepatutnya menerima hukum wasiat.

Selain daripada itu, Hasil kajian mendapati bahawa masih terdapat kelemahan dari aspek perundangan dan pentadbiran yang berkaitan dengannya. Dengan memakai peruntukan berkaitan wasiat ke atas nazar adalah sesuatu yang harus dielakkan. Kelemahan pelaksanaan prosedur yang berkaitan nazar harta di MAIP masih tidak lengkap. Tiada rujukan dan dokumentasi yang lengkap dan khusus mengenainya. Dapat diperhatikan yang mana pelaksanaan dan pentadbiran yang dijalankan ketika ini di MAIP masih tidak efisyen dan sistematik. Perkara-perkara seperti tidak ada buku panduan yang boleh menjadi rujukan tentang nazar dalam bentuk bertulis (dokumentasi) hanya dalam bentuk lisan sahaja. Ketiadaan garis panduan yang jelas dan lengkap dalam menguatkuaskan rayuan harta nazar membawa kepada kelonggaran pelaksanaan nazar itu sendiri. Kesan daripada ketiadaan garis panduan yang lengkap boleh menimbulkan persoalan berkaitan dengan kesahihan surat keterangan yang dikeluarkan. Selain daripada itu terdapat juga surat keterangan nazar yang dikeluarkan oleh individu-individu tertentu seperti wakil qariah, imam, khatib dan tok guru selain daripada MAIP. Perkara ini hendaklah dikawal dan sentiasa dipantau bagi mengelakkan berlakunya penyelewengan dan masalah-masalah lain yang akan timbul.

Berdasarkan kepada pentadbiran Majlis Agama Islam Pattani, bahagian Syariah merupakan bahagian yang mengendalikan urusan berkenaan dengan hal-hal yang berkaitan dengan nazar harta. Namun apa yang berlaku secara praktikalnya adalah terletak di bawah Timbalan Yang Dipertua Bahagian Pemerintah. Pegawai ini bukan sahaja merangkap sebagai penasihat berkenaan Hukum Syarak malah bertanggungjawab ke atas semua perkara yang berkaitan dengan harta, urusan pentadbiran dan pemerintahan serta urusan khidmat masyarakat. Kerja-kerja yang dibuat ada kalanya dilakukan atas inisiatif dan keikhlasan pegawai itu sendiri serta berkerja di luar waktu pejabat atau dibawa ke rumah. Majlis juga menghadapi masalah kekurangan kakitangan

yang mahir dalam menguruskan hal-hal yang berkenaan dengan nazar harta. Hasil daripada penggabungan kerja ini memberi implikasi yang besar terhadap ketidakseimbangan antara bebanan kerja, fungsi dan aktiviti dengan bidang tugas sebenar yang perlu dilaksanakan.

Melihat kepada tenaga kerja, jelas menunjukkan bahawa bilangan kakitangan dan tenaga kerja yang betul-betul mahir dalam menjalankan urusan nazar amat terhad. Hal ini adalah faktor utama berlakunya kelewatan perjalanan urusan nazar. Pengawai terpaksa memikul semua beban tanggungjawab yang melibatkan dua tugas dan bidang tugas yang berlainan akibat kekurangan pekerja. Justeru itu timbulnya masalah kemahiran kakitangan yang secara tidak langsung mempengaruhi kelemahan dari aspek pentadbiran dan pengurusan di MAIP.

Status surat keterangan nazar yang dikeluarkan oleh MAIP kekal dianggap sah. Walaubagaimanapun surat nazar harta itu tidak boleh dikuatkuasakan di Pejabat Tanah Wilayah dalam urusan memindah milik harta secara langsung. Ianya adalah sebagai pengesahan sahaja bahawa nazar harta itu sah mengikut hukum syarak atau tidak, tetapi tidak boleh dianggap sebagai bukti dalam menuntut harta tersebut. Surat keterangan yang dikeluarkan oleh individu pula dianggap tidak sah selagi mana tidak mendapat pengesahan Dato'Yutitham. Proses untuk mendapatkan pengesahan surat nazar tersebut hendaklah melalui prosedur sepertimana yang sudah dinyatakan dalam bab yang ke empat sebelum ini. Bidang kuasa yang berkaitan dengan nazar sebenarnya adalah dibawah tanggungjawap MAIP namun apa yang berlaku terdapat juga surat keterangan nazar yang dikeluarkan oleh pihak-pihak lain. Tambahan pula, bidang kuasa MAIP tidak terikat walaupun dalam Praraj Banyak Kan Barihan Ongkan Islam telah memperuntukkan kuasa kepada Majlis sebagai pihak yang menguruskan nazar harta.

Selain itu, dari aspek perundangan pula timbul masalah ketiadaan peruntukan khas yang menyatakan tentang nazar harta secara langsung. Apa yang dipakai ialah mengambil kira undang-undang wasiat yang sedia ada sebagai landasan supaya nazar harta itu dapat dikuatkuasakan di mana peruntukan wasiat tersebut langsung tidak menyentuh mengenai nazar. Kesannya membawa kepada permasalahan pemindahan hak milik harta nazar tersebut. Ini kerana surat keterangan nazar yang sah mengikut undang-undang itu tidak dapat dipindahkan hak milik secara langsung tetapi ianya mesti dibuat rayuan mengikut proses yang telah ditetapkan Mahkamah Rendah Pattani.

5.2 CADANGAN

Selepas melihat kepada pelaksanaan dan pentadbiran nazar, pelbagai persoalan yang timbul sama ada dari aspek hukum syarak, pentadbiran dan perundangan. Sudah pasti ia memerlukan suatu tindakan yang beterusan dan tersusun dalam memastikan pemakaian amalan nazar harta di Pattani berada dalam keadaan sistematik, dinamik dan selari dengan Hukum Syarak. Dari aspek perundangan sudah tiba masanya untuk mengadakan peruntukan berkaitan dengan nazar. Sampai bila harus bergantung kepada peruntukan mengenai wasiat sedangkan wasiat dan nazar adalah identiti yang berbeza. Dalam konteks pemakaian undang-undang yang sedia ada khususnya wasiat adalah dilihat tidak begitu menepati sedangkan peruntukan wasiat itu sendiri tidak menyentuh langsung tentang nazar. Pada pandangan penulis, isu berkaitan dengan permasalahan nazar harta seharusnya tidak berlaku kerana MAIP mempunyai ruang atau hak dalam mengadakan garis panduan dalam bentuk bertulis yang boleh dirujukan. Sehubungan

dengan apa yang disimpulkan di atas, maka penulis mempunyai beberapa cadangan seperti berikut:

1. Mewujudkan peruntukan khas yang memperuntukkan mengenai nazar harta supaya amalan nazar harta itu dapat dikuatkuasakan mengikut undang-undang yang mana tidak bergantung kepada undang-undang wasiat yang sedia ada.
2. Mewujudkan bahagian pengurusan nazar dalam bertanggungjawab tentang nazar harta, wasiat dan hibah supaya lebih sistematik dan mendokumentasikannya mengikut garis panduan yang jelas dan nyata.
3. Mengadakan pindaan peraturan dan panduan dalam hal yang berkaitan nazar supaya lebih sistematik dan konsisten semoga dapat dilaksanakan dengan lebih baik.
4. Memperbaiki penyelarasan di antara hukum Islam yang telah diputuskan di Mahkamah Rendah ataupun MAIP dengan pihak kerajaan yang bertanggungjawab. Contohnya cadangan untuk mengeluarkan surat keterangan nazar, wasiat atau hibah itu dapat dipindah milik secara langsung dan tidak perlu melalui proses dari Mahkamah Rendah.

Sebagai kesimpulan dan penutup kepada kajian ini, permasalahan yang berkaitan ketidakselaras dengan hukum syarak perlu dibaiki serta dengan pentadbiran dan perundangan nazar harta di Pattani hendaklah diatasi. Penggubalan atau enakmen nazar perlu diadakan sudah pasti akan dapat menyelesaikan kebuntuan dalam undang-undang

pentadbiran nazar yang berkaitan dengan harta di Pattani. Di samping itu, sekiranya sukar dalam mengadakan peruntukan nazar yang khusus, maka dicadangkan agar penambahbaikan dan pengemaskinian peruntukan wasiat yang sedia ada dengan mewujudkan substantif peruntukan yang berkaitan dengan nazar agar ia dapat dilaksanakan dengan betul. Apabila adanya perundangan nazar yang khusus atau peruntukan mengenai nazar dalam mana-mana undang-undang sedia ada, maka ia sudah tentu dapat membaiki setiap kelemahan yang dihadapi oleh Majlis. Sebagaimana yang dilakukan di Malaysia oleh negeri Selangor dengan mewujudkan Enakmen Wakaf dan Wasiat Selangor serta mengadakan kesemua peruntukan substantif dan lain-lain yang berkaitan. Selain dari itu, Majlis Agama Islam Pattani perlu mengkaji dan memahami secara terperinci dalam hal yang berkaitan dengan nazar seperti mana yang dijelaskan dalam kitab-kitab fiqah semoga pengamalan nazar harta itu dapat diamalkan dengan tepat.

Pengkajian berharap agar kajian ini dapat memberikan panduan kepada pihak yang berkaitan dalam meningkatkan urusan yang berkaitan dengan nazar. Mudah-mudahan hasil cadangan ini dapat membawa perubahan dan pembaharuan dalam struktur organisasi pentadbiran MAIP dan perundangan dengan mengadakan peruntukan yang berkaitan dengan nazar secara khusus agar nazar harta berjalan dengan lancar dan memudahkan proses pemindahan hak milik nazar harta dilaksanakan dengan sempurna.

Dalam hal ini, MAIP perlu memikul tanggungjawab yang amat besar dalam memastikan harta nazar sentiasa berada dalam keadaan baik kerana ia berdepan dengan kepentingan dan hak masyarakat didalamnya. Sudah menjadi satu kewajipan bagi MAIP untuk merealisasikan hasrat penazar terlaksana. Seiring dengan pembagunan sekarang

ini, MAIP hendaklah mengambil kesempatan yang ada untuk membangunkan harta nazar ini semaksimum mungkin agar ia memberi pulangan yang baik untuk ummah selagi mana ianya tidak bercanggah dengan hukum syarak. MAIP hendaklah memastikan pengurusan nazar harta dilaksanakan dengan cekap dan berkesan serta dibangunkan berlandaskan pentadbiran hukum syarak.